

"[...] Allah Maha Pelaksana, walau sekuat mana pun kuasa yang merancang kemusnahan untuk Islam dan umatnya, tetapi jika belum dengan kehendak Allah, maka kemusnahan itu tidak akan berlaku. Bahkan sebaliknya, kejayaan pula akan menjadi milik kepada pihak yang dianggap lemah." - Titah Sempena Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1423 pada 14 Mac 2002.

قليتا بروني Delita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAN orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah untuk memelihara Islam dan orang-orang Ansar yang memberi kediaman dan pertolongan kepada orang Islam berhijrah itu, merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya, mereka beroleh kepunahan dan limpah kurnia yang mulia." - Surah Al-Anfaal ayat 74.

TAHUN 51 BILANGAN 5

RABU 1 FEBRUARI 2006/1427 رابو 2 محرم

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah empena menyambut Tahun Baru Hijrah 1427. - Foto : Ramli engah.

Peranan pendidikan agama memperelok keadaan, membina tamadun, kehidupan

OLEH JAAFAR IBRAHIM jaafer.ibrahim@information.gov.bn

DAN ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Peranan persekolahan dan pendidikan agama di Negara Brunei Darussalam bukan setakat untuk memperelok keadaan, malahan juga mesti meningkatkan kepada membangun atau membina tamadun dan kehidupan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan tanpa peranan sedemikian, tamadun dan kehidupan itu boleh sahaja ibarat kapal tanpa muatan,

tidak ada apa yang boleh diambil sebagai manfaat daripadanya.

Untuk itu, baginda menitahkan dengan menarakan supaya disusun semula dan dikemaskinikan semua yang berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan agama termasuk juga menyemak sukatan dan kurikulumnya.

"Kerana itu beta ingin melihat peranan 'besar' itu dilaksanakan secara berkesan. Dan untuk ini, penyusunan semula atau pengemaskinian semua yang berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan agama hendaklah dibuat termasuk juga menyemak

sukatan dan kurikulumnya," tegas baginda dalam Titah Perutusan Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1427 yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei malam tadi.

Menurut baginda lagi, objektif kita ialah supaya rakyat dan penduduk di negara ini mendapat pendidikan agama yang sempurna.

"Jangan siapa yang mengelak atau berkecuali. Kerana ia adalah 'jalan selamat' yang telah disediakan oleh negara. Maka kerana itu, tidak siapa pun yang patut menolaknya," titah baginda.

Kebawah DYMM bertitah, setiap kanak-kanak Brunei Muslim adalah wajib diasuh menyempurnakan fardu ain sekurang-kurangnya sembahyang mereka sempurna dan bacaan Al-Quran mereka lancar.

Untuk itu, titah baginda lagi, mustahak dan perlunya diteliti kesesuaian sukatan dan kurikulum pendidikan agama.

Baginda merumuskan, semua objektif di dalam pendidikan ialah bagi melahirkan rakyat yang taat beragama di mana mereka akan menjadi pelita ummah yang mempunyai fahaman dan pegangan yang betul.

Ke arah itu, baginda turut berharap supaya dikeskinkan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam atau Islamic Religious Knowledge (IRK) dalam persekolahan umum.

"Ciri-ciri salih ini tidak dapat diabaikan, memandangkan dunia hari ini lebih menjurus kepada kejahatan moral," titah baginda lagi.

Sehubungan dengan itu, baginda percaya, program pengembangan sumber tenaga manusia dengan dana sejumlah \$250 juta yang diluluskan baru-baru ini juga akan dapat melihat aspek ini.

Yakni, titah baginda, manusia yang dirancang dan akan lahir daripada program tersebut ialah manusia Brunei yang berilmu, mahir dan beramal salih.

Baginda menambah titah, semenjak kerajaan memperkenalkan sistem persekolahan agama hampir setengah abad yang lalu, rakyat negara ini telah dapat mempelajari ilmu-ilmu agama khususnya Ibadat dan Al-Quran dan seterusnya perlaksanaan Pelajaran Dewasa Agama.

Semenjak itulah juga, titah baginda, persekolahan agama telah berjaya mencorakkan hidup kita selaku orang-orang Islam di mana daripadanya terpancar sinar agama menyinari kehidupan.

"Brunei adalah dikenali dengan sifatnya yang mengamalkan agama menurut landasan yang sihat. Ia tidak pernah mencetuskan sebarang kekecohan, berkat fahaman yang kita pakai adalah menepati acuannya," titah baginda.

Baginda merasakan pendekatan yang sudah serasi dengan Brunei itu perlu dihayati dan pertahankan.

Sertai usaha serantau, global untuk tangani pelbagai isu

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan ia perlu menyertai usaha-saha serantau dan global untuk menangani pelbagai isu seperti isu alam sekitar, tembantaran jenayah dan awalan wabak penyakit.

Ini, titah baginda, berakna kita tidak boleh mengisihkan diri baik secara aktif atau perlahan.

Baginda menambah titah, di tengah-tengah su-

sana dunia yang sering berubah ditambah lagi dengan isu-isu serantau dan global yang terus menghambatkan pada setiap masa setentunya sahaja memerlukan kita bersikap lebih bijak dan berhati-hati.

Menurut baginda lagi, penyertaan Brunei tidak sahaja kerana menunaikan tanggungjawab selaku anggota masyarakat antarabangsa tetapi juga didorong oleh rasa keagamaan yang suci.

Baginda bertitah, agama Islam yang menjadi agama pegangan kita turun-temurun dan merupakan agama rahmat untuk seluruh alam

menganjurkan supaya saling menghormati di antara manusia dan bukannya permusuhan atau penyisihan diri.

"Kita perlu menterjemahkan rahmat ini ke dalam dasar-dasar kerjasama serantau dan antarabangsa seperti jika kita melaksanakan program-program keagamaan dalam negeri yang bertujuan menyebarkan rahmat itu kepada semua iaitu rahmat yang berupa kebahagiaan dunia dan akhirat," titah baginda dalam Titah Per-

utusan Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1427 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei ke seluruh negara malam tadi.

Terdahulu dalam titah perutusan berkenaan, baginda bertitah menjelaskan bahawa tahun ini akan kita jadikan tahun 'kerja keras' sebagaimana di masa yang sudah-sudah.

Baginda menjelaskan, kerja-kerja itu pula didasarkan kepada dua tuntutan besar iaitu untuk kebaikan di dunia dan keselamatan di

akhirat.

"Kita akan bekerja dengan hidayat sambil menjauhi kemurkaan Allah. Dengan cara ini kita akan menghasilkan program-program kemajuan seperti yang dihayati," titah baginda dengan penuh harapan.

Ke arah itu, titah baginda, kita akan bekerja dengan hidayat sambil menjauhi kemurkaan Allah dan dengan cara ini kita dapat menghasilkan program-program kemajuan seperti yang dihayati.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Ugama kepada Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim. (Berita lanjut di muka 16).

PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkecuali menghantar perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Michael Jeffery dan Perdana Menteri Australia, John Howard sempena Hari Australia.

Menurut siaran akhbar abatan Perdana Menteri, dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan semesta di atas hubungan mesra dan persefahaman

yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lama di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia.

Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Baginda juga berharap semoga Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Michael Jeffery sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Lihat muka 2

HARI
KEBANGSAAN
KE-22
21 HARI LAGI



ANTARA
YANG
MENARIK

Hasrat Negara: Sentiasa bersedia berikan perkhidmatan terbaik tanpa mengira waktu, tempat

- Muka 2

Haluan : Jangan lalai, tingkatkan komitmen, berinisiatif dalam tugas, tanggungjawab

- Muka 3

Pertukaran Kepala Panji-panji simbol perubahan dari era lama ke era baru

- Muka 1 ANEKA

Seruan Suci : Hayati pengajaran daripada peristiwa Hijrah Rasulullah

- Muka 3 ANEKA

Minda Pembaca

- Muka 6 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PERKHIDMATAN pelanggan yang cemerlang terbahagi kepada lima perkara utama. Antaranya, pegawai dan kakitangan perlu mempunyai kredibiliti iaitu yakin, bersikap profesional dan mempunyai sikap yang baik; dan pegawai dan kakitangan perlulah memeduli dan bersikap sensitif terhadap kehendak pelanggan seperti menerima kerehan pelanggan, bersikap terbuka, jujur, ikhlas dan menunjukkan penghargaan terhadap pelanggan. - Sumber: PANDUAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN. Negara Brunei Darussalam : Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri (2004: 2 & 3).

HASRAT NEGARA



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di upacara Perbarisan Hari Polis Ke-85 Tahun dan Pertukaran Kepala Panji-panji Diraja Pasukan Polis Diraja Brunei pada hari Rabu, 18 Zulhijah 1426/18 Januari 2006 di Padang Kawad Pusat Latihan Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihiie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Tidak ada yang lebih bermakna dari mengucapkan syukur kepada Allah apabila pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menjangkau usianya ke-85 tahun. Dalam usia sepanjang ini, tentu sahaja ia telah merasai pelbagai pengalaman dari yang manis sampailah kepada yang pahit turut dilaluinya. Namun semua itu tidaklah menjejaskannya walau sedikit pun, malah lebih memantapkannya lagi.

Pasukan polis adalah penguat kuasa utama undang-undang. Ia perlu hebat dan berwibawa. Ia tidak boleh lemah dan lesu. Jia ia lemah, bererti banyak kepentingan akan terjejas.

Istimewa dalam era globalisasi hari ini, kita adalah sering berhadapan dengan cabaran-cabaran sukar yang memerlukan persiapan mantap pasukan polis. Misalnya ledakan teknologi maklumat dan kemuraman ekonomi di rantau kita masa ini, boleh sahaja mencetuskan keadaan-keadaan tidak menentu. Maka oleh itu, langkah mestilah diambil untuk terus memelihara serta mempertingkatkan lagi hubungan kita dengan pasukan polis di rantau ini iaitu sebagai cara mem-

perkemas 'networking' yang sedia ada.

Kewujudan anasir atau penjenayah profesional, 'white collar criminal' dan lain-lain, turut mencetuskan kegelisahan mendalam di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Maka dalam konteks ini, pasukan polis adalah mempunyai tanggungjawab khusus untuk menghadapi dan menanganinya.

Kita di negara ini tidak terkecuali dari menerima kehadiran IT. Kehadiran itu tentu sahaja membawa banyak kebaikan. Namun dalam masa yang sama ia juga boleh digunakan bagi tujuan-tujuan lain yang memudaratkan masyarakat. Maka sehubungan ini, sampailah masanya PDB menimbangkan dengan se-

SENTIASA BERSEDIA BERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK TANPA MENGIRA WAKTU, TEMPAT

gera penubuhan Bahagian Komputer Forensik.

Alhamdulillah, lokasi negara kita serta keadaan ekonominya sekarang, amatlah melegakan. Namun dalam pada itu ia juga menjadi pendorong kepada peningkatan pembolosan pendatang haram, penyeludupan dan pencerobohan nelayan asing. Ini tidak syak lagi, meminta komitmen penuh pasukan polis, di samping juga lain-lain pihak yang sama-sama berkecuali.

Rakyat dan penduduk adalah menggantungkan harapan kepada pasukan polis. Kerana itu komitmen semua lapisan pegawai dan anggota hendaklah selalu dirangsang. Ia mesti dibuktikan dengan tindakan atau perkhidmatan yang ber-berkualiti.

Manakala perkara ini terjadi, barulah akan wujud kepercayaan orang ramai terhadap pasukan polis. Tidak ada yang lebih bermakna dari kepercayaan orang ramai tersebut, kerana dengannya akan menjelmakan pula dukungan kuat mereka terhadap pasukan polis itu.

Pasukan polis tidak sahaja terikat kepada tugas-tugas biasa kepolisian, seperti menjaga keamanan dan ketenteraman serta menguatkuasakan undang-undang, tetapi juga menjadi penghubung di antara rakyat dan kerajaan, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Maka ke arah ini, setiap pegawai dan anggota hendaklah sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira waktu dan tempat.

Apabila pihak polis menerima aduan orang ramai berkaitan dengan keselamatan, seperti rumah didatangi pencuri atau terdapat kelibat-kelibat yang men-

curigakan, maka pihak polis janganlah menunggu lama-lama atau terlalu cewet dengan bertanya itu dan ini sehingga membosankan pihak pengadu atau pelapor. Kita mesti ingat, bahawa penjenayah itu sama sekali tidak menunggu polis, tetapi mahu lari seberapa yang cepat daripada polis.

Jadi jika polis bergerak lambat, bagaimanakah mungkin untuk dapat menangkap penjenayah yang bergerak pantas?

Oleh itu, beta ingin mengingatkan supaya pasukan polis sentiasa efisien, proaktif dan kreatif. Dan untuk ini, pasukan polis perlulah mempunyai program-program latihan yang kemas, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Pasukan polis juga mesti menyedari bahawa mereka itu adalah tidak terlepas daripada pemerhatian pelbagai pihak. Kerana itu kita tidak hairan jika masyarakat amat sensitif dengan perlakuan atau perbuatan-perbuatan 'menyimpang' mereka, walaupun hanya cuma dilakukan oleh sebilangan kecil ahli sahaja, ibarat kata pepatah 'seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit'.

Apa yang ingin beta tegaskan, bahawa beta amatlah menginginkan pasukan polis yang bersih, berwibawa dan berakhlak mulia. Sebagai penguat kuasa undang-undang, pasukan polis mestilah berani, amanah dan setia, sehingga dengannya tidak akan berbangkit yang pasukan polis boleh diperlakukan oleh mana-mana pihak bagi kepentingan tertentu mereka.

Sebagai pelengkap, beta telah pun memperkenalkan penubuhan Jabatan Perisikan Jenayah atau De-

partment of Criminal Intelligence. Begitu juga untuk kebajikan warga polis, beta juga telah memperkenankan peruntukan skim takaful berkelompok bagi para pegawai anggota dan kakitangan awam pasukan polis.

Hari ini juga kita semua akan menyaksikan satu lagi catatan sejarah dalam PDB dengan Pertukaran Kepala Panji-panji Dirajanya. Ianya adalah merupakan simbolik kepada keperluan perubahan daripada era lama kepada era baru. Beta berharap dengan adanya pertukaran kepala panji-panji ini akan dapatlah ianya menyuntik semangat dan nafas baru bagi PDB.

Ini juga adalah satu simbolik ke arah modenisasi PDB. Bentuk pemodenisasian itu, termasuklah pelengkapan infrastruktur bangunan-bangunan pasukan, penggunaan sistem teknologi yang berkesan, penambahan dan pembelian aset-aset operasi pasukan dan yang penting sekali peningkatan dan perkembangan tenaga manusia PDB sendiri. Jika ini dapat dicapai, insya-Allah kelebihan-kelebihan PDB akan segera menjadi kenyataan.

Akhirnya, beta juga ingin mengingatkan, bahawa keadaan keselamatan dunia adalah tidak menentu, di mana ini tidak memberi kekecualian kepada sesiapa pun, termasuklah juga negara kita. Oleh itu, PDB perlulah peka dengan apa sahaja keadaan, sambil tidak mengabaikan kemungkinan berlakunya kejadian-kejadian tidak diduga yang boleh menggugat keamanan negara, rantau mahupun dunia.

Sekian, Wa billahit Tawfik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari muka 1

Sementara itu, dalam perutusan kepada Perdana Menteri Australia, Yang Berhormat John Howard, Baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama, kerajaan dan rakyat Australia sempena Hari Australia.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lama di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepen-

tingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing. Baginda berharap semoga Perdana Menteri Australia, Yang Berhormat John Howard sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu bersempena Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Republik India, Baginda juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. A. P. J. Abdul Kalam dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Manmohan Singh.

Dalam perutusan itu, Baginda merakamkan perasaan

gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lama di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Baginda seterusnya berharap, semoga Tuan Yang Terutama Presiden Dr. A. P. J. Abdul Kalam sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Dalam perutusan kepada Perdana Menteri India, Tuan

Yang Terutama Dr. Manmohan Singh pula, Baginda juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama, kerajaan dan rakyat Republik India.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik India. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing. Baginda seterusnya berharap semoga Perdana Menteri India, Tuan Yang Terutama Dr. Manmohan Singh akan sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat

Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Manakala Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Luar Australia, Yang Berhormat Alexander Downer M. P.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia mengucapkan tahniah atas penyertaan Australia dalam Sidang Kemuncak Asia Timur dan menghargai komitmen itu terhadap rantau ini. Duli Yang Teramat Mulia berharap hubungan dua hala dan selaku rakan serantau akan terus diperkukuhkan.



1 FEBRUARI 2006 BERSAMAAN 1427 محرم 2

MENIUPKAN SEMANGAT KERJA KERAS

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan Sempena Tahun Baru 1427 Hijrah mahu menjadikan tahun ini sebagai tahun 'kerja keras'. Ini bukan bermakna di tahun yang lalu kita tidak bekerja kuat tetapi cuma semangat kerja keras akan terus ditiupkan semboyannya. Kita perlu ingat melalui kerja keras saja kita akan dapat meningkatkan tahap pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam. Mengekalkan nikmat kesejahteraan dan keharmonian yang kita rasai sekarang.

Hasrat baginda menjadikan tahun ini sebagai tahun kerja keras merupakan kesinambungan di masa-masa yang sudah. Ini bermakna, semua rakyat dan penduduk negara ini mustahak berkecuali bagi menyahut titah perintah baginda itu dalam merealisasikan apa jua hasrat murni baginda. Tahun 2006 baru saja sebulan kita lalui, maka amat wajarlah bagi kita semua menanamkan semangat rajin bekerja, inovatif dan produktif.

Sudah tiba masanya bagi kita untuk bekerja kuat bagi menambahkan pendapatan negara, mengukuhkan dan menjaga ekonomi. Tidak kira di mana kita bertugas baik di sektor awam, swasta mahupun bekerja sendiri, kita semua bertanggungjawab dalam memajukan bumi bertuah ini.

Walau bagaimanapun dasar-dasar kerja itu akan disasarkan kepada dua tuntutan besar iaitu kebaikan di dunia dan di akhirat. Elemen yang kita utamakan ialah bekerja dengan hidayah sambil menjauhi kemurkaan Allah.

Sebenarnya inilah intipati yang perlu ada dalam kita menggerakkan sebarang pekerjaan. Kita berjalan menjurus kepada kebaikan, bukan yang berbentuk kejahatan, kerana dengan cara itu, kita merasa optimis akan berjaya menghasilkan program-program kemajuan seperti yang dikehendaki.

Semangat kerja keras ini mustahak kita kerah kepada segenap warganegara ini, kerana kita kini berada di tengah-tengah suasana dunia yang sering berubah. Perubahan itu memerlukan kita perlu lasak, tahan uji dan mempunyai daya saing yang kuat dalam menghadapinya. Minda kita juga perlu diubah dan dibentuk ke arah lebih konstruktif serta mempunyai visi dan berpandangan jauh. Kita ketepikan unsur-unsur lapuk dan mengubahnya ke landskap berinovatif dan kreatif.

Isu-isu serantau dan global kini juga terus menghambat kehidupan harian kita. Ini semua menuntut kita untuk lebih bekerja keras dan mempunyai kekuatan-kekuatan yang tertentu. Apa pun dalam menghadapi situasi yang mencair ini, kita akan bersikap lebih bijak dan berhati-hati. Kita tidak akan bertindak secara melulu, tetapi lebih mengutamakan langkah bijaksana dan saksama.

Apa pun rintangan dan halangan yang kita harungi, kita tidak boleh menyisihkan diri dalam dunia global ini meskipun globalisasi kadang-kadang membawa banyak keburukan daripada kebaikan.

Sebagai warga masyarakat antarabangsa, kita juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang cukup besar. Dalam hal sebegini, kita mustahak menyertai dan terlibat sama dalam usaha-usaha serantau dan global untuk menangani pelbagai isu seperti isu alam sekitar, membanteras jenayah dan kawalan wabak penyakit. Semua ini juga menuntut kita untuk lebih bekerja keras sambil meningkatkan daya saing dan ilmu pengetahuan dalam menangani isu-isu global sedemikian.

Semogalah Tahun Baru Hijrah 1427 yang badainya baru saja kita lalui akan terus meniupkan semangat rajin bekerja dan kerja keras bagi membawa bumi darussalam yang bertuah ini ke mercu kecemerlangan. Kita bukan sahaja setakat membaharui azam tetapi berusaha meningkatkan daya saing dalam segenap bidang. Azam kita bukan saja di bibir tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk realiti.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU HIJRAH 1427

ANALISIS

PASUKAN keselamatan khususnya Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) sememangnya berperanan penting dalam menjaga dan mengekalkan keamanan negara. Semenjak ditubuhkan pada tahun 1906 sehinggalah sekarang PDB telah banyak mengalami perkembangan dan perubahan. Pada masa yang sama PDB juga telah melalui pelbagai cabaran dan akan terus menghadapi cabaran globalisasi dan modenisasi.

Keamanan amat penting dan bermakna bagi setiap negara. Tanpanya rakyat tidak akan dapat hidup aman dan sejahtera. Dalam erti kata lain, kemajuan dan pembangunan di pelbagai bidang tidak akan dapat dicapai tanpa adanya keamanan.

Memandangkan betapa besar dan pentingnya tanggungjawab PDB maka setentunya pasukan itu perlu hebat dan berwibawa serta mantap selaras dengan perkembangan dan persekitaran di dalam dan di luar negeri yang semakin mencabar ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Upacara Perbarisan Sempena Menyambut Hari Polis Ke-85 dan Pertukaran Kepala Panji-panji Pasukan Polis Diraja Brunei baru ini antara lain menekankan supaya pasukan polis sentiasa berwibawa, efisien, proaktif dan kreatif serta dapat memenuhi kehendak semasa.

BERWIBAWA

Era globalisasi, modenisasi dan kecanggihan teknologi menghendaki kewibawaan dan kepa-

baran kita dalam pelbagai bidang tidak terkecuali PDB. Interaksi kerjasama dan 'networking' antara PDB dan pasukan-pasukan polis di peringkat serantau dan antarabangsa tentunya memerlukan keupayaan yang tinggi.

Dalam hal ini kita memerlukan pelbagai kepakaran termasuk di bidang perundangan, intelijen dan penyiasatan selain mempunyai ketangkasan mental dan fizikal para anggota. Ini selaras dengan meningkatkan kes-kes jenayah moden atau jenayah 'kolar putih', jenayah siber, pengangganan dan lain-lain lagi yang dihadapi oleh negara-negara dunia tidak terkecuali negara kita.

Jenayah 'kolar putih' misalnya dilakukan secara 'licin' menggunakan modus operandi secara profesional, di samping penggunaan peralatan teknologi canggih masa kini. Ini termasuklah kes-kes pembunuhan, penipuan dalam perniagaan, penggunaan teknologi maklumat dan siber bagi tujuan menghasut, memfitnah dan umpamanya.

Penguatkuasaan undang-undang di era moden ini juga memerlukan kecekapan para anggota. Kadang-kadang sesuatu kes itu terlalu komplikated untuk diselesaikan baik dari segi kerja-kerja penyiasatan, mencari bahan bukti dan perundangan.

CABARAN KESELAMATAN ERA GLOBALISASI

OLEH SAHARI AKIM sahari.akim@information.gov.bn

Selain dari itu terdapat juga kes-kes yang menghendaki kerjasama dari pihak-pihak tertentu, agensi-agensi lain, pasukan-pasukan polis dari luar negara terutama orang ramai.

Kerjasama pihak-pihak tersebut adalah sangat penting untuk melicinkan kerja-kerja pasukan polis. Semangat 'mesra orang ramai' sangat diutamakan untuk mencapai tujuan tersebut.

Kalau suatu masa dahulu masyarakat berasa agak 'takut-takut' berhadapan dengan pegawai polis tetapi sekarang polis merupakan 'rakan' dalam menjaga kepentingan bersama.

Semangat bekejasama dan setia kawan hendaklah dikekalkan dan ditingkatkan. Pihak-pihak terlibat berserta pasukan polis perlu sering 'menyokong dan mendukung' di antara satu sama lain.

LATIHAN

Untuk mencapai kecekapan dan keupayaan yang lebih tinggi, latihan dan ilmu kepolisian yang mantap bagi setiap anggota adalah merupakan keperluan utama. Selain berlatih dan berkemahiran setiap anggota hendaklah juga mengamalkan tahap disiplin yang tinggi.

Latihan-latihan peningkatkan kemahiran atau kursus-kursus baru bagi bidang-bidang tertentu akan boleh meningkatkan kecekapan dan keupayaan anggota. Ini bukan sahaja melibatkan kursus-kursus di dalam negeri malah juga di luar negeri untuk meningkatkan pengalaman dan pengetahuan.

Sebagai pasukan beruniform, PDB hendaklah juga menjaga integriti organisasi dan setiap anggotanya. Dalam hal ini disiplin anggota perlu sentiasa diutamakan dengan sentiasa mematuhi peraturan dan mengamalkan nilai-nilai murni serta bersopan santun dalam menjalankan tugas. Ini akan dapat meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan orang ramai kepada pasukan polis.

Selain meningkatkan kemahiran, juga penting ialah memiliki peralatan-peralatan canggih seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. Ini bukan sahaja dari segi peralatan senjata malah peralatan-peralatan teknikal yang boleh membantu memudahkan tugas dan operasi.

Seperti yang ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru-baru

ini sudah sampai masanya PPDB menimbangkan dengan segera penubuhan bahagian Computer Forensic.

Dengan tertubuhnya bahagian tersebut nanti sudah tentu akan dapat membantu dalam kerja-kerja yang berhubung kait dengan hal-hal keselamatan siber, pencerobohan, virus, data, software komputer dan sebagainya. Ia juga setentunya dapat membantu tugas-tugas penyiasatan jenayah siber.

PROAKTIF DAN KREATIF

Seiring dengan mantapnya disiplin, latihan, kemahiran dan peralatan maka ciri-ciri lain yang tidak kurang pentingnya ialah sikap proaktif dan kreatif dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Sikap proaktif akan menjadikan kita lebih berwawasan, maju ke hadapan, lebih pengalangan dan sentiasa berusaha untuk mencapai yang terbaik. Tentunya dengan sikap ini kita akan dapat mencapai kualiti dan produktiviti kerja yang lebih cemerlang.

Dalam konteks berpasukan, sikap proaktif akan menjadikan kita sentiasa prihatin terhadap kemajuan

pasukan dan kebijakan anggota. Dari segi tugas pula kita akan sentiasa bersiap siaga untuk menanai dan melaksanakan apa juga tanggungjawab yang diamanahkan.

Seorang pegawai atau anggota yang proaktif akan sentiasa berusaha melakukan kerja-kerja positif untuk memajukan organisasi tanpa menunggu arahan dari ketua. Ini akan dapat membantu melicinkan tugas-tugas pegawai atasan.

Setentunya sikap proaktif akan dapat meningkatkan lagi pencapaian yang ada selain menyerahkan lagi kewibawaan pasukan. Dengan imej dan kredibiliti berada di tahap yang tinggi sekali gus pasukan akan disanjung dan disegani oleh masyarakat.

Juga penting dalam apa juga kerjaya ialah sikap kreatif. Seseorang yang kreatif setentunya akan dapat 'menambah nilai', mengembang dan meningkatkan mutu tugas yang akan dipertanggungjawabkan.

Dengan daya kreaviti yang tinggi kita juga akan berupaya melakukan kerja-kerja inovatif. Ini termasuklah dalam penggunaan jentera, peralatan dan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

PROFESIONALISME

Profesionalisme anggota merupakan ciri penting dalam

setiap organisasi dan pertubuhan. Ia berasaskan ilmu, kemahiran serta sikap terhadap pelaksanaan tugas. Sesuatu perkara atau tugas yang berat atau komplikated akan mudah ditangani oleh anggota yang berkepakaran dan profesional.

Dalam hal ini Pembangunan Sumber Tenaga Manusia (HRD) adalah amat penting dan perlu diberikan perhatian serius. Keupayaan, daya tahan, daya saing dan profesionalisme anggota akan dapat ditingkatkan melalui HRD.

Keutamaan HRD ini amat di ambil perhatian oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha. Baru-baru ini ini kerajaan baginda telah menyedikan dana khusus berjumlah \$250 juta bagi HRD.

Salah satu dari enam program yang akan dilaksanakan dari dana tersebut termasuklah Program Khas Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional merangkumi Skim Kepakaran Khas dan Skim Kepakaran Biasa.

Di bawah program ini Insyaa-Allah, kita akan dapat memenuhi keperluan tenaga pakar dan profesional dalam berbagai bidang kerjaya Perkhidmatan Awam termasuk pasukan-pasukan keselamatan dan beruniform demi masa depan negara yang lebih cemerlang.

Program Pembangunan Eksekutif beri impak positif

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

LUNGKU, Isnin, 16 Januari. - Seramai 14 orang pegawai-pegawai kanan kerajaan dan swasta akan menjalani latihan dalam Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan ASEAN (CLMV) yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid selaku tetamu kehormat majlis pada pagi itu semasa berucap menjelaskan, program tersebut bertujuan memberikan kefahaman dan pendekatan kepada para peserta mengenai idea-idea transformasi dasar e-kerajaan, serlembagaan, aplikasi pengurusan strategik dan hal-hal lain yang berkaitan dengan 'governance' yang terkini.

Para peserta program juga disaran supaya mengambil peluang yang ada dengan berkongsi pendapat dan pengalaman mengenai latihan terbaik bersama para peserta Kemboja, Myanmar, Laos dan Viet Nam yang mungkin boleh diaplikasikan dan diterapkan ke dalam jabatan masing-masing.

"Perkara tersebut akan mewujudkan jaringan kerja dari kalangan mereka yang diharapkan dapat memberikan impak yang lebih positif ke-

pada pembaikan organisasi masing-masing," jelas Pengiran Dato Paduka.

Di samping itu, beliau juga menasihatkan supaya memanfaatkan kesempatan keemasan yang diikuti melalui program ini dengan cetusan idea-idea yang lebih kreatif, proaktif dan inovatif ke arah membantu mereka melaksanakan 'core business' dengan cemerlang dan berkesan di organisasi masing-masing.

Sementara itu Pengerusi Majlis yang juga Timbalan Naib Canselor UBD, Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Damit dalam ucapan alu-aluan berkata, program itu nanti akan meliputi kursus-kursus teras seperti Dasar Awam dan Analisa; Pentadbiran dan Pengurusan Awam; Dasar Pembangunan dan Pengurusan dan beberapa model khusus seperti Dasar dan Amalan, e-Kerajaan, Pentadbiran Awam Dalam Perspektif Brunei dan Islam, Kemahiran Kepimpinan dan Pengurusan.

Latihan ini juga, tambahnya, bertujuan mengongsi ilmu bersama peserta mengenai kaedah dan amalan dalam dasar awam demi meningkatkan lagi pemahaman terhadap suasana dasar dan organisasi para peserta.

Program latihan kali ke-10 itu akan dijalankan selama lebih tiga bulan dengan kerjasama UBD dan JPM melalui Jabatan Perkhidmatan Awam.

IBB dan IDBB digabungkan, IBBD, sebuah bank baru ditubuhkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa dengan izin Allah Subhanahu Wataala, proses penggabungan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) telah dilaksanakan mengikut proses undang-undang dan mendapat kelulusan (sanction) dari Mahkamah Tinggi.

Kementerian Kewangan dalam siaran akhbar yang diedarkan hari ini menjelaskan, berikutan penggabungan itu, baginda juga memperkenankan bagi penubuhan sebuah Bank Islam yang baru yang dinamakan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (IBBD) yang akan mengamalkan alih pengurusan, operasi dan integrasi bank-bank berkenaan mengikut proses yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang termasuk pengambilalihan semua tenaga kerja yang sedia ada (termasuk pegawai dan kakitangan yang masih di dalam tempoh percubaan) di dalam bank-bank berkenaan, aset dan tanggungan daripada IBB dan IDBB serta anak-anak syarikatnya.

Proses penyerapan operasi Bank IBB dan IDBB kepada IBBD itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan kesinambungan dan kelicinan operasi dan urus niaga bank berkenaan agar tidak menjejaskan perkhidmatan kepada para pelanggan.

Baginda juga telah memperkenankan bagi lantikan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Pengarah Urusan bagi Bank Islam yang baru itu.

Lantikan keahlian Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Pengarah Urusan adalah bagi tempoh dua tahun sahaja bermula 2 Muharam 1427 Hijrah bersamaan 1 Februari 2006 seperti berikut:

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH DAN PENGARAH URUSAN

Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan.

Timbalan Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahli-ahli: Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jaja Haji Awang



PENGERUSI Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (IBBD), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan.



TIMBALAN Pengerusi Bank Islam IBBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahmad Wally Skinner, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Penolong Kanan Pengarah Urusan BIA dan Awang Haji Muhammad Syaippudin bin Haji Abdullah, Pengarah Urusan.

Setiausaha Korporat: Awang Haji Mohd. Rozaiman bin Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

KEAHLIAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Pengerusi: Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Awang Haji Besar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Ahli-Ahli: Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan; Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Metussin bin Awang Haji Baki, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan.

Setiausaha: Awang Haji Maznan bin Haji Yusuf, Ketua Pegawai Penyelidik Ugama, Jabatan Mufti Kerajaan.

Dengan penggabungan itu, Bank Islam yang baru itu diharap akan dapat mem-

berikan sumbangan yang lebih besar kepada mengukuhkan lagi ekonomi negara, khususnya sektor kewangan dan perbankan Islam di negara ini melalui perkhidmatan yang lebih baik dan kompetitif dengan meningkatkan lagi keberkesanan dan efisiensi perkhidmatan yang diberikan dengan menceburi bidang perkhidmatan perbankan yang baru seperti *investment banking, fund management, corporate advisory, investment advisory* dan lain-lain lagi dan seterusnya membantu memudahkan bank itu untuk meneroka peluang-peluang bagi memperkembangkan operasinya di peringkat antarabangsa.

Menurut siaran akhbar itu lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kewangan akan sentiasa memberikan galakan dan dorongan melalui pemantauan dan pengawasan semata-mata bagi memperkukuhkan lagi sektor itu akan terus berkembang selaras dengan kemajuan sektor perbankan antarabangsa agar negara dan orang ramai akan sama-sama memperoleh manfaat sepenuhnya daripada perkembangan sektor perbankan di negara ini.

KEBERANGKATAN LAWATAN KEBAWAH DYMM KE MUKIM MELILAS

LIPUTAN SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

MUKIM MELILAS, Isnin, 23 Januari. - Rakyat dan penduduk Mukim Melilas merasa bertuah dan menjunjung kasih di atas keprihatinan keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi meninjau kebajikan dan perkembangan mukim berkenaan.

Kebangkitan baginda dengan menaiki helikopter dari Bandar Seri Begawan ke Kampung Melilas dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff; Pemangku Pegawai Daerah Belait; Awang Haji Mohammad dan Pemangku Penghulu Mukim Melilas, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Awang Mohd. Ali.

Baginda mula-mula berkenan melawat Rumah Panjang Melilas sambil berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra secara langsung bersama penghuni-penghuni Rumah Panjang

yang tidak sabar menanti keberangkatan baginda.

Kampung Melilas, sebuah kampung dalam Mukim Melilas mempunyai hampir 300 penduduk yang kebanyakannya memilih agama Islam sebagai cara hidup yang benar.

Rumah Panjang itu mencatat sejarah di atas keberangkatan pemimpin yang dikasihi juga menjadi kenangan apabila seorang penduduk berbangsa Iban berusia 20 tahun, Simon anak Saoh telah melafazkan ikrar Islam dengan memilih nama Mohd. Asyraf bin Abdullah Saoh di hadapan majlis baginda.

Baginda seterusnya berkenan singgah ke kediaman Haji Mohd. Yunus bin Abdullah.

Kemahiran penduduk Mukim Melilas telah menarik perhatian baginda sepanjang menyaksikan pameran hasil kerja tangan penduduk mukim yang bermutu dan sering mendapat pujian pelancong.

Sekalipun salah sebuah kampung pedalaman, kampung tersebut juga dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas bagi menjalani kehidupan seharian.

Baginda seterusnya dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Serbini bagi meninjau operasi perkhidmatan Klinik

Kesihatan yang disediakan bagi penduduk berkenaan.

Perkhidmatan perubatan mula beroperasi pada tahun 1953 melalui 'Travelling Dispensary' di mana pada tahun 1964, Perkhidmatan Perubatan (Doktor Udara) mula diperkenalkan.

Penduduk Kampung Melilas lebih selesa menerima rawatan apabila bangunan Klinik Kesihatan Melilas dibuka dan beroperasi pada tahun 1987.

Di antara perkhidmatan yang diberikan ialah perkhidmatan kesihatan asasi yang merawat penyakit ringan, rawatan pembedahan ringan dan rawatan kecekapan perubatan, di samping rawatan susulan. Perkhidmatan Kesihatan Ibu-Ibu Mengandung dan Kanak-kanak di bawah umur lima tahun juga diberi perhatian. Balai ibadat yang telah dibina pada bulan Oktober 1994 juga mendapat perhatian keberangkatan lawatan baginda.

Selain menjadi tempat penduduk kampung menunaikan kewajipan, beberapa aktiviti keagamaan seperti pelajaran Tauhid, menghalusi bacaan dalam sembahyang, membaca muqaddam, membaca Yaa Siin, Al-Quran dan pelajaran ibadat juga diajarkan bagi meningkatkan pengetahuan agama kepada anak buah kampung.

Keprihatinan baginda untuk melihat semua rakyatnya cemerlang dalam bidang pendidikan sangat ketara dengan terdapatnya sekolah-sekolah di semua kampung termasuk kawasan pedalaman.

Sekolah Rendah Melilas juga tidak terlepas dari tumpuan lawatan baginda bagi melihat perkembangan dan kesejahteraan anak-anak kampung menimba ilmu.

Bangunan itu digunakan sejak 1997 hanya terletak kira-kira lima minit berjalan kaki dari Rumah Panjang telah memberi kesejahteraan dalam mentelaah pelajaran.

Selain menyediakan kelas dari Pra sehingga ke Darjah Enam, sekolah berkenaan menyediakan perkhidmatan perubatan dan pergigian mengikut jadual.

Sekalipun tinggal di pedalaman, murid-murid juga tidak dipisahkan dari didedahkan pengetahuan ICT apabila murid-murid mengikuti kelas mempelajari komputer dan penggunaan internet.

Mukim Melilas yang seluas kira-kira 60.80 kilometer persegi mempunyai penduduk kira-kira 770 orang terdiri dari Kampung Melilas, Tempinak dan Bengerang Bebalat yang sering menjadi tarikan pelancong seperti Telaga Air Panas dan Wasai Inget.

TAHAP kesihatan rakyat dan penduduk sentiasa diberi keutamaan. Kelihatan baginda meneliti jenis ubat yang disediakan di Klinik Kesihatan Kampung Melilas (kanan).



PRIHATIN ... Baginda sentiasa prihatin mengenai perkembangan pendidikan. Kelihatan baginda berbual mesra bersama murid-murid Sekolah Rendah Melilas.



PARA penghuni Rumah Panjang Melilas tidak melepaskan peluang menjunjung ziarah sambil beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

FOTO : HAJI ARIFFIN MOHD. NOOR



BAGINDA menyaksikan Majlis Pengislaman seorang bangsa Iban, Awang Simon dengan nama Islamnya Mohd. Asraf bin Abdullah Saoh.



MESRA ... Baginda kelihatan berbual mesra bersama Pemangku Mukim Melilas, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Awang Mohd. Ali.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT LAWAT MUKIM SUKANG

BELAIT, Isnin, 23 Januari.
- Hal-ehwal dan kebajikan para penduduk di kawasan pedalaman menjadi perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat membuat lawatan kerja ke Mukim Sukang.

Keberangkatan tiba baginda di kawasan lapang Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian di sini dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman serta Penghulu Mukim Sukang, Datu Maharaja Setia Mohd. Simpok dan Guru Besar sekolah, Awang Abd. Malek bin Datu Maharaja Setia Mohd. Simpok.

Mula-mula baginda melawat ke Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian dengan meninjau ke bilik-bilik darjah, bilik komputer ICT, bilik bacaan jawi, perpustakaan dan ruang pameran statik kegiatan sekolah sepanjang tahun lalu.

Sekolah itu yang dibu-

LIPUTAN ABDULLAH ASGAR
abdullah.asgar@information.gov.bn
FOTO : HALIM HAJI SULAIMAN

ka pada tahun 1955 dan dibaharui sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1963 dan 1979, kini hanya mempunyai 15 orang pelajar yang belajar dari darjah Pra hingga Enam cuma dengan tiga orang guru umum dan seorang guru agama merangkap Imam Balai Ibadat mukim berkenaan. Sekolah tersebut diketuai oleh guru besar, Awang Abdul Malek. Dari sekolah, baginda melawat ke Balai Ibadat Mukim Sukang yang terletak bersebelahan yang diketuai oleh Imam Mohd. Shahrizan Abdullah.

Balai Ibadat itu selain berperanan sebagai tempat menunaikan sembahyang fardu juga digunakan bagi kegiatan agama sepanjang tahun, di samping tempat menyebarkan syiar Islam di mukim itu.

Dari lebih 600 orang penduduk di mukim yang terdiri dari Kampung Baran, Saud, Apak-apak, Buau, Rumah Panjang Punan, Biadong, Biadong Tengah, Biadong Ulu dan Dugun. Sehingga kini 76 orang telah memeluk Islam.

Dari sana, baginda berangkat melawat ke Pos Polis Mukim Sukang yang

diawasi oleh, PC3430 Awang Melaka anak Mangi yang diam di pos itu bersama keluarganya.

Pos Polis itu dibina bagi menjamin keselamatan dan keamanan penduduk sekitarnya selain tempat membuat laporan kesalahan kecil dan jenayah yang mungkin terjadi. Ia dilengkapi dengan radio perhubungan yang dihubungkan terus ke Balai-balai Polis Labi dan Belait.

Setelah itu baginda meneruskan lawatan kerja dengan meninjau ke Klinik Kesihatan Mukim Sukang yang perkhidmatannya memberikan penjagaan kesihatan dan perubatan sejak tahun 1953.

Kini klinik tersebut berwajah baru dengan bangunan konkrit memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan bagi penduduk sekitar dengan dijaga oleh seorang amah.

Klinik tersebut memberikan perkhidmatannya sebulan sekali dengan menyediakan doktor dan tiga orang jururawat yang akan memantau kesihatan dan rawatan penduduk mukim berkenaan. Ada

masanya mereka akan mendapat rawatan lanjut di Rumah Sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Lawatan baginda seterusnya ialah ke rumah kediaman Penghulu Mukim Sukang, Datu Maharaja Setia Mohd. Simpok. Baginda berkenan meninjau ke salah sebuah bilik keluarga bagi memastikan keselesaan.

Para penghuni yang terdiri dari keluarga Penghulu Mukim Sukang berkesempatan membuat persembahan kebudayaan puak Dusun termasuk tarian 'Mengalai' yang disembahkan oleh adik-adik kecil.

Kemudian baginda meneruskan lawatan ke Rumah Panjang Punan yang terletak di seberang sungai yang diketuai oleh Awang Luyah anak Kaling yang kini didiami oleh 10 keluarga termasuk anak-anak kecil yang belum bersekolah dengan keramaian 40 orang.

Dari sini, baginda berangkat melawat ke Stesen Sistem Automatik Kaji Cuaca (AME-DAS) yang baru di mukim itu yang boleh meramal keadaan cuaca secara automatik kerana mukim tersebut terletak jauh di pedalaman yang kadang kala diselaputi oleh kabus tebal dan pernah dilanda kemarau yang panjang beberapa tahun lalu sehinggakan menjejaskan bekalan air.

Persinggahan terakhir baginda ialah melawat ke Dewan Serbaguna Mukim Sukang yang baru saja siap pembinaannya lewat tahun lalu yang dilengkapi dengan dewan utama, enam bilik termasuk dua bilik VIP, surau, ruang makan yang boleh menampung lebih 50 orang dan ruang pejabat serta letak kenderaan.

Sejauh ini dewan tersebut belum digunakan secara rasmi bagi kegiatan mukim namun sepanjang tahun lepas beberapa kegiatan kebajikan, keagamaan dan sukan telah diatur oleh jawatankuasa mukim berkenaan.

Tenaga api elektrik di mukim tersebut diperoleh melalui mesin generator bertenaga diesel selain perkhidmatan telefon, radio perhubungan, tangki air, jalan kecil juga turut disediakan oleh Pejabat Daerah Belait namun jalan kecil sukar dilalui bila hujan kerana belum terdapat jalan berbatu.

Lawatan kerja baginda ke Mukim Sukang mencerminkan keprihatinan baginda bagi meninjau dengan lebih dekat hal-ehwal kebajikan, pendidikan, kesihatan, keselamatan serta prasarana yang selesa bagi setiap rakyat dan penduduk di negara ini tidak mengira di mana mereka berada.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Penghulu Mukim Sukang, Datu Maharaja Setia Mohd. Simpok.



MESRA ... Kemesraan di antara rakyat dan raja bertambah erat melalui keberangkatan baginda melawat Mukim Sukang.

MEMERHATI ... Baginda memerhati kegiatan yang telah dijalankan di Balai Ibadat Mukim Sukang (bawah).



KETUA Rumah Panjang Punan, Awang Luyah anak Kaling menjunjung baginda menandatangani buku lawatan.



TELITI ... Baginda dengan penuh perhatian meneliti peralatan perhubungan radio yang digunakan di Pos Polis Mukim Sukang.



KENANGAN ... Baginda bergambar kenangan bersama para penghuni Rumah Panjang.



PRIHATIN ... Keprihatinan baginda mengenai pendidikan di negara ini sangat jelas. Kelihatan baginda meneliti buku teks yang digunakan oleh murid-murid Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian, Mukim Sukang.

Dua ahli JCI tinjau kemudahan di pusat-pusat kesihatan

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

BERAKAS, Isnin, 23 Januari. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman hari ini menerima kunjungan hormat Konsultanan Nanan di Penjagaan Intensif Bahagian Pembedahan dan Klorofom, Profoser Ong Biauwh Chi dan Pengurus Kanan Jururawat Hospital Awam Republik Singapura, Kuttimal Sundarasan.

Mereka berada di negara ini selama dua hari bermula pada 23 hingga 25 Januari bagi melihat secara lebih dekat kemudahan-kemudahan yang terdapat di pusat-pusat kesihatan di negara ini dan seterusnya menilai segala kemudahan yang ada untuk diiktiraf mengikut piawaian pengiktirafan Joint Commission International (JCI).

Perkara ini adalah sebahagian usaha Kementerian Kesihatan dalam memastikan kualiti dan keselamatan perubatan serta perkhidmatan kesihatan di negara ini mencapai piawaian antarabangsa.

Sepanjang berada di negara ini, para pakar berkenaan akan mengadakan lawatan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di ibu negara dan Hospital Suri Seri Begawan di Kuala Belait di samping mengadakan pelbagai sesi perbincangan yang berkaitan dengan pengalaman Hospital Awam Singapura dalam proses pengiktirafan daripada perspektif para jururawat dan pakar klinik.

Profoser Ong Biauwh Chi diundang ke negara ini atas dasar keupayaan selaku ahli kerja JCI dan Ketua Juruaudit bagi

Pasukan Audit Dalam JCI. Di samping itu juga, beliau mempunyai lebih 18 tahun pengalaman bekertja dan pernah terlibat dalam pemindahan ulhati yang pertama yang dijalankan pada tahun 2001 serta beliau juga pernah terlibat dalam kejayaan 90 jam 'marathon' dalam usaha memisahkan kembar siam yang dijalankan di Hospital Awam Singapura pada tahun 2001.

Manakala Kuttimal Sundarasan pula adalah Pengurus Kanan Jururawat di Hospital Awam Singapura yang juga merupakan ketua bagi Pasukan Kualiti Peningkatan dan pernah mendapat pingat emas di Konvensyen Kualiti Kontrol Kebangsaan. Beliau juga adalah ahli kerja JCI dan Juruaudit Dalam JCI.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman ketika menerima kunjungan hormat Konsultanan Nanan di Penjagaan Intensif Bahagian Pembedahan dan Klorofom, Profoser Ong Biauwh Chi dan Pengurus Kanan Jururawat di Hospital Awam Singapura, Kuttimal Sundarasan. Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Lebih responsif terhadap perkembangan, perubahan masyarakat

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 12 Januari. - Golongan belia disarankan supaya meningkatkan keazaman yang tinggi di tahun 2006 ini dengan lebih responsif terhadap perkembangan dan perubahan dalam masyarakat sesuai dengan jolokan belia sebagai 'jentera pembangunan' dan 'katalis gerakan pembaharuan'.

Golongan belia perlu mengubah 'mind-set' yang negatif, tidak proaktif kepada 'mind-set' yang lebih cerdas, cemerlang, responsif terhadap perkembangan dan perubahan dalam masyarakat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad memuatkan gema itu semasa merasmikan Musabagah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1426 Hijrah/2005 Masihi di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, tidak mahu lagi mendengar golongan belia di negara ini dikatakan sebagai 'belia gelandangan', 'belia terpinggir', 'belia pak turut' 'belia melukut di tepi gantang' dan pelbagai lagi label yang negatif.

Golongan belia yang kita kehendaki adalah yang memiliki 'mind-set' terbuka, toleransi, proaktif, kaya dengan wawasan dan ilmu kerana tanpa ilmu belia kita tidak akan sampai ke mana-mana, kekal berkubuk pada takat kedaerahan.

"Oleh itu, para belia mestilah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran demi menghadapi cabaran kehidupan

dalam dunia tanpa sempadan yang dikuasai oleh perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," jelas Yang Berhormat.

Dalam perancangan pembangunan belia, beliau menyatakan bahawa sebagai tindakan bersepadu semua pihak yang terlibat dalam perancangan itu supaya menunduki atau mengkaji semula Dasar Belia Negara yang diperkenalkan pada tahun 2002 bagi pembaikan dan relevan dengan situasi semasa.

Di samping itu dalam perancangan jangka panjang beliau mengharapkan semua program kebeliaan akan dirancang secara konsisten, inovatif dengan mengambil kira kemanfaatan maksimum program-program itu kepada golongan belia.

Menyentuh mengenai program keagamaan, beliau menyatakan peningkatan kandungan dan perwajahan program keagamaan untuk belia diperlukan dalam menani hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat generasi Al-Quran terutamanya di kalangan belia yang berwatak salih.

Menurutnya, perkara ini dititikkan oleh baginda pada Musabagah Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 1996 dengan bertitah menegaskan bahawa salah satu tanda belia-belia yang berwatak salih adalah keterlibatan mereka selaku pembaca biasa, mahupun sekali gus selaku penghayat dan pengamal ajaran-ajaran Al-Quran.

"Pada hemat saya, untuk mewujudkan generasi Al-Quran, khususnya golongan belia, yang menghayati dan mengamalkan ajaran-ajaran dan petunjuk-petunjuk yang terkandung dalam Al-Quran, perlulah diwujudkan pelbagai wasilah berbentuk tazkirah ilmu seperti diskusi, usrah, dialog dan forum yang membahaskan petunjuk-petunjuk ekonomi, geografi dan kimia, geologi dan astronomi, kesihatan dan sejarah yang terda-

pat dalam Al-Quran," jelasnya.

Selaku sifatnya Al-Quran itu sebagai lautan ilmu, maka amat beruntunglah para belia sekiranya semua petunjuk daripada Al-Khaliq itu dijelaskan dan diuraikan oleh para pakar kepada mereka.

Beliau selanjutnya menyatakan, dengan adanya kegiatan-kegiatan sampingan yang berbentuk tazkirah ilmu yang menjurus kepada kemuncak Musabagah Tilawatil Quran ini, majlis keagamaan tahunan untuk belia ini akan lebih bermakna dan menyedekahkan dengan dijadikan sebagai 'niche' perolehan ilmu oleh para belia untuk menerangi lautan kehidupan mereka.

Di samping itu upaya meningkatkan kandungan dan perwajahan program keagamaan ini sedikit sebanyak dapat menyumbang secara positif ke arah merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat generasi Al-Quran yang mencakup semua golongan dalam masyarakat, terutama golongan belia.



MENTERI Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Haji Awang Mohammad bersama para jemputan lain mendengarkan bacaan para peserta seurus selepas merasmikan Musabagah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1426 Hijrah/2005 Masihi. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

MENYAMBUNG tulisan yang lalu dalam kaitannya dengan tajuk kali ini, kita suka menarik perhatian tentang bagaimana tebing-tebing di sekitar Jalan Subok atau Jalan Residency itu digunakan sebagai tempat penarikan orang-orang di laut yang hendak ke darat pada waktu itu sedangkan tebing-tebing yang lebih dekat dengan Pekan masih banyak yang boleh digunakan.

Ada banyak sumber yang kita temui termasuk orang-orang lama yang masih aktif dan masih boleh mengingat dengan baik hanya mampu memberikan pendapat mereka dan hampir sama mengatakan bahawa tempat-tempat penarikan di sekitar kawasan itu digunakan mereka adalah untuk 'menyambut penduduk-penduduk di Subok dan kampung-kampung di kawasan sekitarnya' yang saban hari turun naik melalui jalan tersebut. Mereka itulah yang menjadi pelanggan mereka dan merupakan pembeli-pembeli yang pasti menguntungkan perniagaan mereka.

Selain daripada itu, orang-orang Subok itu

pula merupakan pembekal-pembekal bagi barang-barang yang mereka perlukan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam hidup dan telur ayam selain daripada bahan-bahan hutan yang lain termasuk madu, asam aur-aur yang sudah dijemur dan umbut-umbutan. Maka antara kedua pihak akan saling tukar menukar barang. Duit hanya akan digunakan kiranya mereka tidak memerlukan pertukaran itu sama ada kerana perbezaan nilai atau harga mahupun kerana masing-masing mereka tidak menginginkn berbuat demikian.

Antara keduanya adalah digelar sebagai 'penamu' kerana di situlah mereka bertemu. Perkataan 'penamu' itu dengan sendirinya memberi pengertian tentang perlakuan terhadap pertemuan dan tempat untuk berurus niaga.

Dikatakan juga bahawa di tebing Jalan Subok itu memang pernah dijadikan tempat sebagai 'Tamu' itu dan pada waktunya itu, terutama setelah ada jalan yang agak baik dibuat di situ, suasana 'Tamu'nya sangat meriah. Ia tidak

MELIRIK MASA SILAM

Haji Ahmad Arshad menulis ...

JALAN SUBOK ATAU JALAN RESIDENCY

lagi dikhususkan bagi penduduk-penduduk Subok dan sekitarnya itu bahkan orang lain juga menggunakannya baik dari sekitar Pekan Brunei mahupun dari tempat-tempat yang lain.

Bahan-bahan jualan juga sudah beragai-bagai yang tidak terbatas kepada hasil-hasil tanaman bahkan juga

membawa kepada hasil-hasil kerajinan tangan seperti takong, telaya, nyiru, umpuk, kukuran, pisau, parang, candung hatta barang-barang tembaga.

Memandangkan kepada sambutan yang sangat menggalakkan itu, tamu tersebut semakin meluas sehingga hampir sepanjang



BANDAR SERI BEGAWAN - Dulu Pekan Brunei, dipandang dari Jambatan Jalan Residency.

hampir ingat-ingat lupa dan hanya kembali teringat apabila kita menemui beberapa orang lama yang masih segar ingatannya terhadap kawasan itu.

Mengenai dengan siapa yang membawa Jalan Subok pada awalnya itu? Awalnya ia memang bermula dengan jalan rantisan menyirih-nyirih sungai, tetapi akhirnya menjadi jalan kecil yang boleh dilalui kenderaan. Namun siapa yang membina, belum ada yang tahu secara pasti. Buku-buku tentang Brunei lama juga tidak ada menyebutkan secara khusus dan hanya menceritakan tentang Brunei secara umum seperti yang banyak kita ikuti sekarang ini.

Namun demikian, kalangan orang-orang lama itu antaranya hanya dapat menyebutkan dari apa yang dapat mereka ingat. Di antara mereka itu mendakwa yang jalan tersebut sudah ada pada sebelum Perang Dunia Kedua, tetapi yang ramai dapat mengingat bahawa jalan tersebut sudah banyak orang yang menggunakannya semasa pentadbiran British Resident lagi. Kita tidak dapat mengatakan secara pasti apa-

kah jalan tersebut dibuat oleh tentera waktu itu dengan menggunakan tenaga-tenaga buruh paksa, seperti yang banyak tertulis dalam kisah-kisah tawanan perang. Kita juga mungkin mengalami perkara yang hampir sama, kerana negara kita turut kena tempiasnya 'Musim Jepun' dahulu itu.

Tetapi kenapa di Jalan Subok itu ada kuburan? Penduduk sekitar Kampong Ayer dikatakan sebagai kumpulan yang teramat berbanding dengan mereka yang di daratan yang tinggal secara terpisah-pisah. Kampong Ayer dikelilingi oleh tebing-tebing daratan dan mempunyai banyak sungai-sungai. Maka dengan sendirinya, kawasan-kawasan yang hampir dengan tebing-tebing itu, buminya dimanfaatkan oleh orang-orang di masa silam itu, menjadi tempat perkuburan tersebut yang tidak terkecuali perkuburan-perkuburan dekat tebing di sepanjang Jalan Subok itu yang juga disebut sebagai 'Tempat' atau Tempat Maulana.

SOROTAN

DALAM masa tiga minggu sahaja lagi, kita sekali lagi berpeluang bersama-sama merayakan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 yang akan diadakan pada 23 Februari 2006. Tema sambutan tahun ini berbunyi 'Meningkatkan Daya Saing Bangsa'. Bunyi tema ini sungguh menarik dan mempunyai signifikan. Jika diterjemahkan secara terperinci ternyata tema ini membawa mesej yang jelas bagi bangsa Brunei sendiri untuk mempunyai daya saing yang cukup kuat dalam segenap bidang.

Sekilas, tema ini cuba mengangkat frasa 'daya saing' ke suatu tahap di mana berperanan khusus sebagai salah satu teras atau dasar terpenting dalam ketahanan nasional yang ditakrifkan sebagai kekuatan. Kemampuan dan kekuatan sesuatu bangsa menghadapi hambatan serta gangguan yang boleh membahayakan kelangsungan hayat berbangsa dan bernegara.

Lanya juga membawa maksud memperkasa kemampuan bangsa atau martabat kita sebagai bangsa Brunei yang berdaulat lagi merdeka dan selaku anggota masyarakat antarabangsa pada menghadapi pelbagai cabaran dalam era yang sentiasa mengalami perubahan dan situasi yang tidak menentu.

Mempertingkatkan daya saing bangsa adalah elemen yang cukup mustahak pada menentukan kemajuan, kejayaan dan kecemerlangan sesebuah negara, lebih-lebih lagi dalam konteks perkampungan global atau 'global village' yang kompetitif serta tidak bersempadan.

Ini ditambah lagi dengan hambatan-hambatan isu-isu serantau dan global yang menuntut kita untuk lebih perkasakan dan mempunyai daya saing yang tinggi untuk menangannya. Hanya dengan itu kita akan dapat menempatkan imej Brunei di mata antarabangsa.

Globalisasi juga mempunyai hambatan-hambatan yang cukup mencabar. Silap-silap kita melayarinya setentunya akan menjejaskan ketahanan dan kekuatan bangsa kita. Justeru itu amatlah wajar bagi bangsa Brunei bersiap siaga dan bersedia dengan penuh komitmen.

MENINGKATKAN DAYA SAING BANGSA

OLEH HAJI JAAFAR IBRAHIM
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

persaingannya yang amat hebat, usaha-usaha untuk mewujudkan ekonomi negara yang lebih teguh serta mampu berdaya saing adalah perlu ditingkatkan terus dari masa ke semasa."

BERSAING

Tentunya, tumpuan utama kita ialah terhadap penuntut-penuntut kerana mereka inilah merupakan bangsa Brunei yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara di masa akan datang. Mereka merupakan aset negara yang cukup penting dan berharga.

Justeru itu amatlah wajar, mereka ini dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dalam pelbagai bidang bagi mencorakkan landskap kemajuan negara di masa depan. Paling utama, mereka mustahak mempunyai daya saing yang kuat dan mampu menyaingi apa jua rintangan dan cabaran.

Generasi pelajar perlulah dinamik dan mampu mencetuskan wawasan dan idea-idea yang besar untuk kepentingan negara ini. Ini bermakna mereka perlu membawa angin perubahan yang dinamik dan progresif, bukannya kaku dan layu.

DIGUGAT

Dalam kita ghairah untuk meningkatkan daya saing bangsa jangan sampai digugat oleh isu-isu sosial yang kronik yang membantutkan pembangunan negara, seterusnya menggugat kestabilan politik negara yang kita nikmati seka-

rang.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 pada tahun 2002.

Antara lain baginda bertitah, "Janganlah hendaknya usaha-usaha pada memperkasa kemampuan bangsa itu tergugat oleh gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan seperti keruntuhan moral, penyalahgunaan dadah dan seumpamanya."

Maka bersempena Hari Kebangsaan, marilah kita sama-sama memperbaharui azam dan tekad untuk terus bersatu padu pada mempertahankan keamanan dan kestabilan negara serta menjaga keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk, seperti mana yang telah sekian lama kita nikmati. Ternyata sejak lebih 20 tahun merdeka, nikmat pembangunan terus dirasai oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Kita perlu menzahirkan rasa syukur kerana bernegarakan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa aman, makmur dan sejahtera. Bukanlah niat kita untuk bermegah-megah tetapi itulah realitinya yang sebenar yang memungkinkan kita terus membangun dengan lebih cemerlang di masa akan datang, insya-Allah.

Kita tidak akan terikut dengan rentak globalisasi membabi buta, tetapi kita akan menilai iaitu mengambil perkara yang boleh diguna pakai untuk memajukan negara dan menolak sebarang unsur yang tidak sesuai dengan cita rasa kita.

MENGINTAI PELUANG

Di arena antarabangsa juga khususnya di bidang perniagaan dan perdagangan, sebagai misal keupayaan pada mengenal pasti adanya peluang-peluang perdagangan dalam sektor atau industri yang tertentu sangatlah berguna untuk membolehkan sebuah negara mempunyai kelebihan dan dapat mendahului atau mengatasi saingan dari negara lain.

Dalam ekonomi global pula, kita tidak ada pilihan melainkan sedaya upaya melahirkan bangsa Brunei yang benar-benar mampu berdaya saing dan menyaingi bangsa-bangsa lain dalam perebutan ekonomi.

Dunia kini menumpukan malah berlumba-lumba untuk mengejar kemajuan ekonomi yang mapan. Maka negara kita juga kini mengorak langkah panjang untuk merebut peluang iaitu dengan mengadakan pelbagai perjanjian ekonomi dengan beberapa buah negara. Cuma apa yang kita harapkan agar bangsa kita bersedia untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain dalam gelanggang ekonomi global ini.

Perkara ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena hari keputeraan baginda ke-59 pada 15 Julai 2004.

Baginda bertitah, "Dalam dunia globalisasi serta

Perbaiki kekurangan, kelemahan dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan berata, kejayaan dan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai pada tahun-tahun yang lalu hendaklah dijadikan sukat-sukat atau 'benchmark' bagi meraih kejayaan atau pencapaian yang lebih cemerlang.

"Kita juga perlu menelesaikan kejayaan atau hakikat bahawa masih terdapat berbagai-bagai kekurangan, kelemahan dan kepincangan yang perlu diperbaiki terutama dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai mengenai pemrosesan permohonan, kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi dan orang prihatin dan pemenuhan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjejaskan perkara itu di Mesyuarat Bersama Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri di Jabatan Bandaran, Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera di sini.

Yang Berhormat juga mendapati sikap lalai, kurang komitmen dan tidak berinisiatif di kalangan segelintir pegawai dalam menjalankan tanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, tatacara dan punca kelemahan yang sebenar hendaklah dikenal pasti dengan menggunakan kaedah atau 'management tools' yang sistematik dan rasional.

"Apa yang mustahak untuk diambil perhatian ialah mendapatkan 'feedback' dan pandangan pegawai dan kakitangan yang mengendalikan harus dilibatkan sama, di samping mendapat 'feedback' dari 'stakeholders'," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengingatkan tanpa tindakan segera dan berkesan untuk memperbaiki segala kekurangan itu akan menjadi penyakit yang melarat, sukar untuk diubah dan diperbaiki serta akan menjadi penghalang bagi kita untuk dapat terus bergerak maju ke hadapan secara aktif dan efisien dalam mencapai kecemerlangan.

Justeru Yang Berhormat mahu memastikan setiap tatacara pekerjaan yang berkaitan dengan sistem, proses atau prosedur yang tidak lagi relevan dengan keadaan semasa perlu diperbaiki dan diubah suai dengan mengadakan garis panduan memproses permohonan selaras dengan perkembangan dan memenuhi keperluan dan ekspektasi orang ramai.

Menurut Yang Berhormat 'garis panduan' yang dikemaskinikan pegawai yang diamanahkan akan dapat menggunakan garis panduan tersebut dalam menyelesaikan apa jua masalah yang timbul supaya jangan sampai ia dibiarkan begitu sahaja dan akan terus dihadapi oleh orang ramai tanpa penyelesaian.

"Masalah atau isu yang tidak diselesaikan akan menjadi punca aduan orang ramai dan setentunya akan menjejaskan imej dan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap jabatan dan kementerian," tegasnya.

Oleh itu, beliau mengingatkan agar kementerian dan jabatan di bawahnya agar tidak lalai dan bersikap 'complacent' dengan apa yang dilakukan atau di-

capai dengan tidak menyedari perubahan persekitaran dan perkembangan yang berlaku di sekeliling.

Perubahan persekitaran, menurut Yang Berhormat, memerlukan kita bersikap profesional, berfikir, strategik, adaptif dan proaktif serta berupaya bertindak selaras dengan perubahan persekitaran dan perkembangan serta keadaan bagi memenuhi harapan dan keperluan orang ramai khususnya dan negara amnya.

Yang Berhormat percaya setiap pegawai hendaklah dapat bergabung dan 'bersinergi' dalam satu pasukan khususnya dalam bercambah-cambah fikiran membuat pembaharuan dan melaksanakan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan.

Yang Berhormat juga menyarankan ketua-ketua jabatan atau ketua bahagian akan dapat mengamalkan sikap keterbukaan dan mudah menerima cadangan atau idea daripada pegawai-pegawai dan kakitangan bawahannya dalam usaha memperbaiki dan mengemaskinikan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal pekerjaan atau perkhidmatan.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan semasa Mesyuarat Bersama Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. - Foto: Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidayat.

Lawatan tingkat kerjasama pendidikan

OLEH RUSYDINA HAJI JUNAIDI

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Januari. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib mengadakan lawatan kerja selama tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

Rombongan juga disertai sama oleh Setiausaha Tetap dan beberapa orang pegawai kanan Kementerian Pendidikan termasuk guru besar dan pengetua sekolah kerajaan.

Lawatan kerja itu bertujuan melihat lebih dekat

kemajuan pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia, di samping berkongsi pengalaman dan mempelajari inisiatif-inisiatif yang bermanfaat untuk dikongsi bersama.

Dalam rangka lawatan itu, Yang Berhormat dan rombongan melawat beberapa buah bahagian dan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Bahagian Pendidikan, Rancangan dan Penyelidikan; Bahagian Sumber Manusia; Bahagian Pendidikan Teknologi; Kolej Latihan Pengurusan; Se-

kolah Sukan dan Sekolah Bestari (Smart School).

Yang Berhormat dan rombongan juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato Sri Hishammuddin Tun Hussein.

Perjumpaan di antara kedua-dua menteri telah menghasilkan perbincangan mengenai usaha-usaha ke arah merapatkan lagi hubungan yang sedia ada, seterusnya mempertingkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan kedua-dua buah negara.



JUNJUNG ZIARAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima junjung ziarah para penduduk Mukim Labi di Majlis Santap semasa keberangkatan lawatan kerja baginda ke mukim berkenaan.



BERINTERAKSI ... Baginda menitahkan sesuatu kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman di Majlis Santap yang dilangsungkan di Dewan Serbaguna Mukim Labi.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENGETAM PADI



TERTARIK ... Baginda tertarik melihat kekuningan padi ketika baginda berkenan meninjau Projek Penanaman Padi Lot Sengkuang yang terletak di Kampong Labi II.



BAGINDA dengan penuh minat memerhatikan kegiatan murid-murid ketika baginda berangkat melawat Sekolah Rendah Rampayoh.



LIPUTAN HAJI JAAFAR IBRAHIM
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

**FOTO: HJ. ARIFFIN MOHD. NOOR,
PG. RAFEE PG. DATO PADUKA HAJI
METASSIM DAN SAMLE HJ. JAIT**

LABI, Isnin, 23 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengetam padi ketika berangkat meninjau Projek Penanaman Padi Lot Sengkuang yang terletak di Kampong Labi II di Mukim Labi.

Baginda berada di sini dalam rangka keberangkatan lawatan kerja ke Mukim Labi bermula dengan berangkat meninjau Sekolah Rendah Rampayoh yang terletak kira-kira 43 kilometer dari Simpang Sungai Liang.

Keberangkatan baginda di projek berkenaan telah dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid.

Semasa berangkat meninjau projek yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampong (MPK) Labi, baginda telah dijunjung bersama untuk mengetam salah satu jenis padi yang ditanam.

Projek Penanaman Padi Sengkuang merupakan projek terbesar yang diusahakan oleh MPK Labi dengan bantuan Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Dalam setahun, projek berkenaan menghasilkan 163 tan metrik dengan pendapatan kira-kira \$260,000.00.

Terdahulu sebelum itu keberangkatan lawatan kerja baginda ke Mukim Labi bermula dengan berangkat meninjau Sekolah Rendah Rampayoh yang terletak kira-kira 43 kilometer dari Simpang Sungai Liang.

Sepanjang keberangkatan baginda ke sekolah berkenaan diiringi oleh guru besar sekolah tersebut, Awang Zamain bin Sia yang juga telah menyumbangkan penerangan ke hadapan majlis baginda.

Sekolah yang telah didirikan sejak tahun 1956 itu kini mempunyai keramaian 24 murid iaitu 13 lelaki dan 11 perempuan.



TERTARIK ... Baginda amat tertarik dengan hasil kerja tangan yang diusahakan oleh para penghuni Rumah Panjang Mandaram Besar (kiri).

RAJA PENYAYANG ... Baginda berbual mesra bersama seorang warga emas penduduk Mukim Labi (atas).

Ini adalah kali ketiga baginda berangkat melawat sekolah tersebut sejak tahun 2001 dan 2003.

Dari sekolah tersebut, baginda meneruskan lawatan ke Rumah Panjang Teraja dan Rumah Panjang Mandaram Besar.

Rumah Panjang Teraja didiami oleh 60 orang penghuni dengan diketuai oleh Jamit anak Lasah, Ketua Rumah Panjang. Sementara Rumah Panjang Mandaram Besar dihuni oleh 100 orang dengan dipimpin oleh Ketua Rumah Panjang, Berandi anak Jamau.

Keunikan Rumah-rumah Panjang berkenaan, para penghuninya menghasilkan kraf tangan tempatan yang bermutu tinggi di mana sebahagiannya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelancong-pelancong asing.

Semasa berada di Rumah-rumah Panjang tersebut, baginda berkesempatan melihat secara dekat persekitarannya dan beramah mesra serta berinteraksi bersama para penghuninya.

Kemudian selepas itu, baginda meneruskan lawatan dengan berkunjung ke rumah Ketua Kampong Labi II, Awang Haji Abdullah bin Idris dan kediaman Penghulu Mukim

Labi, Awang Haji Kamara-han bin Atma.

Baginda mengakhiri lawatan dengan berkenan berangkat ke Majlis Santap yang diadakan di Dewan Serbaguna Mukim Labi.

Majlis tersebut dihadiri oleh para penduduk Kampong Labi I dan II.

Sebelum berangkat pulang, baginda berkenan menerima junjung ziarah para penduduk mukim berkenaan.

Keberangkatan baginda ke mukim-mukim di pedalaman jelas memperlihatkan keprihatinan baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sepanjang keberangkatan ke mukim tersebut, baginda diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dan; Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Hal Ehwal Ugama, Hal Ehwal Dalam Negeri, Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kesihatan serta Pemangku Pegawai Daerah Belait.



BERTUAH ... Baginda mengusap kepala seorang kanak-kanak ketika berangkat melawat Rumah Panjang Mandaram Besar.

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA DYTMM KE KEMENTERIAN PERTAHANAN

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn
FOTO: HARUN HAJI RASHID

BERAKAS, Rabu, 25 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan juga Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat melakukan lawatan kerja ke Pejabat Urusetia Pemerintah ABDB di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, di sini.

Keberangkatan lawatan kerja DYTMM merupakan lanjutan dari lawatan

kerja Duli Yang Teramat Mulia ke Kementerian Pertahanan pada tahun 2006.

Program lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia di Kementerian berkenaan bermula dengan sembah taklimat mengenai struktur dan organisasi ABDB oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, Pementah ABDB.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk melawat Pejabat

Unit Perkembangan Keupayaan Tentera dan Unit Inspektorat yang baru ditubuhkan di bawah Pejabat Urusetia Pemerintah ABDB.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan bergambar ramai bersama pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Urusetia dan seterusnya berkenan untuk menandatangani sijil keberangkatan.

Terdahulu dari itu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pejabat Urusetia Kementerian Pertahanan dijunjung

oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanter Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin; Pementah ABDB; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengiran Dato Paduka Mashor; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri beserta pegawai-pegawai kanan ABDB.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Jeneral Haji Al-Muhtadee Billah, Jeneral ABDB dan Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa mendengar sembah taklimat ketika berangkat melakukan lawatan ke Pejabat Urusetia Pemerintah ABDB (atas kiri).

MENINJAU ... DYTMM semasa meninjau ke beberapa bahagian Pejabat Urusetia Pementah ABDB (kiri).

MENANDATANGANI ... DYTMM ketika berkenaan menandatangani sijil keberangkatan (kanan).

JUNJUNG ZIARAH ... Keberangkatan tiba DYTMM dijunjung oleh Pementah ABDB, YDM Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi (kiri).

BERBUAL MESRA ... Semasa keberangkatan, DYTMM juga berbual mesra dan berinteraksi bersama beberapa orang pegawai-pegawai tentera (kanan).

BERGAMBAR KENANGAN ... DYTMM merakamkan gambar kenangan bersama Timbalan Menteri Pertahanan, Pementah ABDB dan pegawai-pegawai kanan Pejabat Urusetia Pemerintah ABDB.



BERINTERAKSI ... DYTMM berinteraksi bersama seorang pegawai ketika berangkat melawat Pejabat Urusetia Pemerintah ABDB.

HALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen Wassalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiaee Walmursalee, Saidina Muhammad Wa'alaa Aalihihee Wasabbihee Ajma'een.

Alhamdulillah segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat, inayah dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir bagi mesyuarat pertama pada tahun 2006 pada pagi ini, yang mana turut dihadiri oleh Yang Dimulikan Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan/penolong-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan kementerian dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam kesempatan ini, saya dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan/penolong-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan sama ada di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya di atas segala bentuk sumbangan, pengorbanan, khidmat bakti, kerjasama, sokongan dan komitmen yang tinggi yang telah pun dicurahkan di sepanjang tahun 2005. Ini juga terkandung di dalam perutusan surat saya mengenai dengan ucapan Selamat Tahun Baru Masihi 2006 yang sudah pun dikelilingkan. Alhamdulillah dengan adanya sokongan dan kerjasama yang erat lagi padu dalam kita bersama-sama melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan, kita dapat mengukuhkan projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang dirancang bagi kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini dengan baik dan sempurna.

Perjumpaan pada pagi ini seperti mana yang dimaklumi antara lainnya bertujuan untuk mendengarkan taklimat daripada ketua-ketua jabatan mengenai pencapaian jabatan-jabatan pada tahun 2005, di samping untuk mengetahui program termasuk projek jabatan-jabatan bagi tahun 2006. Saya percaya setiap jabatan sudah mempunyai perancangan strategik yang selaras/sehaluan dengan visi dan misi kementerian. Dengan adanya perjumpaan di awal tahun ini, diharapkan akan menjadi titik tolak dalam kita bersama-sama memperbaharui/mentamamkan azam/tekat bagi mencapai apa jua matlamat yang belum tercapai seperti mana yang telah dirancang, khususnya dalam melaksanakan peranan dan fungsi kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya selaras dengan visi dan misi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kejayaan-kejayaan dan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai pada tahun-tahun yang lalu hendaklah dijadikan sukat-sukat 'benchmark' bagi meraih kejayaan atau pencapaian

an yang lebih cemerlang.

Mesyuarat atau perjumpaan saya dengan ketua-ketua jabatan akan dibuat secara reguler bagi membolehkan saya mengetahui lebih dekat dan mendapatkan 'feedback' secara 'direct' tentang perkembangan atau kemajuan semasa, pembaharuan yang dibuat dalam sama-sama mempertingkatkan dan memperbaiki mutu perkhidmatan di jabatan masing-masing. Di samping itu, bersama-sama bertukar fikiran dalam berusaha menyelesaikan atau mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sama ada dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai atau di dalam jabatan itu sendiri. Dengan adanya perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan kita juga akan dapat mengongsikan pendapat dan maklumat yang boleh digunakan dalam mengendalikan pengurusan jabatan yang lebih mantap dan efisien.

Dalam program saya, mesyuarat dengan ketua-ketua jabatan diadakan pada setiap dua bulan pada minggu keempat pada hari Khamis sebelah pagi. Walau bagaimanapun, jika ada sesuatu yang tidak dapat dielakkan maka mesyuarat tersebut akan dimaklumkan kemudian. Di samping itu, saya jua ada mengadakan lawatan dan perjumpaan secara khusus dengan Jawatan Kuasa Pengurusan di setiap jabatan-jabatan berkenaan untuk mengetahui secara lebih terperinci lagi tentang perkembangan jabatan-jabatan masing-masing. Saya berharap ketua-ketua jabatan akan lebih transparan dalam memberi maklumat yang sebenar bagi membolehkan kita bersama-sama memperbaiki perkhidmatan dan juga meningkatkan lagi efisiensi di jabatan masing-masing. Mana-mana jabatan yang ada kaitannya mempunyai fungsi yang sama serta memerlukan penyelarasan juga akan diadakan perjumpaan khusus seperti yang pernah dilaksanakan pada masa ini misalnya di Jabatan-jabatan Daerah, Lembaga-lembaga Bandaran, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh. Saya juga percaya Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap mengikut portfolio masing-masing akan terus mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan berkenaan dengan mengadakan perundingan tentang isu-isu dan perkara-perkara yang khusus yang perlu diselesaikan dan diambil tindakan.

Dalam majlis/mesyuarat ini, saya juga menyarankan bahawa kita juga hendaklah menerima kenyataan atau hakikat bahawa masih terdapat berbagai-bagai kekurangan dan kelemahan/kepercanggahan yang perlu diperbaiki. Segala kekurangan yang ada terutamanya dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai misalnya kelambatan dalam memproses permohonan, kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi dan kurang prihatin dan pemedulian dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Begitu juga terdapat

JANGAN LALAI, TINGKATKAN KOMITMEN, BERINISIATIF DALAM TUGAS, TANGGUNGJAWAB



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan di Mesyuarat Dengan Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ketua-ketua Jabatan Serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari Isnin, 15 Zulhijah 1426/ 16 Januari 2006 bertempat di Jabatan Bandaran, Bangunan Pusat Komersil dan Perniagaan Bumiputera, Bandar Seri Begawan.

kelalaian, kurang komitmen dan sikap tidak berinisiatif di kalangan segelintir pegawai dan kakitangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Tatacara dan punca kelemahan yang sebenar hendaklah dikenal pasti dengan menggunakan kaedah atau 'management tools' yang sistematik dan rasional misalnya menggunakan kaedah KKC, yang mana boleh menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Apa yang juga mustahak untuk diambil perhatian ialah mendapatkan 'feedback' dan pandangan pegawai dan kakitangan yang mengendalikan harus dilibatkan sama, di samping mendapat 'feedback' dari 'stakeholders'. Tanpa adanya tindakan yang segera dan berkesan untuk memperbaiki segala kekurangan yang ada, ianya akan menjadi penyakit yang akan melarat, sukar untuk diubah dan diperbaiki dan seterusnya akan menjadi penghalang bagi kita untuk dapat terus bergerak maju ke hadapan secara aktif dan efisien dalam mencapai kecemerlangan.

Di samping itu juga, hendaklah dipastikan setiap tatacara pekerjaan yang berkaitan dengan sistem, proses atau prosedur yang tidak lagi relevan atau sesuai dengan keadaan semasa hendaklah diperbaiki, diubah suai. Garis panduan dalam memproses permohonan-permohonan misalnya hendaklah disediakan dan dikemaskinikan bersesuaian/selaras dengan perubahan dan apa jua perkembangan serta keadaan semasa bagi memenuhi keperluan dan harapan 'ekspektasi' orang ramai. Insya-Allah, dengan adanya 'Garis Panduan' yang dikemaskinikan, pegawai yang diamanahkan akan dapat menggunakan garis panduan tersebut dalam menyelesaikan apa jua masalah-isu atau perkara-perkara yang timbul supaya jangan sampai masalah-perkara itu dibiarkan begitu sahaja akan terus dihadapi oleh orang ramai tanpa penyelesaian. Masalah-isu yang

tidak diselesaikan adalah salah satunya daripada menjadi punca aduan orang ramai dan seterusnya akan menjejaskan imej dan seterusnya menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap jabatan dan kementerian.

Kita juga tidak boleh lalai dan bersikap 'complacent' dengan apa yang kita lakukan dan apa yang telah kita capai dengan tidak menyedari perubahan persekitaran dan perkembangan yang berlaku di sekeliling kita. Perubahan persekitaran ini memerlukan kita untuk bersikap 'professional', berfikir strategik, adaptif dan proaktif serta berupaya bertindak selaras dengan apa jua perubahan persekitaran dan perkembangan serta keadaan yang memenuhi harapan dan keperluan orang ramai khususnya dan negara amnya. Saya percaya, setiap pegawai hendaklah sentiasa mengamalkan sikap proaktif, kreatif, inovatif, berdaya saing, berdaya tahan serta dapat bergabung dan 'bersinergi' dalam satu pasukan khususnya dalam membuat pembaharuan dan melaksanakannya bagi memperbaiki mutu perkhidmatan. Saya juga ingin menyarankan supaya ketua-ketua jabatan/timbalan-timbalan ketua jabatan atau ketua-ketua bahagian akan dapat mengamalkan sikap keterbukaan dan mudah menerima cadangan atau idea daripada pegawai-pegawai/kakitangan bawahnya dalam usaha memperbaiki dan mengemaskinikan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal pekerjaan atau perkhidmatan.

Pada tahun 2006 ini, saya menghendaki setiap jabatan akan dapat melaksanakan 'kempen lungis' dalam menyelesaikan semua permohonan-permohonan yang 'outstanding'. Selagi adanya permohonan yang 'outstanding' yang mungkin beratus-ratus malah mungkin jumlahnya beribu-ribu, jabatan-jabatan tidak akan dapat bergerak dan

memperbaiki segala kelemahan-kelemahan, di mana masa dan tenaga hanya tertumpu kepada 'routine job' dalam memproses permohonan-permohonan yang masih lagi 'outstanding'. Jumlah permohonan akan semakin meningkat ditambah lagi dengan kiti jua menerima permohonan baru dan membaharui jika masih memproses lagi permohonan-permohonan/kerja-kerja yang belum dapat diselesaikan. Ini sama halnya juga dengan kerja-kerja atau kes-kes yang banyak 'outstanding' yang tidak diambil tindakan sekian lama. Menyedari akan hakikat yang sebenar ini, maka tidak ada cara/alternatif yang lain bagi pendapat saya dalam menyelesaikan masalah-isu seperti ini dan bagi menghindarkan aduan orang ramai yang berterusan, maka adalah diharapkan Pegawai-pegawai Eksekutif sama ada Setiausaha Tetap/Timbalan Setiausaha Tetap/ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan yang berkenaan meningkatkan usaha khusus mengatasi/menyelesaikan perkara-perkara 'outstanding' yang saya nyatakan.

Mengenai dengan perimustahakna pembangunan kapasiti (pembangunan sumber tenaga manusia), setiap jabatan hendaklah secara berterusan mempertingkatkan pembangunan kapasiti 'capacity-building' terhadap pegawai dan kakitangan masing-masing bagi mewujudkan 'sumber tenaga manusia' yang berkemahiran atau 'expert' dalam jurusan tertentu, terutama sekali yang ada kaitannya dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Perkara ini adalah sangat mustahak untuk diambil perhatian kerana dengan wujudnya tenaga manusia yang berkualiti, berpengetahuan dan berkemahiran dapat menajana perkhidmatan yang lebih produktif, efisien, dinamik dan berdaya saing, apatah lagi dalam menghadapi cabaran-cabaran era globalisasi yang penuh kompetitif dan sukar untuk diramal. Sehubungan dengan ini setiap jabatan hendaklah mengenal pasti jenis latihan atau kursus yang diperlukan termasuk menggalakkan pegawai yang dikenal pasti untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang tertentu. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penubuhan dana yang khusus yang akan melaksanakan pelbagai program pengukuhan pembangunan sumber tenaga manusia di negara ini yang telah dipeperuntukkan sebanyak 250 juta ringgit dan telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet baru-baru ini dan telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai pengutipan hasil, jabatan-jabatan hendaklah mengambil inisiatif dalam bersama-sama berusaha menambahkan kutipan hasil/revenue kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana difikirkan bersesuaian dan relevan tanpa sepenuhnya bergantung kepada pendapatan hasil minyak dan gas. Kita juga hendaklah mengambil perhatian berat, jangan sampai memberatkan bebanan kepada orang ramai. Dalam padu itu saya percaya terdapatnya jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mempunyai kutipan hasil yang tertunggak hendaklah segera diketip dan tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil kepada mereka yang gagal membayar kutipan hasil tersebut dan jika perlu mengambil tindakan-tindakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat setelah mendapat nasihat dan pandangan daripada Pejabat Peguam Negara. Jika sebarang tindakan tidak diambil, hasil atau bayaran yang tertunggak itu sendiri akan bertambah sehingga mencapai berpuluh-puluh ribu malahan mungkin beratus-ratus ribu ringgit yang mana perkara ini akan menyulitkan lagi keadaan dan sukar untuk ditagih. Oleh yang demikian, setiap jabatan semestinya harus berusaha mengenal pasti mekanisme yang efektif dalam memastikan apa jua bayaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan atau kemudahan yang diberikan akan dapat dijelaskan pembayarannya.

Berjimat cermat dan sikap tidak membazir hendaklah sentiasa diamalkan terutama sekali dalam menggunakan peruntukan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah juga penggunaan tenaga elektrik, pembelian barang-barang keperluan, alat perkakas yang terlampau berlebihan sehingga tidak dapat digunakan.

Berhubung kait dengan penguatkuasaan undang-undang, jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan hendaklah bersikap tegas dan sentiasa 'vigilant' dalam memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan itu dilaksanakan dan dikuatkuasakan dari masa ke masa. Tindakan yang sewajarnya dan tegas hendaklah diambil bagi mereka yang melanggar undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di mana termasuk dalam bidang kuasa jabatan masing-masing. Yang paling mustahak sekali

pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan mempunyai integriti atau bersikap jujur dan amanah terhadap tugas dan tanggungjawab masing-masing dan jangan sampai ada aduan bahawa pegawai/kakitangan yang terlibat disogok. Ini perlulah ditekankan bagi memastikan kedaulatan undang-undang.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, selaku menteri di kementerian ini dan dibantu oleh Yang Dimulikan Timbalan Menteri, apa yang diharapkan ialah sokongan, kerjasama yang erat lagi padu dalam satu 'team' atau pasukan yang kukuh disertai dengan kegigihan, komitmen yang total khususnya di kalangan Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, peneraju-peneraju jabatan-jabatan selaku ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya serta dukungan oleh semua lapisan pegawai-pegawai dan kakitangan. Apa yang juga diharapkan ialah untuk terus melipatgandakan sokongan, kerjasama yang erat lagi padu yang telah wujud untuk membentuk satu 'team' atau berpasukan yang lebih berdaya tahan, kukuh, mantap dan dinamik. Semangat kerja berpasukan disertai dengan etika kerja yang murni seperti jujur, amanah, berdedikasi, efisien dan pemeliharaan hendaklah dijadikan sebagai satu amalan atau budaya kerja dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya penuh percaya dan berkeyakinan dengan wujudnya satu 'team work' yang mantap, bersatu padu lagi bekerjasama, komited, berdedikasi dan berkeualiti. Insya-Allah, kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya akan lebih proaktif, progresif, dinamik, berdaya tahan, berkembang maju dan cemerlang di masa akan datang. Apa yang mustahak dan berperanan penting dalam menggerakkan kejayaan, kecemerlangan atau kemunduran kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya ialah nadi penggerak utama iaitu Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, timbalan/penolong ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan sama ada di peringkat kementerian dan jabatan di bawahnya bagi memantau dan melaksanakan jentera pengurusan dan pentadbiran untuk mencapai objektif dan rancangan strategik sama ada di peringkat kementerian dan jabatan-jabatan masing-masing khususnya dan negara umunya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MAJLIS IBADAT KORBAN, PENGAGIHAN DAGING KORBAN SEMPENA AIDILADHA

Kebawah DYMM korbankan 14 ekor kambing, 34 ekor sapi

OLEH ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn

IRAKAS, Rabu, 11 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengorbankan 14 ekor kambing sebagai korban sunat sempena Hari Raya Aidiladha 2006 ini.

Sementara korban sunat di ahli kerabat baginda berjumlah 34 ekor sapi yang korbankan di Pusat Penyembelihan Mulaot Nattoir.

Daging-daging korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah diagihkan petang tadi kepada seramai 4,351 orang fakir dan miskin di seluruh negara dengan mengadakan Majlis Pengagihan secara berasingan di empat-empat daerah. Bagi Daerah Brunei dan Muara pengagihan daging korban berlangsung di Dewan Muhibah, Pejabat Daerah Brunei dan Muara di sini yang disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar.

bin Bakar.

Menerima bagi pihak fakir dan miskin bagi Daerah Brunei dan Muara sejumlah 2,672 orang ialah para penghulu dan ketua kampung yang kemudiannya nanti akan mengagihkan kepada fakir dan miskin yang tersenarai.

Manakala pengagihan daging korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Temburong dilangsungkan di Dewan Belalong yang diagihkan oleh Pegawai

Daerah berkenaan, Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shahbudin kepada 254 orang fakir dan miskin di daerah itu.

Setiap penerima mendapat sekilogram daging korban, sama ada daging sapi atau kambing. Tahun ini jumlah penerima di keempat-empat daerah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Sempena Hari Raya Aidiladha pada tahun ini, kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan kerajaan, mukim dan kampung serta orang perseorangan juga mengadakan Majlis Ibadat Korban.

MENTERI Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman mengagihkan daging korban kepada seorang penerima di Majlis Ibadat Korban Kementerian Kewangan pada 12 Januari lepas (kanan). - Foto: Ramli Tengah.

MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad mengagihkan daging korban kepada seorang penerima di Majlis Ibadat Korban kementerian berkenaan pada 12 Januari lepas (kiri). - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

TIMBALAN Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusoff bin Haji Abdul Hamid mengagihkan daging korban kepada seorang penerima di Majlis Ibadat Korban yang berlangsung di dewan Jabatan Pengangkutan Darat pada 12 Januari lalu (kiri). Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi mengagihkan daging korban kepada seorang penerima pada 12 Januari lalu (kanan). - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar mengagihkan daging korban kepada seorang penerima di Majlis Ibadat Korban yang berlangsung di Dewan Muhibah Pejabat Daerah Brunei dan Muara pada 11 Januari lalu (kiri). - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman mengagihkan daging korban kepada seorang penerima di Majlis Ibadat Korban Kementerian Pendidikan berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pusu Ulak pada 12 Januari lalu. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika menyampaikan daging korban kepada seorang penerima yang berhak menerimanya di Majlis Ibadat Korban Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di kawasan letak kereta kementerian berkenaan pada 13 Januari lalu. Foto: Ramli Tengah.



MAJLIS SESI DIALOG HARI PENERANGAN BAGI MUKIM KOTA BATU

Pemasangan tanda keselamatan jalan raya dalam perancangan

LIPUTAN ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn
FOTO: HAJI ARIFFIN MOHD. NOOR

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari. - Majlis Keselamatan Jalan Raya tidak ada halangan bagi pemasangan tanda-tanda had laju dan tanda-tanda kawasan sekolah dengan pemasangan 'rumble stripe'.

Pemangku Timbalan Pengarah Pengangkutan Darat, Dayang Airah binti Abdullah yang juga Setiausaha Majlis Keselamatan Jalan Raya menjelaskan perkara itu sebagai menjawab isu yang disuarakan oleh penduduk mukim Kota Batu yang disampaikan oleh wakilnya Awang Haji Khalid bin Haji Awang Damit di Majlis Sesi Dialog Hari Penerangan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim di sini.

Beliau menjelaskan, kawasan tersebut perlu di-

lawati terlebih dahulu oleh Jawatankuasa 'Core Group' Majlis Keselamatan Jalan Raya bagi mengenal pasti beberapa aspek dan ciri-ciri keselamatan perlu diambil kira dan diteliti, kesesuaiannya bagi kedudukan pemasangan papan tanda agar tidak terlindung dan mudah dilihat oleh pemandu dan keadaan jalan raya termasuk persimpangan keluar masuk, selekoh, bukit curam dan sebagainya bagi pemasangan tanda-tanda keselamatan jalan raya yang lebih efektif dan bersesuaian.

Sementara wakil dari Kampong Belimbing Subok pula menyuarakan mengenai pemasangan papan tanda had laju dan tanda kawasan sekolah supaya dibubuh warna cat berpaling kuning bagi mengingatkan para pengguna

jalan raya supaya memperlambatkan kereta mereka di kawasan berkenaan, beliau seterusnya menjelaskan Majlis Keselamatan Jalan Raya melalui Jawatankuasa 'Core Group' mengambil perhatian berat akan permasalahan tersebut di mana pada tahun lepas Jawatankuasa 'Core Group' telah pun mengadakan lawatan kerja secara mengejut semasa projek pembesaran jalan sedang giat dijalankan dan mendapati memang ada berlakunya perkara tersebut di samping itu Jawatankuasa 'Core Group' telah pun menasihati agar pemborong berkenaan mematuhi syarat-syarat dan prosedur yang dikenakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Mengenai had laju dan cat berpaling seperti mana yang dipohonkan oleh penduduk kampung berkenaan, beliau menambah, ianya akan diteliti semula selesai sahaja pengubahsuaian jalan raya dijalankan

kan dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan seperti 'design speed' jalan raya, persimpangan jalan raya, selekoh dan termasuk juga pewartaan had laju yang sudah setentunya memakan masa yang lama.

Beliau menjelaskan, bagi melaksanakan perkara itu proses pelaksanaan atau pemasangannya biasanya akan dijalankan oleh agensi-agensi yang telah dipertanggungjawabkan yang mana sesetengahnya memerlukan peruntukan jabatan berkenaan.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Pengangkutan Darat, Dayang Airah binti Abdullah yang juga Setiausaha Majlis Keselamatan Jalan Raya semasa menyampaikan beberapa penjelasan di Majlis Sesi Dialog Hari Penerangan. - Foto: Ramli Tengah.

Pos Polis Kg. Menunggol, Kg. Sg. Belukut: Permohonan diteliti mengikut keutamaan, kesesuaian

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari. - Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei, menjelaskan kedudukan perkara mengenai permohonan para penduduk di Kampong Menunggol dan Kampong Sungai Belukut untuk mendirikan Pos Polis di kampung berkenaan.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) katanya, akan meneliti dengan lebih terperinci lagi permohonan itu dengan mengambil kira akan keutamaan dan kesesuaiannya dari masa ke semasa kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang agak besar untuk membina Pos Polis dan juga tapak tanah yang bersesuaian menempatkan anggota polis yang akan bertugas.

Perkara itu dijelaskan oleh Penguasa Kanan Polis Haji Majid di Majlis Sesi

Dialog Hari Penerangan ketika menjawab isu yang dibangkitkan oleh para penduduk Kampong Menunggol dan Kampong Sungai Belukut yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim di sini.

Beliau menjelaskan bahawa Kampong Menunggol boleh didatangi dengan menggunakan kenderaan laut dan Pos Polis yang berdekatan dengan kampung ini ialah Pos Polis Kampong Bolkiah 'A' lebih kurang dua kilometer sahaja jaraknya dari kampung tersebut dan kes-kes jenayah yang dilaporkan bagi tahun 2003 adalah tidak begitu meruncing serta jumlah kes terlalu kecil seperti satu kes tangkapan imigresen, tahun 2004 juga satu kes merosakkan barang di Sekolah Rendah

Menunggol dan tahun 2005 dua kes iaitu kes kanak-kanak mati lemas dan kes menggantung diri.

Sementara bagi Kampong Sungai Belukut pula, jelasnya, Pos Polis yang berhampiran dengan kampung ini ialah Pos Polis Perpindahan Mentiri yang baru saja dibuka pada 27 September 2005 yang lalu dan jaraknya dari kampung berkenaan lebih kurang lapan kilometer dan jarak antara Kampong Sungai Belukut dengan Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan (BSB) lebih kurang 11 kilometer.

Beliau memberikan keyakinan kepada para penduduk kampung berkenaan tentang keselamatan dan kesejahteraan mereka bahawa PDB akan sentiasa berusaha mengadakan pencegahan jenayah dengan

membuat rondaan-rondaan di perairan Sungai Brunei oleh anggota Pasukan Polis Laut dan anggota Balai Polis Kampong Ayer.

Manakala anggota polis dari Balai Polis Pusat BSB pula akan membuat rondaan dengan kenderaan polis di sepanjang Jalan Belimbing Subok, Jalan Residency dan Jalan Kota Batu sehingga Jalan Sungai Besar.

Sementara penduduk Kampong Puduk yang mengemukakan soalan mengenai keselamatan kenderaan-kenderaan mereka yang diletakkan di kawasan tanah lapang Kampong Serdang, PDB akan mempertingkatkan lagi usaha untuk sentiasa membuat rondaan di waktu siang dan malam dengan memasang peti-peti bit polis.



SEBAHAGIAN para pegawai kanan kerajaan dan para penduduk Mukim Kota Batu semasa hadir di Majlis Sesi Dialog berkenaan. - Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah dan para pegawai kementerian-kementerian semasa hadir di Majlis Sesi Dialog berkenaan. - Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor.



SEBAHAGIAN para pegawai kanan kerajaan dan para penduduk Mukim Kota Batu semasa hadir di majlis sesi berkenaan. - Foto: Ramli Tengah.

MAJLIS SESI DIALOG HARI PENERANGAN BAGI MUKIM KOTA BATU

Rancangan penaikan taraf Jalan Residency ke Kg. Sungai Lampai dilaksanakan tahun ini

IPUTAN ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn
OTO: HAJI ARIFFIN MOHD. NOOR

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari. - Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Said menjelaskan mengenai cadangan bagi menaik taraf Jalan Residency ke Kampong Sungai Lampai sudah pun ada di dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 dan tawaran bagi projek berkenaan akan dikeluarkan awal tahun ini.

Beliau menambah, tawaran bagi projek berkenaan sudah pun dikeluarkan dan lepas dan oleh kerana itu sebab tidak dapat melakukan tawaran berkenaan terpaksa ditawarkan pada awal tahun ini.

Beliau menekankan perkara itu di Majlis Sesi Dialog Hari Penerangan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Said.

Bagi Mukim Kota Batu berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim di sini.

Peruntukan bagi projek berkenaan, jelasnya, telah disediakan dan ianya akan

dapat dilaksanakan pada tahun ini juga.

Berhubung cadangan untuk menaik taraf jalan Kota Batu yang selebihnya, beliau menjelaskan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) juga membuat perancangan untuk menurap semula jalan berkenaan yang mana peruntukannya telah pun dipohonkan dan perlaksanaannya pula tertakluk kepada keutamaannya serta dalam waktu yang sama usaha melebarkan jalan berkenaan mempunyai masalah yang melibatkan tanah-tanah persendirian, di samping kedudukan jalan di Mukim Kota Batu ditambah lagi dengan masalah bukit di sebelah kiri dan laut di sebelah kanannya.

Walaupun bagaimanapun, JKR akan membuat penelitian mengenai masalah jalan di Mukim Kota Batu, katanya.

Menyentuh mengenai jalan pintas yang akan menghubungkan di antara Jalan Kota Batu dengan Jalan Subok, beliau menjelaskan, sudah pun dibuat penelitian beberapa tahun yang lalu oleh pihak JKR dan didapati melibatkan serta menjejaskan Logi Penapisan dan Ampangan Air Mengkubau di kawasan tersebut.

Mengenai cadangan untuk mengadakan longkang-longkang konkrit, beliau menjelaskan, perancangan bagi projek berkenaan telah pun dipohonkan peruntukannya untuk mengadakannya pada tahun depan.

Perkara ini juga, katanya, menghadapi masalah yang sama yang melibatkan tanah-tanah persendirian. Jadinya ia hanya akan dibuat dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan keadaan tempat yang kritikal akan dilaksanakan.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Yussop semasa menjawab isu yang dibangkitkan dalam sesi dialog berkenaan.

Dewan serbaguna bagi setiap mukim dalam perancangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-9 telah menghadapi beberapa projek bagi membina dewan serbaguna di setiap mukim dan yang difikirkan bersesuaian sebagai sebuah pusat perkumpulan para penduduk mukim dan kampung serta dewan serbaguna juga akan dirancang membina pejabat penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Yussop bin Bakar menjelaskan perkara itu di Majlis Sesi Dialog Hari Penerangan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim di sini.

Beliau berkata, melalui pembinaan dewan serbaguna itu nanti akan disediakan ruang-ruang untuk mesyuarat, bilik-bilik VIP dan juga sebuah ruang yang luas sebagai dewan yang boleh digunakan.

Dalam RKN Ke-8, jelas-

nya, telah dibina tiga buah dewan serbaguna di mukim-mukim tertentu iaitu Mukim Sengkuring, Pengkalan Batu dan Kilanas dan dalam RKN Ke-9 juga menggariskan cadangan untuk membina dewan serbaguna di Mukim Kota Batu dan di sinilah nanti pejabat yang dicadangkan untuk membina pejabat penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dalam dewan serbaguna nanti dan orang ramai bolehlah berurusan bersama penghulu dan ketua-ketua kampung di dewan tersebut.

Gelanggang sukan bagi Kg. Belimbing, Subok dalam penelitian

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Sukan (KKBS), Awang Haji Sumadi bin Kaimi menjelaskan kepada penduduk Kampong Belimbing, Subok berhubung pemohonan gelanggang atau temududukan bagi kampung berkenaan menjelaskan bahawa KKBS perlu mengadakan rundingan bersama pelbagai agensi, seperti perhubungan, tanah dan sebagainya yang mengenal pasti bagaimana cara yang tepat dan kos efektif untuk dapat menyelesaikan gelanggang sukan yang dicadangkan.

Beliau menjelaskan perkara itu di Majlis Sesi Dialog Hari Penerangan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim di sini.

Beliau menambah perkara itu memang sudah diberi

perhatian dan salah satu kuota utama KKBS untuk memberikannya, kerana ini memang dalam perancangan KKBS apatah lagi didukung oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan memberikan perhatian kepada kemahuan para remaja atau belia terutama peminat-peminat sukan untuk mereka bersukan dan berolahraga.

KKBS, katanya, akan mengadakan penelitian secepatnya mengenai cadangan membina gelanggang sukan di Kampong Belimbing dan penyelidikan secepat mungkin melalui beberapa pihak diperlukan bagi mengetahui kedudukannya.

Beliau menjelaskan bahawa pembinaan gelanggang sukan seperti tempat bermain

sepak takraw dan badminton dan sebagainya pernah dibina dan apa yang mendukacitakan tapak-tapak gelanggang tersebut semak ditumbuhi oleh tumbuhan dan akhirnya ditinggalkan begitu saja tanpa diambil peduli.

Buat sementara waktu, tambahnya, langkah-langkah efektif akan diambil kerana KKBS juga berpendirian bahawa gelanggang sukan riadah ini sangat penting untuk memupuk nilai-nilai kemasyarakatan di kalangan masyarakat dan anak buah kampung serta mukim.

Pemangku Setiausaha Tetap KKBS juga menambah ia juga bertujuan untuk memupuk cara hidup yang sihat di kalangan masyarakat setempat dan juga untuk mengasuh bakat yang sedia ada pada anak-anak remaja dan belia yang bakal digunakan dalam pelbagai pertandingan di beberapa peringkat dan

akhirnya untuk memupuk nilai-nilai perpaduan serta kerjasama di kalangan para remaja dan masyarakat setempat.

Bentuk perkhidmatan pos bagi Mukim Kota Batu perlu dikenal pasti

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Pos perlu membuat kajian terperinci mengenai keperluan bilangan para pelanggan yang menggunakan perkhidmatan pos, kerana ini melibatkan kos perbelanjaan operasi pembahagian sumber-sumber tenaga manusia dan beberapa perkara logistik berkaitan cawangan pos baru.

Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) juga perlu menge-

etahui bentuk perkhidmatan yang diperlukan, misalnya mereka perlukan perkhidmatan pos seperti perkhidmatan penjualan setem. JPP boleh berusaha untuk melantik wakil penjual setem tetapi jika mereka memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain JPP terpaksa akan berusaha, kerana dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh JPP termasuk juga perkhidmatan daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan

Kerja Raya (JKR) bagi bil air dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi bil elektrik.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Kadir bin Tengah di Majlis Sesi Dialog Hari Penerangan yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim di sini.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa JPP perlu menilai dari segi keutamaannya dan JPP telah me-

lantik beberapa wakil pos di kawasan Mukim Kota Batu dan para penduduk di mukim tersebut bolehlah berurusan dengan wakil-wakil pos berkenaan.

Beliau menambah, JPP yang paling terdekat dengan Mukim Kota Batu ialah Pejabat Besar Pos di Bandar Seri Begawan. Sementara pejabat pos yang baru dibina di Mukim Mentiri iaitu di Kampong Mentiri dijangka siap dalam bulan Mac depan.

Para pengetua, guru besar terima buku PPR

ERIA, Sabtu, 21 Januari. - Program terakhir penyerahan buku-buku Pendidikan Pencegahan Rasuah (PPR) bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah daerah Belait telah diadakan di Dewan Persidangan Dewan Sekolah-sekolah di sini.

Penyerahan buku-buku berkenaan disampaikan oleh Timbalan Pengarah Biro Mencegah Rasuah (BMR), Awang Haji Wail bin Haji Md. Taib kepada pengetua dan guru-guru besar sekolah-sekolah menengah dan maktab di daerah ini.

Sebelum ini majlis serupa telah diadakan di daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong sebagai susulan pelancaran PPR dalam kurikulum kebangsaan yang berlangsung baru-baru ini.

Haji Wail menyatakan PPR dalam kurikulum kebangsaan merupakan projek yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Perkhidmatan Bantuan BMR dengan usaha sama Jabatan Perkembangan Kurikulum dan sokongan padu Variat Minyak Brunei Shell (BSP), BLNG BSM dan BST bagi menanam nilai-nilai moral yang murni seperti sikap jujur, amanah dan ikhlas ke dalam jiwa pelajar-pelajar agar dapat dijadikan sebagai amalan kehidupan seharian.

Melalui PPR, diharap akan dapat menimbulkan kesadaran dan kefahaman kepada pelajar-pelajar mengenai gejala dan bahaya rasuah. Beliau menje-

laskan PPR menggunakan sistem pembelajaran berterusan dan akan mula digunakan pada tahun ini.

Beliau menambah PPR akan dibuat secara berperingkat-peringkat bagi memudahkan para pelajar mempelajari dan memahami topik-topik yang diajarkan dan ianya akan dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 2011.

Bagi mencapai objektif projek berkenaan, beliau menekankan peranan tenaga pengajar sangat penting. Dari itu sebagai tambahan kepada buku-buku kerja PPR, buku panduan guru juga telah diterbitkan sebagai garis panduan guru-guru untuk memahami mesej yang ingin disampaikan dan dapat pula diajar kepada pelajar-pelajar.

Beliau seterusnya berkata sebagai usaha bagi menjadikan PPR lebih efisien beberapa pendekatan akan digunakan antaranya yang sudah dilaksanakan memperkenalkan pelajaran interaktif komputer dan menyanyikan lagu-lagu pendidikan rasuah.

Pelajaran interaktif komputer merupakan program komputer yang mengandungi aktiviti kerja yang berkonsepkan nilai-nilai murni seperti jujur dan amanah bagi murid-murid darjah 1 manakala lagu-lagu PPR yang bertema jujur, amanah dan ikhlas akan dinyanyikan di sekolah rendah bawah darjah 1, 2 dan 3, jelasnya.

Lagu-lagu tersebut, tambahnya, dipilih melalui Peraduan Mencipta Lagu-lagu PPR yang telah dianjurkan oleh BMR dan lagu-lagu tersebut dikompilasikan dalam bentuk buku dan cakera padat yang akan diedarkan ke sekolah-sekolah sebagai tambahan PPR.

Selain itu, beberapa sesi taklimat dan latihan bagi tenaga pengajar juga telah dan akan dijalankan sebagai langkah untuk memberikan pendedahan awal kepada guru-guru mengenai PPR sebelum menyampaikannya kepada pelajar, katanya.

Penolong Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Matasan bin Haji Bungsu menyampaikan penerangan ringkas mengenai peranan Jabatan Perkembangan Kurikulum dalam PPR antara lain berharap usaha sama BMR dan Jabatan Perkembangan Kurikulum akan menjadi langkah setapak ke hala tuju yang lurus dan diredai dalam mengasuh anak-anak watan dengan akhlak mulia serta nilai-nilai murni supaya mereka menjadi bakal pemimpin dan rakyat di masa depan bersih dari menghampiri gejala sosial yang negatif seperti amalan rasuah.

Dengan penyerapan PPR ke dalam kurikulum sekolah tentunya akan dapat menanamkan lagi kesedaran di kalangan pelajar dalam mengamalkan sikap dan nilai-nilai murni yang perlu dihayati dalam kehidupan seharian, katanya.



TIMBALAN Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Awang Haji Wail bin Haji Md. Taib menyerahkan buku-buku PPR kepada seorang pengetua maktab di Daerah Belait.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan ketika melancarkan Wajah Baru Media Permata terbitan Brunei Press. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Di samping sediakan kemudahan, beri keutamaan keselamatan orang ramai

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

MUARA, Sabtu, 21 Januari. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyuarakan kepada Jabatan Laut, di samping menyediakan perkhidmatan yang diperlukan, perkara yang berhubung kait dengan keselamatan orang ramai mestilah diberikan keutamaan dan kepentingan yang tidak boleh diberikan tolak ansur.

Yang Berhormat juga menasihati Jabatan Laut supaya memastikan langkah-langkah keselamatan hendaklah diutamakan dan peraturan hendaklah juga dibuat dan dipatuhi.

Menteri Perhubungan

membuat saranan itu ketika membuat lawatan kerja ke Jabatan Laut yang terletak di Serasa di sini. Turut serta dalam lawatan itu termasuk Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan dan beberapa orang pegawai kanan kementerian berkenaan.

Tujuan lawatan Yang Berhormat ke Jabatan Laut antara lain untuk melihat lebih dekat kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Laut kepada orang ramai, terutama sekali mengenai Terminal Feri Penumpang dan juga perkhidmatan bantuan yang diberikan oleh Ja-

batan Laut kepada agensi-agensi kerajaan terutama Jabatan Pelabuhan.

Lawatan kerja Yang Berhormat juga bertujuan meninjau beberapa projek yang sedang dijalankan di tapak pembinaan di jabatan serta penyediaan kemudahan bengkel kepada syarikat tempatan dan beberapa kerja-kerja memperbaiki yang sedang berjalan di Terminal Feri Penumpang.

Dalam lawatan kerja itu Yang Berhormat juga berpeluang melihat lebih dekat kemudahan yang terdapat di dalam Terminal Feri Penumpang seperti ruang VIP, kawasan menunggu dan kawasan berlepas dan tiba.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar semasa meninjau ke salah sebuah jabatan. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Ak. Mohd. Adibal Amin, Nurfaezah juara Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Kebangsaan

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahah.ismail@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 12 Januari. - Ak. Mohd. Adibal Amin bin Pg. Haji Marjuki dan Nurfaezah binti Haji Emran masing-masing muncul menjuarai bahagian qari dan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1426 Hijrah/2005 Masihi.

Juara bahagian qari Ak. Mohd. Adibal Amin memperoleh markah 90.75 peratus menerima hadiah \$2,000.00 dan piala sumbangan Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan. Manakala juara qariah, Nurfaezah memperoleh markah 88.29 peratus dan menerima hadiah \$2,000.00 dan piala sumbangan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Naib juara qari disandang oleh Mohd. Zul Hafiz bin Awang Tengah yang memperoleh markah 90.25 peratus dan menerima hadiah \$1,500.00 bersama piala dan pemenang ketiga ialah Muhammad Zakwan bin Mejar

(B) Haji Abdul Rahman, memperoleh markah 86.45 peratus menerima hadiah \$1,000.00.

Naib juara qariah disandang oleh Amal Nazirah binti Haji Asmat yang memperoleh markah 83.04 peratus dan menerima hadiah wang \$1,500.00 bersama piala, sementara tempat ketiga ialah Rubiah binti Haji Timbang memperoleh markah 77.05 peratus menerima hadiah \$1,000.00.

Musabaqah yang diadakan sejak tahun 1981 disertai oleh empat peserta qari dan empat qariah yang dipertandingkan dalam pusingan awal peringkat daerah-daerah kemudian separuh akhir dan peringkat akhir.

Musabaqah ini dihasratkan untuk menggalakkan golongan belia pandai membaca Al-Quran sejajar dengan usaha untuk melahirkan belia yang celik Al-Quran.

Dalam kepesatan ICT surat khabar masih relevan

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

GADONG, Jumaat, 20 Januari. - Walaupun industri akhbar yang bertapak di negara ini agak kecil jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini, surat khabar terus mendapat tempat di hati masyarakat sebagai pelengkap ilmu pengetahuan harian di sebalik kemunculan kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang

Adnan menjelaskan perkara itu ketika melancarkan Wajah Baru Media Permata, di The Mall.

Katanya, perkembangan pesat ICT dan peranan media termasuk media cetak telah semakin meningkat di mana fenomena globalisasi telah mendedahkan masyarakat antarabangsa kepada suatu revolusi informasi serta menjadikan dunia sebagai sebuah perkampungan sejagat.

"Perkembangan teknologi ini mempunyai hubungan rapat dengan media sama ada media elektronik atau media cetak yang berperanan penyebar maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan, malahan ia juga sebagai pencetus minda dalam menjadikan masyarakat untuk lebih berpengetahuan dan berpendidikan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menghargai dan mengalu-alukan peranan serta sumbangan media massa sebagai penyiar maklumat kepada masyarakat.

Menurutnya, media massa

telah banyak memberi sumbangan dalam memberigakan usaha-usaha kerajaan khususnya dalam aspek pembangunan dan kemajuan negara.

Yang Berhormat seterusnya menekankan agar akhbar-akhbar di negara ini perlu melaporan secara jujur dan tepat terhadap sesuatu perkara kerana kuasa media sangat besar dalam membentuk minda dan pemikiran sesebuah masyarakat secara positif.

Menyentuh soal kredibiliti, beliau berkata sesebuah akhbar akan bergantung kepada sikap adil, saksama dan tepat dalam liputan dan penerbitannya yang mana mempunyai tanggungjawab, profesionalisme dan etika murni serta akan memastikan semua pihak yang terlibat dalam sesuatu isu diberikan peluang untuk melahirkan pandangan masing-masing.

Menurutnya, media yang 'credible' dan berwibawa akan mampu meraih kepercayaan dan seterusnya mendapat penghormatan daripada kalangan pembaca-pembaca justeru sangat wajar berita atau maklumat yang disiarkan itu berdasarkan fakta

yang tepat.

Yang Berhormat berharap agar Media Permata akan dapat memupuk dan mendorong lebih banyak minat pembacanya, di samping akan terus mengekalkan kredibiliti dan ketepatan maklumat serta 'approach' terhadap penerapan nilai-nilai yang murni, berkualiti dan penuh bermaklumat.

Sementara itu, Ketua Editor Media Permata, Awang Latif bin Ismail menjelaskan Media Permata berhasrat untuk sama-sama mendukung hasrat dan cita-cita Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melaksanakan program pembangunan bangsa dan negara.

"Hanya masyarakat yang bermaklumat dan berilmu boleh menjadi dinamik. Hanya masyarakat dinamik akan terus relevan dengan perkembangan zaman dan hanya masyarakat yang relevan dengan zaman dapat membangun dan mengekalkan tamadun mereka. Media Permata mahu menumpung membentuknya," ujarnya ketika menyampaikan kata-

kata aluan.

Menurutnya, kira-kira 90 peratus daripada penduduk negara ini bertutur dalam bahasa Melayu sejak dari peringkat sekolah lagi, dan kehadiran Media Permata diharapkan dapat memenuhi ruang kehendak pembaca yang lebih selesa dengan bahasa Melayu.

Media Permata menjadi sebagai akhbar harian bermula pada 30 Julai 1998 apabila Brunei Press Sendirian Berhad melancarkan wujudnya sebuah akhbar harian berbahasa Melayu bahasa yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa ibunda negara ini.

"Selepas tujuh tahun, tuntutan dan kemahuan pembaca semakin kompleks. Walaupun kita berada dalam era teknologi maklumat dengan ungkapan maklumat di hujung jari, permintaan terhadap berita dalam bentuk media cetak tetap ada dan relevan," jelasnya.

Wajah baru Media Permata meliputi penambahan ruang berita, rencana dan isu padat yang menarik yang disasarkan kepada semua golongan masyarakat negara ini agar mereka dapat mengikuti perkembangan semasa

Wujudkan sistem pentadbiran, pengurusan berkesan di peringkat akar umbi

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

JALAN MUARA, Ahad, 22 Januari. - Setiap rakyat dan penduduk di negara ini berperanan membuktikan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda terutama sekali dalam bersamasama menaati dan mengekalkan kedaulatan, keselamatan, keamanan, ketenteraman, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Antara usaha-usaha memelihara keamanan dan kesejahteraan itu termasuklah usaha mewujudkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang berkesan di peringkat akar umbi iaitu di kalangan penduduk mukim dan kampung masing-masing.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menyatakan demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani selaku wakil peribadi Yang Berhormat di Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Kampung Harmoni Mukim Berakas A.

Yang Berhormat menjelas-

kan, sistem pentadbiran dan pengurusan yang berkesan mencakupi kesempurnaan dalam menjaga hal-ehwal kebajikan anak buah mukim dan kampung, di samping menjalin dan mengeratkan lagi kerjasama, persefahaman dan perpaduan tersebut di kalangan mereka yang terdiri dari pelbagai kaum dan bangsa di negara ini.

Justeru kerana itulah yang menjadi harapan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memelihara dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan masyarakat, bangsa dan negara, jelas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab selaku penghulu dan ketua kampung, tambah sewajarnya ditunaikan dengan penuh jujur, amanah, berwibawa secara lebih terbuka serta dapat menjadi contoh teladan kepada anak-anak buah kampung. Yang Berhormat.

Sebagai pemimpin, akar umbi peranan penghulu dan ketua kampung adalah berat dan penuh dengan cabaran apatah lagi dengan perkembangan dan keadaan semasa. Justeru kerana itulah sewajarnya penghulu dan ketua kampung mampu mengubah minda, cara berfikir dan mempunyai pendekatan yang lebih positif dan proaktif agar institusi

penghulu dan ketua kampung akan terus relevan.

Salah satu peranan dan tugas yang perlu dititikberatkan dan diambil perhatian oleh setiap penghulu dan ketua kampung sikap pemeduliaan dan keprihatinan dalam mengalinga hal-ehwal kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini dengan tidak hanya berdiam diri menunggu kedatangan anak-anak buah kampung tetapi haruslah sentiasa keluar rumah atau turun padang bagi mengadakan lawatan ke persekitaran kampung untuk melihat secara dekat dan langsung keadaan sekeliling, di samping berjumpa, berinteraksi, berbincang serta mendengar apa jua permasalahan yang diajukan oleh anak-anak buah kampung.

Sementara konsep permesyuarahan dan permuzakarah (syura), saran Yang Berhormat, hendaklah sentiasa diamalkan dan dijadikan budaya bukan sahaja di kalangan penghulu dan ketua kampung tetapi juga di kalangan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Jawatankuasa Kejiranan Kampung serta persatuan-persatuan belia, institusi-institusi pendidikan serta sektor swasta.

Melalui interaksi dan permuzakarah akan dapat mewujudkan perpaduan yang kukuh dan mantap di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Menyentuh mengenai majlis hari itu, Yang Berhormat berkata keharmonian sesebuah kampung terletak kepada beberapa aspek seperti kebersihan persekitaran kampung, keaktifan Majlis Perundingan Kampung serta tahap kepimpinan dan pemeduliaan ketua-ketua kampung terhadap anak-anak buahnya. Manakala keharmonian kampung itu adalah terbit hasil daripada keamanan dan kesejahteraan yang dijanjikan oleh penduduk kampung dan masyarakatnya.

Di majlis itu Kampong Lambak 'B' muncul sebagai johan sekali gus menerima Hadiah Sayembara Kampung Harmoni Mukim Berakas 'A' yang berupa hadiah wang tunai \$500.00 bersama sijil penyertaan dan papan tanda pengiktirafan kemenangan pada majlis tersebut.

Sementara itu, Kampong Jaya Setia dan Jaya Bakti muncul sebagai naib johan menerima wang tunai \$300.00 serta sijil penyertaan diikuti oleh Kampong Lambak 'A' di tempat ketiga menerima wang tunai \$200.00 serta sijil penyertaan.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani menyampaikan hadiah kepada wakil pemenang Sayembara Kampung Harmoni Mukim Berakas 'A'. - Foto: Ramli Tengah.

SUKAN



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyerahkan derma untuk tabung kebajikan. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



MAHASIAGIAN para pemain Pasukan Brunei DPMM FC. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

TUDB juarai Kejohanan Hoki peringkat ABDB

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 25 Januari. - Pasukan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) berjaya menjuarai Kejohanan Hoki Peringkat ABDB (U) di Stadium Hoki Hassanal Bolkiah, di sini.

Pemenangan Pasukan TUDB itu hasil sumbangan jaringan Lans Usmeirman yang diperolehi di akhir perlawanan. Pasukan TUDB, Roy

Usmeirman yang telah menjaringkan sembilan gol pada keseluruhan perlawanan telah menerima tropi selaku penjaring terbanyak kejohanan, sementara Koperat Matus yang beraksi cemerlang mengemudikan barisan Pasukan TUDB juga terpilih sebagai pemain terbaik pusingan akhir.

Tetamu kehormat, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Sejumlah lima buah pasukan menyertai pertandingan yang diadakan secara sistem 'double knock out'.

Kejohanan itu dijadikan sebagai mengeratkan lagi hubungan warga tentera menerusi aktiviti bersukan, di samping dihasratkan sebagai landasan dalam mencukil pemain yang berpotensi untuk diserapkan bagi mewakili Pasukan Hoki ABDB pada kejohanan peringkat kebangsaan.



TETAMU kehormat, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi tropi kejuaraan kepada Pengurus Pasukan Tentera Udara Diraja Brunei. - Foto : Samle Haji Jait

AM Gunners 'B' munculkan juara Futsal Amal 2006

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN

bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 27 Januari. - Pasukan AM Gunners 'B' munculkan juara Futsal Amal 2006 bagi Tabung Kemanusiaan Mangsa Taufan Katrina dan Gempa Bumi Pakistan setelah menjinakkan Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan 1 - 0 di perlawanan akhir dalam kategori terbuka di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Manakala Pasukan Pusu

'A' munculkan johan dalam kategori peringkat umur 18 tahun ke bawah selepas menewaskan Pasukan Pusu FC yang berkesudahan 2 - 1.

Sementara Pasukan Star - 5 dan Al-Shahab masing-masing menduduki tempat ketiga dalam kategori terbuka dan 18 tahun ke bawah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut dan kemudiannya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Pemain ABDB, Pg. Shahrom munculkan sebagai pemain terbaik dalam kategori terbuka, manakala Ak. Aroqi Sufi dari Pusu FC terpilih di kategori 18 tahun ke bawah.

Hasil kutipan penyerahan perlawanan tersebut sebanyak \$2,900.00 telah disumbangkan kepada Tabung Kemanusiaan Mangsa Taufan Katrina dan Gempa Bumi Pakistan yang diserahkan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan tabung berkenaan.

Pasukan bola sepak kebangsaan di tangga ke-199 dalam senarai FIFA

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 26 Januari. - Kedudukan pasukan bola sepak Negara Brunei kini turun ke tangga 199 berbanding di tangga ke-192 dari 205 buah pasukan bola sepak seluruh dunia yang berdaftar dengan FIFA.

"Kejayaan terbaik skuad bola sepak kebangsaan ialah ketika Brunei berjaya menjuarai Piala Malaysia pada tahun 1999. Bagaimanapun ranking Brunei dalam ASEAN waktu ini ialah di tangga terbawah sekali," jelas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad di Majlis Muzakarah Dengan Pasukan Brunei DPMM FC di Kementerian berkenaan di sini.

Yang Berhormat menaruh keyakinan DPMM FC yang mempunyai ramai pemain berpotensi dan dilengkapi dengan jadual latihan yang sistematis akan dapat membantu kejayaan pasukan itu dalam penyertaan mereka pada kejohanan luar negara sekali gus menaikkan imej bola sepak tanah air.

Malah penyertaan kelab berkenaan mewakili negara dalam kancas Liga Perdana Malaysia adalah peluang terbaik mengembalikan memori kegemilangan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad.

ngan pasukan negara untuk meraih kembali gelaran.

Menurut Yang Berhormat, penonton tempatan masih merindukan suasana kemeriahan kebangkitan arena bola sepak negara bagaimanapun ia tergantung kepada sejauh mana pencapaian pasukan kita.

Keramaian penonton selalunya dikaitkan dengan prestasi, jika pasukan sering menang maka stadium akan penuh. Jika penonton penuh sudah pasti akan membantu menyuntik semangat pemain untuk terus mempamerkan persembahan yang lebih baik," jelas Yang Berhormat sambil menyeru agar semua pe-

main berusaha gigih untuk memikat kedatangan penonton dengan memenangi perlawanan.

Terdahulu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan melahirkan perasaan gembira melihat saingan yang diberikan oleh pasukan Brunei DPMM FC dalam Liga Perdana Malaysia pada perlawanan awal kejohanan bermula.

Beliau seterusnya mengingatkan jika pemain mahu berazam untuk meningkatkan prestasi dan cuba mahu melangkah lebih jauh, pasukan perlulah sedaya upaya untuk menampilkan aksi terbaik dengan tidak membuat kesilapan yang merugikan pasukan dan yang sangat penting ialah memenangi perlawanan.

Yang Berhormat juga berharap barisan penyerang akan mampu mengakhiri kemarau jaringan yang masih dibelenggu pasukan selepas mengharungi tujuh perlawanan yang lalu.

"Pemain perlu fokus sepenuhnya sepanjang perlawanan kerana ia amat penting untuk melaksanakan peranan di semua posisi, di samping mustahaknya mengawal diri dari melakukan kesilapan individu dan gagal mengawal emosi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga

menyarankan pasukan terus mengukuhkan kemandirian kerja berpasukan supaya dapat membentuk satu pasukan yang jitu dari setiap sudut, di samping menyeru agar setiap pemain perlu mempunyai disiplin yang tinggi.

"Disiplin dalam perlawanan juga sangat penting supaya dapat menghindarkan diri dari dibuang padang semasa perlawanan kerana gagal mengawal emosi dan disiplin. Ia sudah tentu akan merugikan pasukan sendiri," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menasihati agar pemain menjaga pemakanan, rehat yang mencukupi, tahap kecergasan yang tinggi dan tidak terjerumus dengan pengambiln dadah yang dilarang.

Pasukan DPMM FC akan melayani pasukan Johor di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 5 Februari depan. Pada perlawanan pusingan pertama, Brunei DPMM FC terikat 1 - 1 dengan pasukan Johor di Johor Bharu.

Hadir di majlis muzakarah ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat; Naib Presiden BAFA, Pengiran Haji Mohd. Yusoff dan Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Metussin.

KEJOHANAN SEPAK TAKRAW HARI KEBANGSAAN KE-22

PERSATUAN Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Antara Regu Kebangsaan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 Tahun.

Kejohanan berkenaan merupakan kerjasama di antara PESTABARU dengan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang ditaja oleh CIMB Islamic, Negara Brunei

Darussalam.

Kejohanan dibukakan kepada persatuan-persatuan belia/kebahagian, kelab-kelab, badan-badan sukan dan majlis-majlis sukan di seluruh negara.

Pasukan yang berminat bolehlah menghubungi Setiausaha Jawatankuasa Perlawanan, Awang Abu Bakar bin Kassim di Unit Jurulatih Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Borang juga boleh diperolehi dari semua cawa-

ngan-cawangan Jabatan Belia dan Sukan di daerah-daerah seluruh negara.

Setiap pasukan akan dikenakan bayaran penyerahan sebanyak \$20.00 setiap satu regu dan manakala tarikh tutup penyerahan ialah pada 9 Februari 2006 pada 2.30 petang.

Sementara itu, pihak penganjur memaklumkan cabutan undi akan dilangsungkan pada 12 Februari depan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Jeneral Generoso S Senga, Ketua Turus Tentera Filipina dan Puan Pilar Priscilla Senga, isteri Ketua Turus Tentera Republik Filipina di Istana Nurul Iman. - Foto : Harun Haji Rashid.



Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan terima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Jeneral Generoso S Senga, Ketua Turus Tentera Filipina yang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini.

Ketua Turus Tentera Filipina diiringi oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata

Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Puan Yang Terutama Virginia H Benavidez.

Di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah disembahkan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan

pertahanan dan perhubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengiran Dato Paduka Mashor.

Sementara itu di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Tentera Republik Filipina, Puan Pilar Priscilla Senga.

Di majlis itu Puan Pilar diiringi oleh isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Puan Pilar Priscilla berada di negara ini mengikuti rombongan suaminya, Ketua Turus Tentera Republik Filipina, yang dalam rangka lawatan ke negara-negara ASEAN.

Semasa berada di negara ini TYT dan isteri membuat lawatan ke beberapa tempat menari di ibu negara.

Kebawah DYMM berkenan kurnia Anugerah Tokoh Ugama, Bakti Hijrah

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn
DAN ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn

KIARONG, Isnin, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1427 Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, dekat ibu negara.

Keberangkatan tiba baginda di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama serta ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul 'Malik, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Anugerah Tokoh Ugama telah dianugerahkan kepada Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang

menerima hadiah sebanyak \$20,000.00, Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan-kemudahan perubatan percuma dalam Wad Kelas Satu di mana-mana hospital di Negara Brunei Darussalam.

Dua penerima Anugerah Bakti Hijrah dianugerahkan kepada Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Metassan dan Orang Kaya Seri Wijaya Haji Abdullah bin Pehin Datu Panglima Haji Abu Bakar.

Mereka menerima hadiah sebanyak \$10,000.00, Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan-kemudahan perubatan percuma dalam Wad Kelas Satu di mana-mana hospital di Negara Brunei Darussalam.

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah Peringkat Negara dimulakan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama rakyat baginda membaca Doa Akhir Tahun 1426 Hijrah yang dipimpin oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Dato Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Baginda bersama kerabat Diraja lain dan para jemaah seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti pembacaan Doa Awal Tahun Hijrah 1427 yang diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam,

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bagi memohon kepada Allah kebertahanan hidup di dunia dan akhirat sepanjang tahun.

Setelah itu, baginda bersama kerabat diraja lain dan para jemaah seterusnya menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon agar Negara Brunei Darussalam terhindar dari bala bencana dan beroleh kemakmuran dan kesejahteraan.

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah diteruskan dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran yang dibacakan oleh johan Musabiqah Tilawah Al-Quran Belia Peringkat Kebangsaan Tahun 1426 Hijrah/2006 Masehi, Awangku Mohd. Adibul Amin dan tafsirannya dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Mohd. Haslin.

Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1427 Hijrah dalam sembah alu-aluannya antara lain menjelaskan beberapa bengkel dan seminar aktiviti bagi guru-guru agama sempena kembalinya sekolah agama ke Kementerian berkenaan pada tahun ini.

Selepas permakluman Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah Tahun 1427 Hijrah dibacakan, Ke-

bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada ketiga-tiga penerima berkenaan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Kemudian, baginda bersama para jemaah juga menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama para penerima anugerah dan menerima junjung ziarah para jemaah.

Pembacaan Doa Akhir dan Awal Tahun Hijrah serta Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena kedatangan Awal Tahun Hijrah juga disemarakkan di semua masjid, surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Sambutan berkenaan akan terus dimeriahkan dengan majlis-majlis yang dikendalikan bagi peringkat Kementerian dan jabatan, disamping peringkat kampung dan persatuan. Tahun ini tema sambutan Tahun Hijrah 1427 ialah 'Menghayati Islam Dalam Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa'.

Pesuruhjaya Tinggi, Duta Besar diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri hari ini berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke negara-negara sahabat yang baru dilantik.

DYTM berkenan menerima mengadap TYT Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh dan Tuan Yang Terutama Awang Haji Sidek bin Ali, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao.

TYT Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dan TYT Awang Haji Sidek telah menjunjung surat watakah perantukan masing-masing ke hadapan majlis baginda pada 1 Januari lalu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh dan Tuan Yang Terutama Awang Haji Sidek bin Ali, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao. - Foto : Harun Haji Rashid.

Perlantikan, penetapan, pertukaran jawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan titah perintah bagi perlantikan, penetapan jawatan dan pertukaran bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof, Ketua Pendakwa Syarie dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri; Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid, Ketua Pengarah Pendidikan dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan ditetapkan sebagai Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan.

Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud, Pengarah Pendidikan Teknik dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian

Pendidikan ditetapkan sebagai Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan dan Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tarikh perlantikan, penetapan jawatan dan pertukaran bagi pegawai-pegawai tersebut berkuasa pada hari Rabu, 1 Muharam 1427 bersamaan Februari 2006.

SELAMAT TAHUN BARU HIJRAH

سلامت تاهون بارو هجره

دوریتکن اوله جیائن قترائن، جیائن فردان منتری دان دهیقت اوله جیائن فریختن کراچان، جیائن فردان منتری، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

PERTUKARAN KEPALA PANJI-PANJI SIMBOL PERUBAHAN DARI ERA LAMA KE ERA BARU

OLEH SAHARI AKIM sahari.akim@information.gov.bn
 DAN ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn

SAMBUTAN Hari Polis Ke-85 pada tahun ini membawa makna yang besar kepada seluruh warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), kerana ianya merupakan suatu peristiwa yang bakal mencatat sejarah dan menjadi ristaan sepanjang zaman di mana acara kemuncaknya ialah Upacara Penukaran Kepala Panji-panji yang baru bagi PDB.



MBAS KEMBALI ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Panji-panji kepada Pasukan Polis Diraja Brunei pada 14 Ogos 1971 semasa perarisan Ulang Tahun Ke-50 pasukan itu di Pusat Latihan Polis, Batu 6 Jalan Muara. - Sumber: The Borneo Bulletin, Sabtu, 21 Ogos 1971. Volume 19 No. 34. Kuala Belait: The Brunei Press. 1971: 1).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga selaku Inspektor Jeneral Polis berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Sempena Menyambut Hari Polis Ke-85 Tahun dan Penukaran Kepala Panji-panji PDB yang berlangsung di Padang Kawad Pusat Latihan Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Baginda berkenan mengurniakan Penukaran Kepala Panji-panji bagi PDB daripada yang lama kepada yang baru.

Kepala Panji-panji PDB yang baru ini berunsurkan lima makna iaitu :

PAYUNG yang terdapat di Kepala Panji-panji baru melambangkan Raja yang mengepalai kedaulatan negara;

LOGO POLIS pula melambangkan PDB di bawah naungan Raja;

ENAM BULAN DAN BINTANG melambangkan Rukun Iman mendukung kedaulatan Raja kepada rakyat yang beriman;

LIMA BERTINGKAT pula melambangkan Rukun Islam serta mendukung Melayu Islam Beraja (MIB); dan

BUNGA AIR MULEH melambangkan adat kebudayaan Melayu Brunei.



BENTUK Kepala Panji-panji Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang lama. - Sumber: Buku Program Majlis Santap Beradat Sempena Pertukaran Kepala Panji-panji PDB. (2006: 8).



BENTUK Kepala Panji-panji PDB yang baru. - Sumber: Buku Program Majlis Santap Beradat Sempena Pertukaran Kepala Panji-panji PDB (2006 : 10).

Kepala Panji-panji PDB yang ada sekarang telah digunakan sejak 14 Ogos 1971 telah diperbaharui untuk memperingati Sambutan Hari Polis Ke-85 Tahun.

Penukaran Kepala Panji-panji PDB merupakan simbolik kepada keperluan perubahan daripada era lama kepada era baru dan dengan penukaran itu nanti akan dapat menyuntik semangat dan nafas baru kepada PDB.

Di samping itu juga ianya simbolik ke arah memodenisasikan PDB termasuklah kelengkapan infrastruktur bangunan-bangunan pasukan, penggunaan sistem teknologi yang berkaitan, penambahan dan pembelian aset-aset operasi pasukan dan yang penting sekali peningkatan dan perkembangan tenaga manusia PDB itu sendiri.

Dengan tercatatnya peristiwa yang bersejarah itu adalah menjadi harapan PDB akan dapat menandai tanggungjawabnya sebagai sebuah pasukan keselamatan yang terus dinamik, profesional dan megah sesuai dengan tema Hari Polis pada tahun ini 'Meningkatkan Profesionalisme Perkhidmatan Untuk Kesejahteraan Masyarakat'.

Tema Hari Polis Ke-85 Tahun yang menjurus kepada peningkatan profesionalisme perkhidmatan bertujuan untuk mendorong semua anggota PPDB untuk terus berbakti kepada Raja, masyarakat dan negara kita yang tercinta ini dengan penuh komited, dedikasi dan profesional sesuai dengan aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam yang sentiasa menginginkan supaya setiap organisasi yang bernaung di

bawah jentera pentadbiran kerajaan baginda bersifat dinamik, proaktif dan profesional.




ROMBONGAN Panji-panji PDB semasa berbaris di Upacara Perbarisan Sempena Menyambut Hari Polis Ke-85 Tahun dan Penukaran Kepala Panji-panji PDB baru ini.

KEBAJIKAN RAKYAT DAN PENDUDUK SENTIASA DIKALINGA

OLEH SAHARI AKIM

sahari.akim@information.gov.bn



KEKAYAAN dan kemakmuran hanya akan dapat dirasakan jika rakyat dan penduduk sesebuah negara dapat menikmati kehidupan yang aman, sejahtera, harmoni dan selesa dari hasil-mahsul negara.

Ini akan tercapai dari pengagihan menyeluruh dan saksama kekayaan negara. Dalam erti kata yang luas termasuklah perolehan kadar pendapatan yang munasabah bagi pekerja sektor awam dan swasta serta masyarakat umum.

Selain dari itu penyediaan bantuan-bantuan kebajikan dan subsidi kepada rakyat dan penduduk di samping penyediaan prasarana dan kemudahan asas yang boleh dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat juga merupakan salah satu ciri utama.

Justeru kesejahteraan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini adalah atas sikap pemeduliaan dan usaha yang berterusan kerajaan dalam mengelilingi serta menjaga kebajikan rakyat dan penduduk.

Menyentuh kebajikan rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Kampong Rataie dan Kampong Labu Estate, Daerah Temburong pada 7 Februari 1991 antara lain bertitah:

"Beta perlu tegaskan di sini bahawa apa juga rancangan atau projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah semata-mata merupakan tanggungjawab yang perlu ditunaikan untuk memberikan kesenangan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk."

Kerajaan tidaklah mengharap apa-apa dari rakyat dalam perkara ini tetapi kerajaan tahu bahawa rakyat sangat-sangat bergantung dan berharap kepada kerajaan. Maka untuk memenuhi harapan rakyat itu, insya Allah kerajaan beta akan sentiasa berbuat apa sahaja dari masa ke semasa."

BERUNTUNG

Di negara ini, kesenangan dan kesejahteraan bukannya sekadar dinikmati oleh rakyat yang berkecayaan serta mempunyai mental dan fizikal yang sempurna sahaja. Orang-orang istimewa seperti cacat anggota, orang-orang tua, anak-anak yatim, janda, orang-orang yang tidak berkemampuan menyara hidup dan seumpamanya juga sama-sama dapat menikmatinya melalui bantuan kerajaan dan

kesesuaian yang diredai Allah Subhanahu Wataala.

YSHHB juga menghulurkan bantuan di bidang keagamaan (mengembangkan syiar Islam), kebajikan, pendidikan, pembangunan dan kewangan.

Kesimpulannya dasar itu berakar umbi iman dan Insan. Iman itu wadah, amal itu pemeduliaan dan insan itu pembentukan masyarakat dan keharmonian.

DANA

Dana Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim ditubuhkan bagi tujuan membantu anak-anak yatim mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan untuk menjadikan mereka warga negara yang berguna.

Dasar penubuhannya ialah berusaha membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu pengetahuan dan berkemahiran, berakhlak mulia selaras dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), yang taat setia kepada raja, agama dan negaranya.

Ia juga merupakan salah satu amal jariah untuk mempertingkatkan dan mewujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemeduliaan kepada anak-anak yatim.

BANTUAN KEBAJIKAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui agensi-agensi kerajaan terutama Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan pelbagai bantuan dan perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan.

Antaranya ialah Bantuan Kebajikan Bulanan, satu skim bagi membantu dan meredakan beban individu atau keluarga yang kurang berkemampuan serta kurang pengharapan. Bantuan diberikan mengikut keramaian ahli keluarga yang layak menerima iaitu \$200.00 bagi ketua keluarga; \$200.00 bagi isteri; \$65.00 bagi anak di bawah 18 tahun dan \$60.00 bagi elau persekolaan kanak-kanak yang berumur antara lima hingga 18 tahun.

Bantuan ini dihulurkan dalam tempoh yang tidak ditetapkan (bersifat sementara) sehingga penerima sudah berkemampuan.

PENCEN UMUR TUA

Pencen umur tua sebanyak \$200.00 diberikan kepada mereka yang memenuhi syarat iaitu berumur 60 tahun dan ke atas, bermastautin/menetap di negara ini tidak kurang 10 tahun (bagi yang lahir di NBD) dan tidak kurang 30 tahun (bagi yang lahir di luar NBD) dan tidak pernah meninggalkan negara ini melebihi tiga bulan berturut-turut.

Pencen tua akan diberikan ketika apabila penerima meninggal dunia; meninggalkan negara ini melebihi dari tiga bulan secara berturut-turut; memberikan keterangan palsu; didapati bersalah oleh mahkamah dan dipenjara.

PENCEN BUTA/ELAUN PESAKIT OTAK (GILA)/ELAUN PESAKIT HANSEN (KUSTA)/PENCEN TIDAK UPAYA

Pencen dan elau di atas diberikan kepada penerima yang layak iaitu berumur 15 tahun dan ke atas, tidak mempunyai pekerjaan atau pendapatan tetap, bermastautin dan menetap di negara ini tidak kurang 10 tahun serta mendapat pengesahan dari Pegawai Perubatan Kerajaan.

Jumlah bantuan bulanan sebanyak \$200.00 diberikan kepada pemohon; \$150.00 kepada isteri; \$150.00 kepada anak 15 tahun dan ke atas dan \$90.00 kepada anak 15 tahun ke bawah.

Pencen/elau di atas akan diberikan ketika apabila penerima meninggal dunia; meninggalkan negara ini melebihi tiga bulan secara berturut-turut; memberikan keterangan palsu; didapati bersalah oleh mahkamah dan dipenjara; Didapati mempunyai pekerjaan/pendapatan tetap; didapati sembuh daripada penyakit, tanggungannya telah berakhir/bekerja.

Bentuk bantuan sama ada dari kutipan Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan, Tabung Orang-orang Cacat dan Tabung Orang-orang Buta, menyediakan tenaga sukarela dan menghubungi pihak tertentu bagi mendapatkan bantuan yang sewajarnya.

BANTUAN BENCANA ALAM

Perkhidmatan ini ber-

tanggungjawab dalam memberikan bantuan sementara dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan kepada mangsa-mangsa bencana alam seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh, air merah, angin dan sebagainya.

Bentuk perlindungan sementara akan diberikan kepada mangsa seperti tempat tinggal, barang makan untuk waktu tertentu, pakaian termasuk selimut dan sebagainya.

Sebagai susulan, pegawai-pegawai akan membuat laporan yang lengkap dan sokongan termasuklah bantuan derma dari kerajaan, bantuan derma dari Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan, sokongan untuk mendapatkan peruntukan rumah kerajaan (jika mangsa berhak), sokongan untuk mendapatkan Tanah Tumpang Sementara (T.O.L.), sokongan untuk mendapatkan Skim Rancangan Perpindahan Negara dan bantuan untuk membina atau membaiki rumah mangsa yang terlibat.

TABUNG-TABUNG AMAL

Perkhidmatan ini mengendalikan dan menguruskan empat tabung amal. Tabung-tabung ini menerima hasil dari derma orang ramai, aktiviti-aktiviti amal yang dianjurkan oleh kumpulan persendirian dan persatuan-persatuan.

Tabung Bantuan Kebajikan Masyarakat: Selalunya digunakan untuk bantuan serta-merta seperti membeli barang-barang binaan untuk rumah dan sebagainya.

Tabung Orang-orang Buta: Hanya dihulurkan untuk memberi bantuan memberikan Skim Pinjaman bagi projek-projek untuk orang-orang buta sahaja.

Tabung Orang-orang Cacat: Diperuntukkan dalam memberi bantuan kepada orang-orang cacat dan menolong mereka dalam skim projek-projek yang mudah.

Tabung Anak-anak Yatim: Memberikan bantuan kewangan kepada anak-anak yatim sahaja. Sementara itu Jabatan Pembangunan Masyarakat juga mengadakan aktiviti-aktiviti lain seperti pertunjukan filem amal, jualan amal, jualan hasil kerja tangan orang-orang

cacat, menyewakan bas dan lain-lain aktiviti yang berkaitan.

PENEMPATAN KERJA

Permohonan bagi menyambung perkhidmatan bergaji hari bagi mereka yang mencapai umur 65 tahun ke atas hendaklah memenuhi syarat-syarat tertentu dan melalui proses di jabatan-jabatan yang berkenaan sebelum dapat dipertimbangkan.

Permohonan Pekerjaan Bagi Balu, Janda, Orang Cacat, Bekas Banduan dan Pesalah Belia: Penyiasatan berhubung dengan latar belakang pemohon akan dilakukan oleh jabatan ini bagi membuat satu laporan lengkap. Bagi mereka yang terdiri dari golongan yang susah seperti balu, janda, orang cacat, bekas banduan, dan bekas tahanan politik, permohonan pekerjaan mereka akan dipanjangkan ke Jabatan Buruh untuk dihadapkan ke jabatan-jabatan tertentu.

PEMULIHAN AKHLAK

Rumah Pemulihan Kanak-kanak Nakal di Kampong Pulaie ditubuhkan bagi maksud Undang-Undang Criminal Procedure Code (Cap 7) Youth Offenders (Places of Detentions Rules 1968).

Rumah Perlindungan Perempuan dan Gadis (Taman Noorhidayah) seperti maksud Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis 1972.

Asuhan dan Bimbingan (Probation and Aftercare): Unit ini melaksanakan tugas-tugas penyiasatan sosial ke atas latar belakang pesalah-pesalah remaja; persediaan pra laporan untuk kegunaan mahkamah pesalah-pesalah remaja di dalam menjatuhkan hukuman mahkamah pesalah-pesalah yang sabit kesalahan mereka; rawatan pemulihan dan pengawasan akhlak pesalah-pesalah remaja yang telah dijatuhkan dengan hukuman asuhan dan mahkamah.

Selain itu unit ini juga memberikan perkhidmatan secara sukarela terhadap kes-kes yang dihadapi oleh jabatan-jabatan kerajaan seperti Kementerian

Pendidikan, Polis Diraja Brunei dan para ibu bapa yang menghadapi masalah di dalam mengendalikan anak-anak remaja mereka yang nakal dan degil.

PERKHIDMATAN ORANG CACAT

Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat (Pusat Bahagia) disediakan di empat-empat daerah.

Pusat Latihan Pekerjaan Orang-orang cacat: Ditubuhkan untuk memberi peluang kepada orang yang mempunyai darjah kecacatan yang sederhana bagi menjalani latihan dan pemulihan untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan apabila mereka tamat latihan sama ada bekerja di syarikat swasta, jabatan-jabatan kerajaan, bekerja sendiri sebagai 'home workers' ataupun di bengkel tertutup yang dikendalikan oleh jabatan.

Selain Lanjutan (Aftercare Service): Diberikan kepada mereka yang telah menamatkan latihan di Pusat Latihan Pekerjaan Orang-orang Cacat, sama ada mereka bekerja di syarikat-syarikat swasta, jabatan kerajaan atau bekerja sendiri sebagai 'home workers'.

Pemulihan Dalam Komuniti: Mereka yang tidak dapat menjalani latihan di pusat latihan pekerjaan atau mengikuti kelas-kelas bimbingan akan menerima bantuan dari pengajar-pengajar yang memberikan bimbingan dan latihan di rumah masing-masing. Ia juga bertujuan menunjuk ajar para penjaga dan keluarga untuk mengambil alih tugas memberikan pengajaran kepada kanak-kanak atau orang cacat tersebut.

Betapa banyaknya bantuan yang kita terima. Maka selain mensyukuri nikmat kita hendaklah sentiasa menumpukan kesetiaan, memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada usaha-usaha dan program pembangunan kerajaan demi kesejahteraan bersama.



KESELAMATAN di tempat kerja sering kali diabaikan. Mengabaikan faktor-faktor keselamatan setentunya akan mengundang bahaya dan risiko yang tinggi. Langkah-langkah dan ciri-ciri keselamatan hendaklah diutamakan setiap masa dalam bekerja lebih-lebih lagi di tempat-tempat pembinaan.

Tetapi apa yang didapati masih banyak lagi ciri-ciri keselamatan tidak diindahkan. Sebagai contoh dalam gambar kelihatan para pekerja tidak memakai helmet dan 'safety boot' yang sepatutnya dipakai dalam menjalankan kerja harian.

Para majikan dan kontraktor hendaklah peka dan mengambil perhatian berat terhadap perkara ini. Sentiasalah utamakan keselamatan.



TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
(Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan)
Bahagian II

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Membaharui Kad Wakil Penjual atau pendaftar kenderaan yang berurusan ke JPD	3 hari
2.	Tawaran tertutup, (closed tender) bilangan pendaftaran baru: Bermula selepas tarikh iklan tertutup	30 hari
3.	Maklumat yang dipinta oleh Polis, Peguambela/Pendakwaraya Mahkamah dan agensi-agensi insurans	14 hari

وقت سمبهيڻ، امساڪ، شوروق دان، ضحى									
وقت ۲ سمبهيڻ، امساڪ، شوروق دان ضحى ٻاڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 2 محرم، 1427 برسمان دغن 1 فيبروري، 2006 هيٺ ڪهاري ثلاث، 8 محرم، 1427 برسمان دغن 7 فيبروري، 2006 اداله سقرت دباوه اين:-									
مجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساڪ	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
محرم									فيبروري
2	12.35	3.57	6.32	7.44	5.06	5.16	6.36	7.00	1
3	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	2
4	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	3
5	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	4
6	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	5
7	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	6
8	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	7

Jelaslah bahawa kematian adalah satu ketentuan kepada semua makhluk di dunia ini. Oleh itu persiapkanlah diri kita dengan mengabdikan seluruh jiwa dan raga, hidup dan mati kerana Allah Subhanahu Wataala dan sentiasa meningkatkan amal salih dengan keikhlasan serta bersungguh-sungguh kerana Allah Subhanahu Wataala. Sentiasa mengingati mati dengan bertaubat dan memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wataala agar kita tergolong di antara orang yang diberi syafaat oleh Allah Subhanahu Wataala di akhirat nanti.

ANTARA PELAJAR YANG BAIK DAN YANG NAKAL

PERBUATAN lepak, tiada iltizam, sikap tak apa, malas, tidak bersungguh-sungguh untuk belajar, bekerja atau bermain, malahan banyak lagi nilai negatif yang disenaraikan sebagai sifat diri generasi muda masa kini. Dalam suasana berkenaan, fenomena kenakalan anak di sekolah digolongkan sebagai sifat jahat dan dikaitkan secara 'menumpuk' sebagai unsur gengsterisme. Demikian juga tindakan protes pelajar yang tidak puas hati terhadap guru atau pentadbiran sekolah langsung dianggap sebagai perbuatan khianat. Inilah sebahagian daripada sudut pandangan tatanilai yang memerlukan pengamatan semula oleh kita dan semua pihak yang berkenaan.

Semua pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan faham bahawa selia, pelajar atau lepasan sekolah sedang melalui proses penyemaian nilai atau baru sahaja melalui proses berkenaan. Adalah tidak mungkin berlaku konflik nilai semasa mereka di sekolah atau di rumah? Jika kemungkinan ini diandaikan berlaku dalam proses penghayatan dan penyesuaian nilai murni di persekitaran golongan muda ini, maka kita dan pihak yang berkenaan wajar mendelegasikan dan menangani permasalahan berkenaan dengan langkah yang pelbagai atau multidimensi.

Dimensi yang jarang-jarang diperkatakan ialah nilai guru dan pentadbiran kejuruan. Sememangnya negara kita memang berpegang dengan tahap mutu kejuruan yang dimiliki oleh guru di negara ini. Namun aspek lain dalam hal ini ialah pentadbiran kejuruan itu sendiri. Dalam hal ini, persoalan yang berkaitan dengan kebajikan guru, contohnya, tidaklah boleh dianggap sebagai persoalan sampingan dan diatasi secara begitu sahaja kerana perkara yang berkaitan kebajikan menyentuh emosi dan tahap penghayatan guru terhadap profesion mereka.

Perkara yang berkaitan dengan kebajikan sepatutnya dilihat daripada pelbagai sudut pandangan yang akhirnya menyebabkan perkara-perkara itu tidak lagi dilihat sebagai kebajikan. Antara perkara yang sepatutnya digolongkan ke dalam golongan berke-

naan termasuklah kemudahan telefon, keselesaan bilik guru dan tuntutan perbelanjaan. Inilah antara perkara kebajikan yang sering diketepikan oleh guru sendiri kerana mereka tidak mementingkan semua perkara itu. Benarlah mereka mementingkan pelajar yang jumlahnya ratusan atau ribuan. Oleh sebab itu, hal-hal lain juga sering diketepikan. Namun pada masa yang sama mereka juga insan yang memerlukan perhatian, seperti mereka memberi perhatian kepada pelajar. Mereka 'memantuni pelajar'. Sebaliknya siapa yang 'memantuni' mereka?

Perkara ini merupakan persoalan nilai dan pengukuhan nilai. Malahan ia juga adalah proses pembudayaan. Contohnya, seorang guru akan tersentuh emosinya kerana tuntutan membeli buku rujukan penting untuk pengajaran di sekolah sukar dilakukan. Dalam situasi ini, bagaimana nakah guru akan berinteraksi dengan lebih kurang 35 orang pelajar dalam sesebuah kelas yang terdiri daripada lima hingga lapan kelas di sesebuah sekolah? Di sinilah nilai kasih sayang, tolak ansur dan timbang rasa disemai ke dalam diri pelajar. Nilai inilah juga yang terpaksa diadun oleh guru dengan peristiwa yang baru sahaja dihadapinya tadi (seperti contoh di atas). Hakikat keadaan nilai yang sebenar ini berbaur antara harapan dengan kenyataan atau khayalan. Insiden yang berlaku itu bukan setakat perkara tuntutan pembe-

lian buku, malahan mungkin serangan ibu bapa terhadap guru berkenaan kerana sesuatu tindakan terhadap pelajar.

Sehubungan dengan beban kerja yang sedia ada, guru pula perlu merancang dan menyiapkan nota dan persediaan mengajar, malahan menaip sendiri kertas soalan ujian bulanan, ujian penggal atau semester dan seterusnya memperbanyakannya untuk kegunaan pelajar di dalam kelas. Di celah-celah tugas rutin ini, guru berperanan sebagai ejen pembinaan dan penghayatan nilai murni dalam kalangan masyarakat pelajar. Dalam keadaan begini, bagaimana mungkin sesuatu nilai dapat dihayati dan dikukuhkan? Jika tidak dapat dikukuhkan, proses pembudayaan yang betul akan terbantut.

Banyak pihak kini menuding jari menuduh ke arah pihak yang tertentu terhadap masalah sosial remaja pelajar masa kini. Pendekatan dan penyesuaian dalam kurikulum pendidikan Islam telah dilakukan untuk menjawab pelbagai masalah yang timbul. Namun persoalan generasi pewaris masa akan datang masih tidak sunyi daripada topik perbincangan serius oleh pelbagai pihak, malahan fenomena hidup mereka dipaparkan dan digambarkan seolah-olah merekah yang 'menjuarai' kemungkaran sosial masa kini. Sejauh mana akan kebenaran penghayatan sedemikian? Jika benar demikian, yang menjadi puncanya ialah salah laku

Hakikat bahawa pelajar bukan setakat menerima pelajaran yang diajarkan oleh guru, tetapi pada masa yang sama, mereka menerima cernaan nilai yang terserap melalui interaksi mereka



OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM

dayang.kasim@information.gov.bn

generasi yang lebih dahulu kerana bapa borek anak rintik, guru kencing berdiri murid kencing berlari.

Apabila pentadbiran kejuruan dipilih untuk dilihat sebagai faktor penting dalam permasalahan ini, hal ini tidak bermaksud untuk memperkecil peranan ibu bapa dan hal-hal lain. Tetapi aspek yang lain telah banyak dipersoalkan dan diperkatakan. Yang kurang diperkatakan dan dilihat sebagai penting ialah aspek ibu bapa yang kedua bagi pelajar ialah guru. Sebagai insan selepas ibu bapa, guru berperanan penting dalam hidup insaniah seorang anak. Tidak kira taraf hidupnya, guru tetap menjadi insan penting bagi seseorang. Di sinilah letaknya guru sebagai ejen pembudayaan dalam hidup seseorang. Kesan komunikasi pelajar dengan gurunya akan membentuk nilai yang akan menjadi pegangan hidup bagi dirinya yang akan menjadi budaya hidupnya.

Dalam keadaan demikian, nilai murni yang berupa hormat-menghormati, tolak ansur, kasih sayang, tolong menolong dan bermaaf-maafan yang sedia tertanam dan diamalkan akan dipersempit dan lahirlah tindakan mereka yang sebelum ini hanya dilihat sebagai nilai buruk yang tidak patut dilakukan oleh insan yang menjadi insan.

dengan guru di sekolah dan di luar sekolah. Oleh yang demikian, dalam hal ini mengapa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran kejuruan tidak dilihat sebagai titik fokus dalam perbincangan tentang persoalan emosi guru yang mungkin tersinggung kerana kemungkinan kepincangan dalam hal ini? Ahli Psikologi mengatakan bahawa gangguan emosi boleh menyebabkan seseorang membuat pertimbangan yang salah terhadap sesuatu. Dari situasi ini, guru mungkin membuat kesilapan dalam mentafsirkan perlakuan pelajarnya yang nakal yang terus dianggap jahat. Antara jahat dengan nakal ada garis pemisahannya. Nilainya juga berlainan. Salah tafsiran akan menyebabkan salah tindakan dan akhirnya menyebabkan pelajar bertindak liar.

Dalam keadaan demikian, nilai murni yang berupa hormat-menghormati, tolak ansur, kasih sayang, tolong menolong dan bermaaf-maafan yang sedia tertanam dan diamalkan akan dipersempit dan lahirlah tindakan mereka yang sebelum ini hanya dilihat sebagai nilai buruk yang tidak patut dilakukan oleh insan yang menjadi insan.

BICARA IT SEKILAS INFO ICT

OLEH SAHARI AKIM

sahari.akim@information.gov.bn

RUANG AN Memory) dan RAM Bicara IT kali ini akan memuatkan sekilas info mengenai komputer dan peralatan IT. Info ini diharapkan akan dapat memberikan maklumat berguna kepada para pengguna ICT.

KOMPUTER MEROSAKKAN MATA?

Menggunakan komputer dalam jangka masa yang lama boleh menyebabkan tekanan pada mata kerana terlalu lama memandang skrin monitor. Bagaimanapun kesan itu boleh dikurangkan jika anda menggunakan komputer dengan bijak.

Pertama, anda seharusnya menggunakan komputer dalam bilik bercahaya terang. Anda juga perlu membiarkan mata anda berehat setiap 15 minit ketika menggunakan komputer seperti melihat ke luar jendela seketika.

Dari segi ergonomatik pula untuk mengelakkan keletihan dan kesan buruk kepada kesihatan, mata anda harus berada satu paras dengan monitor.

Kaki pula berada separas dengan lantai dan siku tangan anda perlu sama paras dengan papan kekunci untuk mengelakkan lenguh dan kekejangan lutut.

BAGAIMANA KOMPUTER MENYIMPAN DATA?

Tiga komponen penting bagi menyimpan maklumat dalam komputer adalah cakera, ROM (Read Only

Cakera keras (hard disk) merupakan tempat penyimpanan utama dalam komputer. Ia mempunyai beberapa cakera magnetik keras yang menyimpan maklumat dalam bentuk bit.

Komputer juga mengandungi ROM dan RAM. ROM merupakan memori yang tidak dapat diubah dan menyimpan maklumat kekal yang sama dengan memori jangka panjang. Ia kebiasaannya menyimpan arahan asas untuk menghidupkan komputer anda.

RAM menyimpan maklumat sementara yang sama dengan memori jangka pendek dan ia digunakan apabila anda membuka aplikasi atau perisian di komputer.

PERSAMAAN KOMPUTER DAN KALKULATOR

Mesin mengira (kalkulator) dan komputer banyak persamaan, malah mesin mengira boleh dikatakan sebagai komputer ringkas. Keduanya menggunakan mikropemproses bagi operasi menambah, menolak, membahagi dan mendarab nombor dengan cepat.

Komputer juga melakukannya dengan cara yang sama seperti mesin pengira. Apabila anda bermain dengan permainan komputer, mikropemproses di dalam komputer melakukan beribu-ribu pengiraan sesaat dan menukarkan pengiraan berkenaan dalam bentuk gambar.

Di awal teknologi komputer, mesin pengiraan dan komputer pada dasarnya adalah barangan yang sama.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Luangkan masa untuk membaca bersama anak-anak, keluarga

MEMBACA merupakan suatu budaya yang harus ada pada diri setiap individu. Ia haruslah disemai sedari awal lagi terutamanya dalam sesebuah keluarga supaya terus berkembang dan dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Sebagai teraju utama keluarga ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik dan menyemai budaya ini kepada ahli keluarga terutamanya anak-anak yang masih kecil supaya mereka menyintai buku dan sentiasa mengamalkannya sehingga dewasa.

Ibu bapa hendaklah menunjukkan sikap rajin membaca depan anak-anak. Ini adalah cara yang paling halus untuk membawa anak-anak minat dalam membaca. Jika sifat yang positif ini berterusan akhirnya sedikit demi sedikit minat membaca akan tumbuh dan tersemai

dalam diri anak-anak serta mulai mengikut apa yang dilakukan. Bak kata pepatah, bapa borek anak rintik. Janglah nanti kerana hendak menyemai budaya ini dalam diri anak-anak, mereka dipaksa untuk membaca dan akan dipukul kerana tidak mahu mengikut cakap. Ini bukanlah cara yang baik malah sebaliknya anak-anak akan merasa benci terhadap budaya membaca.

Ibu bapa hendaklah juga meluahkan masa membaca bersama anak-anak dan membawa mereka ke perpustakaan selepas waktu sekolah mahupun pada waktu cuti penggal persekolahan, terutama bagi kanak-kanak yang masih belum lagi bersekolah. Dalam peringkat inilah budaya membaca harus dipupuk dan ditanam dalam diri mereka supaya minat membaca akan bertambah setelah mereka di

alam persekolahan. Jika budaya ini disemai sejak awal lagi anak-anak akan sendirinya terbiasa dan sehati dengan budaya ini setelah mereka dewasa nanti, bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Selain itu sesebuah keluarga digalakkan menyediakan ruang khas untuk membaca supaya bacaan seseorang ahli keluarga itu tidak akan terganggu dan terhenti, kerana jika bacaan seseorang itu terganggu mungkin dia akan merasa bosan dan malas untuk meneruskan bacaannya. Perkara seperti ini seharusnya dielakkan kerana dikhuatiri minat membaca akan hilang begitu sahaja. Ruang membaca akan dapat membantu seseorang itu menghabiskan bacaan tanpa sebarang gangguan.

Ahli keluarga yang lain juga hendaklah memberikan

sokongan dan dorongan terhadap budaya ini terus meningkat dan dapat berkembang dalam sesebuah keluarga dengan menyediakan bahan bacaan yang banyak sama ada yang berbahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris akan dapat meningkatkan lagi semangat dan mutu pembacaan seseorang.

Bahan bacaan yang berhubung kisah-kisah Nabi dan para sahabat adalah lebih baik bagi bacaan ahli keluarga yang masih kecil dan juga yang semakin meningkat remaja, supaya mereka akan menjadikan kisah-kisah itu sebagai teladan dan panduan dalam hidup mereka.

Budaya membaca hendaklah disemai dan dipupuk sedari awal lagi supaya akan dapat dijadikan sebagai sebahagian amalan dalam kehidupan seharian, kerana hasil melalui bacaan tersebut akan dapat meningkatkan daya pemikiran dan menambahkan lagi ilmu pengetahuan.

Siti Maharaini binti Haji Abdullah,
No. 10, Simpang 342-22-24,
STKRJ Kampong Tungku,
BE 2119.
No. k/p: 00-305861

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Pengurusan Kewangan Secara Bijak Penting Dalam Sesebuah Keluarga'. Tarikh tutup 8 Februari 2006.

2. 'Menghormati Orang Tua Amalan Mulia'. Tarikh tutup 15 Februari 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunet.bn

Galakkan anak-anak jadi ahli perpustakaan awam

MEMBACA merupakan tabiat yang sangat baik dan dituntut dalam agama Islam kerana ia memberikan banyak faedah kepada individu yang sering mengamalkannya. Melalui membaca individu dapat menimba ilmu pengetahuan dengan banyak dan dapat menambahkan pengetahuan yang sedia ada. Di dalam agama Islam, galakan membaca dapat dilihat pada wahyu yang pertama diturunkan kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam Surah Al-Alaqa ayat 1 hingga 5 tafsirnya:

"Bacalah (wahi Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuksu darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Yang Amat Pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."

Ayat di atas menunjukkan membaca adalah salah satu aset yang sangat penting di dalam kehidupan manusia. Oleh sebab itulah kita harus menanamkan tabiat suka membaca kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat umum. Tabiat membaca ini akan menjadi mudah sekiranya diajar dan dididik dari semanjak masih kecil lagi, bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'. Ibu bapalah yang berperanan mengajarkan dan mendidik anak-anak mereka agar gemar membaca buku ketika berada di rumah dan mewujudkan persekitaran yang aman dan sesuai untuk membaca.

Alangkah lebih baik jika sekiranya ibu bapa mampu menyediakan sebuah perpustakaan di rumah membolehkan anak-anak mereka dapat mengambil dan membacanya dengan mudah. Jika ada perpustakaan di rumah, ibu bapa mestilah mengklasifikasikan bahan-bahan bacaan mengikut kategori anak-anak mereka, kerana bahan bacaan yang ada tidak semestinya sesuai untuk kesemua peringkat umur.

Bukan itu sahaja, perkembangan otak dan minda anak-anak juga berbeza dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain. Disebabkan itulah ibu bapa wajar memilih sekali gus menapis bahan-bahan bacaan yang tidak sesuai yang akan dimuatkan dalam perpustakaan di rumah mereka.

Jika sekiranya ibu bapa tidak mampu untuk menyediakan kemudahan perpustakaan di rumah mungkin disebabkan kos perbelanjaan yang terlalu tinggi, ibu bapa bolehlah mencari inisiatif yang lain seperti menggalakkan anak-anak untuk menjadi ahli perpustakaan di sekolah-sekolah mereka ataupun di jabatan-jabatan kerajaan. Di negara kita sendiri, pihak kerajaan telah mengukuhkan pelbagai kemudahan infrastruktur demi kebaikan rakyatnya seperti menyediakan perpustakaan di sekolah-sekolah, perpustakaan bergerak, penubuhan dan pembinaan beberapa buah perpustakaan yang baru seperti penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Muara dan banyak lagi.

Ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan sememangnya amat prihatin akan kepentingan rakyatnya terutama sekali dari segi bidang keilmuan. Tambahan lagi kerajaan juga ingin merealisasikan sebuah perpustakaan Islam di negara ini. Perkara ini ada ditekankan di dalam petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pelancaran Ekspo Islam Antarabangsa Pertama pada 18 Ogos 2001 yang mana antara lainya:

"Beta berhasrat supaya ditubuhkan sebuah perpustakaan Islam yang mempunyai agenda ilmu yang meliputi tiga program utama: Satu untuk mengumpul secara sistematik segala ilmu dan maklumat Islam yang meliputi semua mazhab dan di dalam apa saja bahasa. Kedua, untuk mengembangkan dan yang ketiga untuk menyebarkan sekali."

Budaya membaca itu perlu lah disemai dan ditanamkan di dalam setiap individu kerana ianya banyak mendatangkan pelbagai faedah kepada individu yang mengamalkan budaya membaca ini. Budaya membaca ini mestilah dimulakan dari rumah lagi kerana pendidikan pertama anak-anak adalah bermula dari rumah. Ibu bapa mereka pula adalah guru yang pertama dalam kehidupan mereka di dunia ini. Apabila anak-anak ini sudah biasa dengan tabiat membaca, sudah sentunyalah anak-anak ini akan terus mengamalkan sifat membaca sekali gus dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan mereka. Membaca asas ketamaduan bangsa.

Abdul Muin bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867,
Kampung Serdang, Jalan Kota Batu, BD 2117.
No. k/p: 00-291429

Ibu bapa berperanan tingkatan budaya membaca dalam keluarga

TERBENTUKNYA masyarakat dinamik, progresif dan berkeadilan tinggi adalah berdasarkan kepada wujudnya sikap gemar membaca di kalangan masyarakat itu sendiri. Kenyataan ini terbukti kesahihannya kerana kebanyakan masyarakat di dunia ini yang berjaya adalah kalangan mereka yang gemar mengamalkan budaya membaca. Membaca bukan sahaja dapat menambah dan meluaskan ilmu pengetahuan seseorang malah akan menjadikan mudah berfikir, tindak-tanduk yang selalu tepat disebabkan input/resapan pengetahuan sentiasa terkini yang menyebabkan mampu berdaya saing dalam arena masyarakat global.

Selain itu, bukti yang paling nyata dan praktik sekali ialah menerusi ajaran Islam yang paling awal seperti dalam firman Allah Subhanahu Wataala melalui Surah Al-Alaqa dari ayat 1 hingga 5 yang tafsirnya:

"Bacalah (wahi Muhammad) dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal

MEMBACA ialah pintu dan jambatan rahsia yang akan membawa manusia ke alam ajaib ilmu pengetahuan yang bermacam-macam. Bahkan kegemaran membaca itu sendiri adalah menjadi suatu tanda yang nyata dari sikap kecintaan terhadap ilmu pengetahuan. Semakin banyak atau luas pembacaan seseorang itu maka semakin luas dan mendalamlah ilmu pengetahuannya serta pandangan hidupnya. Bahkan semakin sihat dan cerdas pula akal fikiran. Otak manusia akan menjadi semakin sihat dan subur jika diisi dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang mana sumbernya yang utama ialah melalui buku-buku. Orang yang banyak ilmu pengetahuannya selalu luas pandangannya dan lebih cekap dalam menyelesaikan pelbagai masalah dan tidak syak lagi, orang yang tinggi ilmu pengetahuannya akan lebih mudah mendapat pekerjaan mahupun pengiktirafan.

Bagi menyemai budaya membaca dalam institusi keluarga, para ibu bapa boleh melakukan pelbagai usaha bagi menimbulkkan minat suka membaca di kalangan anak-anak dengan harapan agar mereka nanti dapat mengamalkan sikap rajin membaca seumur hidup. Amalan suka membaca sebaik-baiknya haruslah disemai sejak anak-anak kita masih kecil lagi. Bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'. Sesungguhnya sikap suka membaca akan menjadi sehati dalam jiwa anak-anak seandainya sikap itu telah ditanam dan ditanam sejak kecil lagi.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat yang penting ini antara jalan atau langkah yang berkesan yang patut dilakukan oleh para ibu bapa ialah dengan mengamalkan contoh teladan yang baik terlebih dahulu. Tidak dapat dinafikan, contoh teladan yang terpuji dari ibu bapa dapat mempengaruhi jiwa dan minda anak-anak. Sikap gemar membaca surat khabar, majalah, buku dan sebagainya patulah diamalkan oleh ibu bapa dalam mengisi masa lapang.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Budaya Membaca Hendaklah Dipupuk Sedari Awal'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah yang mengajar (manusia) melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya."

Jelas dalil ini menggalakkan kita untuk membaca dan menulis kerana kedua-duanya merupakan kunci ilmu pengetahuan supaya dapat mengetahui apa-apa yang belum diketahui.

Memandangkan begitu pentingnya amalan budaya membaca yang secara khususnya dapat dikatakan sebagai salah satu syarat utama dalam mengharung kehidupan. Jadi kita harus berusaha untuk memberi kesedaran kepada kalangan keluarga kita masing-masing terhadap pentingnya perkara ini.

Sebagai suatu pendekatan yang utama ke arah menyemai dan meningkatkan budaya membaca dalam keluarga, peranan ibu bapa sangat penting kerana sejak dilahirkan anak-anak akan mudah dipengaruhi oleh pelbagai unsur tidak kira yang bersifat positif atau negatif. Tidak hairanlah kalau seorang anak itu akan mengikut

teladan orang tuanya. Bak kata pepatah 'bagaimana anak, begitu lah kubiunya'. Jadi inilah masanya untuk menanam dan memupuk sikap suka membaca di kalangan anak-anak dengan melibatkan diri ibu bapa sendiri melakukan dan menunjukkan minat sebenar serta penuh terhadap membaca, di samping peruntukan bahan-bahan yang sesuai dan menarik untuk anak-anak bagi yang belum bersekolah kerana memperlihatkan buku bergambar boleh menarik hati dan secara tidak langsung membacakan. Sediakan ruang yang sesuai tempat untuk membaca.

Namun usaha yang menyemai dan meningkatkan budaya membaca belum selesai setakat itu. Beberapa langkah perlu diambil untuk terus mendorong mereka mengemukakan minat terhadap membaca seperti menggalakkan mereka menjadi ahli kepada perpustakaan/kutub khanah yang banyak disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan percuma. Pimpin dan bawalah mereka secara berjadual ke tempat ini. Sebagai ibu bapa kita perlu sedar bahawa langkah yang paling mudah untuk menanamkan

minat membaca adalah mendidik dan membiasakan anak-anak sejak kecil lagi, peribahasa Melayu ada menyebut 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'.

Namun begitu anak-anak muda kita acap kali didapati mudah berasa bosan dan mempunyai tanggapan negatif terhadap bahan bacaan disebabkan kurangnya galakan untuk membaca melalui ibu bapa dan ahli keluarga. Jika ini berlaku sudah tentu usaha membentuk dan meningkatkan budaya membaca dalam keluarga akan gagal. Oleh itu dalam menyemai sikap gemar membaca di kalangan anak-anak perlulah ditanamkan dengan rasa keyakinan terhadap bacaan. Galakan, pujian dan pengukuh merupakan cara-cara positif bagi mengemukakan sikap tersebut. Adakan sekali-sekala muzakarah/perbincangan kalangan ahli keluarga untuk menceritakan, menghurai atau menyarankan sesuatu bahan yang dibaca dengan sendirinya masing-masing akan giat mencari bahan melalui bacaan untuk dicakapkan.

Jelaslah bahawa sikap membaca seseorang itu banyak bergan-

bacaan yang sesuai.

Dalam hal ini pihak sekolah atau pun pihak yang tertentu tidak ketinggalan juga semestinya mengorak langkah dalam memupuk minat membaca ini. Mereka boleh menganjurkan Peraduan Mari Ber cerita dan mengadakan pameran, bengkel dan pelbagai kursus mengenai gaya kehidupan membaca. Bilik-bilik perpustakaan haruslah dilengkapi dengan pelbagai jenis bahan bacaan yang bermutu tinggi serta diatur dengan susunan yang sistematik. Di zaman sains dan teknologi ini perpustakaan semakin meluas perannya sebagai tempat pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan terapan. Itulah antara beberapa langkah yang sedikit sebanyak dapat menyemai minat membaca dalam keluarga.

Kesimpulannya, kesungguhan dan kerjasama dari semua pihak amat penting dalam menjadikan minat membaca sebagai gaya hidup kita semua. Membaca bukan sahaja amalan yang boleh meningkatkan ilmu pengetahuan bahkan ia secara tidak langsung sebagai batu loncatan bagi kita dalam melahirkan insan intelektual yang berguna kepada bangsa, agama dan negara.

Muhammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa,
No. 5A, Simpang 704,
Kampung Jerudong, BG 3122.
No. k/p: 00-313122

ting kepada bimbingan keluarganya. Ini bermaksud bukan sahaja ibu bapa malah saudara-mara yang lebih tua atau dalam erti kata lain abang/kakak juga perlu membantu ibu bapa memberi galakan, dorongan dan menyemai serta memupuk budaya membaca kepada saudara-saudara mereka yang kecil. Ini kerana kanak-kanak akan lebih cenderung mengikut kata-kata dan tingkah laku saudara tuanya.

Semua langkah-langkah di atas menuju ke arah yang sama iaitu menyemai, meningkatkan dan mewujudkan semangat suka membaca dalam keluarga. Namun begitu, tanpa kepekaan kesemua ahli keluarga, usaha ini tidak akan berjaya. Maka berusahalah kerana budaya membaca boleh membantu kita membentuk kejayaan dan kemajuan negara.

Saidah binti Saidin,
No. 12, Simpang 709, Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong, BF 1520.
No. k/p: 00-309704

REMAJA

GENERASI SIHAT

OLEH H. A. MANAP

TIDAK dapat tidak sebuah masyarakat yang maju dan makmur adalah terbina dengan adanya generasi atau masyarakat yang sihat. Makna sihat itu bukan setakat ia menjurus kepada tubuh badan atau fizikal, yang merupakan asas penting kehidupan, namun lebih jauh dari itu ialah mentaliti dan jiwa yang bersih dari kekotoran pemikiran yang negatif. Kenapa kita perlu kepada generasi yang sihat? Generasi yang sihat bukan sahaja dapat menyumbang kepada kemajuan bangsa dan negara akan tetapi ianya juga akan dapat melahirkan sebuah masyarakat yang teguh dan makmur. Keteguhan dan kemakmuran ini pula sekali gus akan menghapuskan gejala sosial yang negatif dan menjadikan masyarakat itu sebagai kelompok yang gigih dan rajin berusaha.

Generasi yang sihat merupakan generasi yang bebas dari gejala sosial yang meruntuhkan kestabilan kehidupan masyarakat. Bebas dari ancaman dan gejala dadah, bebas dari pengaruh negatif yang liar dan sosial masyarakat yang tidak bertamadun, bebas dari pemikiran sempit yang tidak produktif dan bebas dari ancaman serta pengaruh kehidupan yang merosakkan akidah dan kedaulatan beragama. Sejak dulu lagi ramai yang merasakan generasi yang sihat itu akan menjadi haruman yang menghidupkan kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Namun tidak semudah itu pula generasi yang diinginkan sedemikian adanya terhasil dijelmakan. Banyak elemen-elemen lain yang selalunya menjadi halangan dan punca kepada betapa sukarnya untuk melahirkan sebuah generasi yang sihat di pelbagai bidang.

Banyak gejala-gejala negatif yang berlaku masa kini adalah terhasil dari wujudnya generasi yang sakit dan lemah.

Sakit pemikiran, lemah pegangan hidup, sakit tubuh badan dan tidak mempunyai wawasan kehidupan yang sihat. An-caman gejala sosial menambahkan lagi tenatnya risiko yang melanda generasi sedemikian ini. Ramai yang memahami generasi yang sihat itu mahu tidak mahu akan tetap menjadi sasaran kepada perosak yang sentiasa mencari ruang memusnahkan mereka. Paling tidak ramai yang merasakan gejala sosial masa kini, bukan sahaja meruntuhkan generasi remaja muda belia yang ada tetapi juga sekali gus ia merosakkan kekuatan dan keteguhan sesebuah masyarakat.

Memandangkan kelompok masyarakat penting sebagai generasi sihat, perhatian akan lebih menjurus kepada generasi muda belia dan para remaja. Pertumbuhan kehidupan mereka menjadi suatu perkara penting dalam mewujudkan asas atau tiang seri yang sihat dari segala penyakit kehidupan. Kita mendapati beberapa norma-norma sosial yang

sudah dirosakkan kini memerlukan perhatian semua pihak terhadap pemugut dan perosak harta benda awam dengan menconteng dan memecahkan kemudahan yang disediakan dan tanda-tanda adanya unsur-unsur tidak sihat sudah meresapi di dalam diri mereka. Bila ini berlaku semua pihak mesti berperanan dalam menangani arus dan kebangkitan natijah sedemikian. Pemikiran dan perisian ilmu yang sudah bercampur baur akibat kemudahan teknologi masa kini, bukan sahaja menjadikan mereka sebagai generasi yang terpengaruh dengan nilai negatif tetapi juga telah mencemarkan daya fikir dan prinsip kehidupan yang sedia ada.

Akibatnya terdapat kalangan mereka yang sudah tidak lagi mengendahkan unsur-unsur berawar galat dan hormat-menghormati terhadap kehormatan diri seseorang. Apa yang terjadi dengan kemudahan teknologi masa kini yang disalahgunakan, keperibadian dan nilai hidup seseorang individu terconteng bagaikan tidak ada lagi nilai baik yang perlu dipamerkan. Melalui alam maya dunia teknologi menyediakan platform yang sepatutnya menjadi asas pembinaan individu yang berilmu pengetahuan tinggi. Na-

mun sebaliknya akibat dari cara dan kehidupan yang tidak sihat menjadikan penggunaannya disalahgunakan.

Di sinilah disiplin kehidupan itu penting dalam pembinaan generasi yang sihat. Disiplin merupakan pemangkin dalam arus perjalanan kehidupan manusia. Tanpa disiplin pengurusan kehidupan akan menjadi kacau-bilau dan akhirnya melahirkan cara pemikiran yang tidak sihat dan berguna. Hal ini berlaku ditambah lagi keinginan kehidupan yang mencengkam diri. Pemikiran yang diracuni oleh gejala sosial yang negatif, permasalahan diri dan cara hidup yang tidak beretika semuanya menyumbang kepada berlakunya kesakitan moral dan hilangnya nilai kehidupan sebenarnya. Di sinilah pentingnya kesihatan mental, fizikal, ilmu, sosial dan kesihatan kemandirian serta pelbagai lagi menjadi keutamaan dalam membina individu atau masyarakat yang baik dan berakhlak mulia. Nilai sedemikian amatlah penting dalam arus dan era kehidupan masa kini.

Kemudahan yang tersedia biar menjadi alat untuk membina kekuatan diri, mengangkat nilai akhlak yang mulia dan berhemah tinggi. Kita perlu menjadikan proses kemajuan yang pesat dengan

kecanggihan teknologi masa kini biarlah menjadi alat membina insan yang mulia dan berhati luhur. Jikapun kita mula merasakan adanya unsur-unsur pengaruh sosial yang akan menjadikan kita sakit dan berubah, cepat-cepat kita kembali memahami akan nilai-nilai baik yang menjadi asasnya. Bila kita membiarkan nilai jahat dan negatif berkembang dan meresap di dalam diri nescaya ia akan menjadi titik tolak kepada wujudnya nilai sosial yang negatif. Kita perlu lebih bertanggungjawab dan menanamkan 'sense of belonging' yang tinggi, dan juga rasa bertanggungjawab yang sangat mendalam. Sayang kepada agama, masyarakat dan negara akan menjadikan kita anggota masyarakat yang bernilai tinggi. Kasih dan sayang yang kita bina ini hendaknya berasaskan kerredaan Allah dan bukannya hanya sekadar menginginkannya. Jika ini mampu kita lakukan, sekalipun perubahan drastik berlaku di sekeliling kita, kita akan tetap menjadi generasi dan individu yang sihat. Kesihatan akan lebih jelas dengan adanya pandangan positif yang jauh, berwawasan, jiwa yang tenteram dan masyarakat yang harmoni. Dari sinilah kelak akan kita lahirkan generasi yang berdaya saing tinggi dan berakhlak mulia.

Alan Lai, Sabrina juara aktiviti 'Mencari Harta Karun'

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

JERUDONG, Ahad, 15 Januari. - Forum Perniagaan Britain Brunei (BBBF) hari ini mengadakan aktiviti 'Mencari Harta Karun' berkereta amal yang disertai oleh lebih 40 buah kereta.

Aktiviti tahunan yang dinanti-nantikan ini adalah anjuran BBBF yang berlangsung selama lebih lima jam bermula seawal jam 8.00 pagi. Setiap peserta diberikan pembayang atau arah petunjuk yang akan membawa ke enam lokasi berdekatan dengan Empire Hotel and Country Club di sini.

Acara kemuncak pada hari tersebut ialah penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang yang diadakan di Restoran Pantai di Empire Hotel and Country Club. Sejurus selepas itu Presiden BBBF yang juga merupakan Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Tuan Yang Terutama John Saville menyerahkan derma sejumlah \$2,000.00 kepada Benda-

hari BASMIDA, Dayang Hajah Ramlah. Derma tersebut dikumpul melalui penjualan tiket penyertaan daripada aktiviti tersebut.

Alan Lai dan Sabrina Tan muncul sebagai juara sekali gus menerima wang tunai \$500.00, manakala tempat kedua ialah Farah Izzan dan Azlina yang membawa pulang wang tunai \$300.00, sementara pemenang ketiga menerima wang tunai \$100.00 disandang oleh Securicor Team.

Acara ini diungkuhkan dengan sokongan Empire Hotel and Country Club, manakala hadiah-hadiah bagi para pemenang adalah sumbangan Hongkong dan Shanghai Banking Corporation Limited (HSBC), Standard Chartered Bank dan Finesco Capital Management.

Hakim dan pencatat masa pula terdiri daripada kakitangan HSBC sendiri bagi memastikan aktiviti tersebut berjalan dengan lancar.



PEMENANG aktiviti 'Mencari Harta Karun' anjuran Forum Perniagaan Britain Brunei (BBBF), Alan Lai menerima hadiah wang tunai \$500.00. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Lawatan ke Pusat Ehsan

BENGKURONG, Selasa, 17 Januari. - Seramai 20 orang wakil dan pegawai daripada pihak Hotel Sheraton Utama mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan Bengkurong hari ini yang diketuai oleh Pengurus Latihan dan Sumber Manusia, Irene Shim.

Antara lain tujuan lawatan ini adalah bagi melihat secara lebih dekat orang-orang istimewa dan membeli bunga-bunga orkid yang ditanam oleh

Pusat Ehsan.

Hasil daripada penjualan bunga orkid tersebut akan dapat membantu lagi Pusat Ehsan, di samping itu juga bunga-bunga orkid yang dibeli adalah untuk dijadikan hiasan dalaman bagi Hotel Sheraton yang terletak di Bandar Seri Begawan.

Lawatan hari ini berakhir dengan penyerahan hamper-hamper barangan kepada orang-orang istimewa di pusat berkenaan.



PUSAT Ehsan Bengkurong menerima hamper daripada Sheraton Hotel yang diberikan kepada insan istimewa. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 18 Januari 2006

Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong di Bukit Bendera Daerah Tutong.

Pemenang soalan Alai Pintar keluaran 18 Januari 2006

Norhafizah Amal Aisyah binti Haji Yunos,	Siti Hajar binti Haji Yahya,	Rayhaan bin Besar,
Sekolah Menengah Sufri Bolkiyah, Tutong.	Sekolah Rendah RIPS Birau, Tutong.	Sekolah Rendah Amar Pahlawan, Berakas.
Umur : 11 tahun	Umur : 13 tahun	Umur : 10 tahun

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 708

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 708

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 708,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

PENYAMPAIAN pengajaran yang berkesan dan menarik memerlukan gabungan beberapa komponen yang berkaitan seperti pendekatan, kaedah, teknik dan sebagainya. Ringkasnya, guru perlu menyediakan perancangan yang kemas, tersusun dan rapi. Selain itu penggunaan bahan pengajaran juga adalah penting.

Apa dia bahan pengajaran? Bahan pengajaran ialah perisian yang boleh digunakan oleh guru secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan penggunaan bahan pengajaran adalah untuk mengekalkan penumpuan para pelajar sepanjang tempoh pembelajaran berlangsung, di samping memudahkan guru untuk menyampaikan pengajaran mereka.

Apabila kita mem-perkatakan tentang bahan pengajaran, apa yang kita ketahui, lazimnya guru-guru sering menggunakan bahan-bahan daripada buku-buku teks yang sedia ada daripada Kementerian Pendidikan. Melihat dari segi logika, bahan-bahan pengajaran sepatutnya tidak hanya tertumpu kepada buku-buku teks sahaja, malahan terdapat pelbagai jenis peralatan atau sumber yang lebih baik dan boleh digunakan sebagai bahan pengajaran.

Terdapat dua jenis peralatan yang boleh digunakan iaitu bahan pengajaran berbentuk elektronik dan bahan pengajaran yang bukan elektronik. Contoh bagi bahan pengajaran elektronik ialah seperti radio, televisyen, slaid, video dan yang seumpamanya. Bahan pengajaran yang bukan elektronik pula ialah seperti model hidup, gambar, carta dan seumpamanya.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang diketahui bahan-bahan tersebut hanya bertindak membantu sahaja, tetapi guru perlu bertindak sebagai pengolah bahan-bahan ini agar bahan-bahan pengajaran tersebut menjadi lebih kreatif dan menyeronokkan. Hal ini ada ditegaskan oleh Elly, D.P. dan Gerlach, V.S. (di dalam Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997 : 293):

"The effectiveness of any medium depends on the creativity of the teacher using it."

PROSES PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN PENGAJARAN

Pada perenggan terakhir penulis ada menyatakan bahawa guru perlu bertindak sebagai pengolah bahan-bahan pengajaran yang digunakan agar

menjadi lebih kreatif dan menyeronokkan. Bagaimanakah guru perlu mengolah bahan-bahan tersebut? Berikut adalah penerangan tentang proses pembinaan dan penggunaan bahan-bahan pengajaran tersebut.

Bermula daripada proses pemilihan bahan-bahan pengajaran, proses ini tidak boleh dianggap mudah kerana ia melibatkan kerja-kerja pengubahsuaian bahan agar bahan-bahan yang dipilih sesuai dengan objektif pengajaran yang hendak dicapai dan selaras dengan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Kerja-kerja pengubahsuaian tersebut terbahagi kepada lima peringkat iaitu proses memilih, mengolah, membina, menggunakan dan terakhir iaitu proses menilai bahan. Kesemua proses ini merupakan proses yang berterusan dan harus dilakukan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Secara ringkasnya kelima-lima peringkat proses pengubahsuaian ini dapat dilihat melalui Rajah 1:

PROSES MEMILIH BAHAN PENGAJARAN

Proses memilih bahan-bahan pengajaran sebaiknya dilihat daripada tiga perspektif iaitu perspektif komunikatif, struktural dan kemahiran. Perspektif komunikatif menekankan kepentingan pembelajaran melalui penggunaan bahasa yang membolehkan para pelajar berinteraksi sesama sendiri atau dengan guru secara kerap dalam situasi yang 'natural'.

Perspektif struktural pula menekankan persembahan atau latihan asas struktur bahasa yang membolehkan para pelajar menggunakan tatabahasa dengan betul. Manakala perspektif kemahiran pula menekankan empat ke-

mahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan kemahiran menulis.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa prinsip umum yang perlu dititikberatkan juga bagi membolehkan guru-guru menilai bahan-bahan pengajaran mereka. Antara prinsip-prinsip umum pemilihan bahan pengajaran ialah:

a. Bahan pengajaran mestilah berkaitan dengan matlamat dan objektif pengajaran. Sebolehnya sebelum guru memilih bahan pengajaran yang hendak digunakan, guru perlu menentukan objektif pengajaran atau matlamat pengajaran yang hendak dicapai terlebih dahulu, agar pemilihan bahan pengajaran tidak dilakukan dengan sewenang-wenang.

b. Mempunyai perkaitan antara aspek bahasa, proses pembelajaran dan pelajaran. Ketiga-tiga aspek ini perlu ditekankan sama rata. Bahan pengajaran yang baik tidak hanya menekankan kepada aspek bahasa dan penggunaannya sahaja, malah perlu mengambil kira perkembangan para pelajar melalui penggunaan bahan-bahan pengajaran yang dipilih. Memandangkan proses pembelajaran sekarang lebih cenderung berpusat kepada pelajar (student oriented), guru perlu lebih peka terhadap situasi pelajar dan bukan hanya mementingkan aspek pengajaran semata-mata.

c. Boleh melengkapkan pelajar untuk menggunakan bahasa secara efektif. Guru perlu mengambil kira kandungan pengajaran yang hendak disampaikan kepada para pelajar dan kepentingan mereka mempelajari bahasa. Semasa menyampaikan bahan pengajaran dilakukan, aktiviti yang pelbagai perlu ditimbulkan agar pelajar dapat latihan yang mencukupi

PEMILIHAN DAN PENYESUAIAN BAHAN PENGAJARAN BAHASA

OLEH NORSHAM

kara berikut:

a. Inspirasi dan kreativiti

Bahan-bahan yang digunakan boleh memberikan galakan kepada pelajar untuk mencetuskan idea-idea yang kreatif dan bermas.

b. Menjadikan dialog bersifat komunikatif

Sekiranya bahan yang digunakan mengandungi dialog, guru perlulah menjadikan dialog tersebut bersifat komunikatif iaitu penggunaan bahasa yang betul dan membolehkan pelajar berinteraksi sesama sendiri, di samping menguasai kecekapan berbahasa.

c. Menjadikan aktiviti pembelajaran relevan dan berguna

Bahan-bahan pengajaran perlu disesuaikan supaya berkaitan dengan objektif pembelajaran, berfaedah dan dapat diaplikasikan oleh pelajar apabila pelajar menguasai nya.

d. Memberikan contoh yang praktikal

Bahan-bahan pengajaran sebaiknya mengandungi contoh-contoh yang praktikal yang boleh mempercepatkan kefahaman pelajar, di samping mereka dapat menyesuaikan dengan situasi sebenar.

e. Memenuhi keperluan pelajar

Bahan-bahan pengajaran yang digunakan sebaiknya dapat memenuhi keperluan para pelajar sama ada dari segi luaran (contohnya: dapat membantu pelajar dalam kerjaya mereka kelak) dan dari segi psikologi (contohnya: minat, kebolehan mental, umur, kecenderungan dan sebagainya).

PROSES PEMBINAAN BAHAN PENGAJARAN

Peringkat seterusnya ialah peringkat pembinaan bahan-bahan pengajaran. Setelah guru selesai memilih dan mengolah bahan-bahan pengajaran yang hendak digunakan, guru perlu memberikan penekanan terhadap beberapa aspek yang berkaitan dengan pembinaan bahan-bahan pengajaran. Antaranya adalah seperti berikut:

a. Bentuk dan fungsi

Apa dia bentuk-bentuk bahasa? Bentuk-bentuk bahasa merujuk kepada fonologi, tatabahasa, perbendaharaan kata dan wacana. Manakala fungsi pula merujuk kepada proses menyampaikan maksud. Oleh yang demikian, bahan-bahan pengajaran perlulah dipilih daripada bentuk-bentuk bahasa kerana ia dapat menyatakan maksud dan fungsi. Tanpa bentuk-bentuk komunikasi, verbal tidak akan berlaku. Aspek-aspek ini perlu diberi perhatian

untuk membolehkan pelajar mengenal dan menggunakan bahasa dengan betul.

b. Ketepatan

Ketepatan di sini merujuk kepada ketepatan bahasa yang digunakan, terutama sekali yang berhubungan dengan fungsi dan konteks sosial. Apabila kita menggunakan bahasa, kita harus dapat menerapkan situasi sosial dan kita harus dapat menyesuaikan bahasa yang digunakan dengan situasi ketika itu.

c. Kepelbagaian

Kepelbagaian dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada beberapa variasi bahasa yang digunakan secara meluas dalam masyarakat. Pengetahuan pelajar terhadap variasi bahasa membolehkan pelajar memilih variasi yang bersesuaian dengan konteks dan situasi yang tertentu.

d. Kemahiran bahasa

Aspek ini melibatkan kemahiran pada aras penerimaan iaitu kemahiran mendengar dan membaca dan kemahiran pada aras pelahiran iaitu kemahiran menulis dan bertutur. Keempat-empat kemahiran ini perlu dilihat sebagai se- tiap bahagian yang berhubungan dan bukan terpisah-pisah sifatnya. Oleh yang demikian, kesemua kemahiran ini perlu digabungkan untuk mewujudkan satu strategi pembelajaran yang lebih berkesan.

PROSES PENGGUNAAN BAHAN PENGAJARAN

Bagi mencapai satu tahap penggunaan bahan-bahan pengajaran yang berkesan, guru perlu memastikan bahan-bahan tersebut benar-benar berfaedah, bermanfaat dan dapat memenuhi matlamat yang hendak dicapai semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Berikut terdapat beberapa persoalan (penulis hanya menyenaraikan tiga sahaja) yang timbul dalam penggunaan bahan-bahan pengajaran, iaitu:

a. Adakah bahan-bahan pengajaran yang digunakan itu memenuhi keperluan deria para pelajar?

b. Sejauh manakah penggunaannya dapat memenuhi situasi dan pembelajaran pelajar?

c. Adakah penggunaannya sesuai dengan bentuk atau perkara-perkara yang hendak diajarkan?

PROSES PENILAIAN BAHAN PENGAJARAN

Proses menilai bahan-bahan pengajaran merupakan proses yang terakhir untuk dilaksanakan sebelum menggunakan bahan-bahan pengajaran. Proses ini tidak perlu dilakukan secara profesional, memadai sekiranya guru menyediakan senarai semak untuk membuat pe-

nilaian terhadap bahan-bahan tersebut untuk dapat gambaran secara keseluruhan tentang bahan-bahan pengajaran tersebut.

Berikut adalah contoh senarai semak yang diandaikan dapat membantu guru menilai bahan-bahan pengajaran yang hendak digunakan:

a. Nyatakan objektif objektif bahan-bahan pengajaran secara ringkas.

b. Nyatakan kekuatan kekuatan bahan pengajaran;

c. Berikan perhatian pada kelemahan-kelemahan dan kekurangan yang tertinggal pada bahan pengajaran;

d. Bandingkan bahan pengajaran tersebut dengan bahan-bahan yang telah dinilai dan

e. Buatlah satu kesimpulan umum mengenai bahan-bahan pengajaran tersebut.

KESIMPULAN

Pemilihan dan penyediaan bahan pengajaran adalah penting untuk pengajaran bahasa khususnya dan pengajaran mata pelajaran yang lain amnya. Kebolehan guru memilih bahan-bahan pengajaran dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih baik dan kreatif. Manakala bagi para pelajar pula, kepelbagaian bahan-bahan pengajaran tersebut dapat menarik minat dan perhatian mereka untuk menumpukan perhatian sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Selain itu, guru juga perlu memastikan kesesuaian bahan-bahan pengajaran yang digunakan memenuhi matlamat pengajaran dan bersesuaian dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran.


BIBLIOGRAFI

Abd. Aziz Abd. Tahib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin. (2001). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997). *Pengantar Melayu 2. (Kumpulan Bahasa)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. (1999). *Pengantar Melayu 5 dan 6. (Pemulaan dan Pengayaan, Pengurusan Sumber Budaya dan Masyarakat Melayu)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Yahya Othman. (2005). *Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS, Professional Publishing Sdn. Bhd.



RAJAH 1



**JABATAN KASTAM DAN
EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN : KASTAM/15/2005

1 TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 6 Februari 2006 bagi membekalkan pakaian seragam pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam sepertimana keterangan-keterangan berikut:

Keterangan Kain :

- * SEMI RAMIS (Dark Blue) 100% Polyester, Twill, Thread
- * HI-SOFY (Dark Blue) 100% Twil , Superior Garbardine
- * HI-SOFY (White) 100% Twill , Superior Garbardine

- A. **PEGAWAI KANAN LELAKI**
Bush Jaket pendek tangan dan seluar panjang
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
66 Pasang
- B. **PEGAWAI BIASA LELAKI**
Baju Pendek tangan dan seluar panjang
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
412 pasang
- C. **KAKITANGAN LELAKI (STAFF BANTU)**
Baju pendek tangan dan seluar panjang
(Jenis kain HI-SOFY) Warna Dark Blue
56 pasang
- D. **PEGAWAI KANAN PEREMPUAN**
Bush Jaket panjang tangan dan seluar panjang
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
2 pasang
- E. **PEGAWAI BIASA PEREMPUAN**
Bush Jaket panjang tangan dan seluar panjang
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
118 pasang
- F. **PEGAWAI KANAN LELAKI (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) **4 pasang**
Baju M.I.B. (Jenis kain Cotton) **8 pasang**
Seluar panjang **8 pasang**
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
- G. **PEGAWAI BIASA LELAKI (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) **22 pasang**
Baju M.I.B. (Jenis kain Cotton) **44 pasang**
Seluar panjang **44 pasang**
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
- H. **PEGAWAI KANAN PEREMPUAN (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) **1 pasang**
Baju Blouse (Jenis kain Cotton) **2 pasang**
Seluar panjang **2 pasang**
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
- I. **PEGAWAI BIASA PEREMPUAN (AIRPORT PASSENGER)**
Baju Blazer (Overcoat) **4 pasang**
Baju Blouse (Jenis kain Cotton) **8 pasang**
Seluar panjang **8 pasang**
(Jenis kain TORAY SEMI RAMIS) Warna Navy Blue
- J. **KAKITANGAN PEREMPUAN (STAFF BANTU)**
Bush Jaket panjang tangan dan seluar panjang
20 pasang
(Jenis kain HI-SOFY) Warna Dark Blue

- K. **PEMBERSIH PEREMPUAN**
Baju Kemeja panjang tangan warna putih
Kain warna warna Dark Blue
(Jenis kain HI-SOFY) **8 pasang**

- 2 Tawaran-tawaran ini adalah termasuk membekalkan kain dan upah menjahit sekali.
- 3 Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Names Act Section 16 dan 17 atau List Of Members - to accompany annual return (List of person Holding shares) - hendaklah disertakan.
- 4 Hendak lah menyatakan tempoh sah laku tawaran yang di hadapkan.
- 5 Hendaklah menyatakan Senarai Nama Pemilik Syarikat
- 6 Contoh-contoh kain untuk seluar dan baju hendaklah disertakan.
- 7 Penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Penolong Penguasa Kastam, Bahagian Logistik, Tingkat.2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja Jalan Menteri Besar , BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- 8 Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
- 9 Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat hendaklah di tulis dengan terang :

**'SULIT - BILANGAN TAWARAN: KASTAM/15/2005
TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PAKAIAN
SERAGAM PEGAWAI DAN KAKITANGAN
JABATAN KASTAM DAN EKS AIS DIRAJA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'**

Tanpa membubuh sebarang nama pengirim.
Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BILANGAN TANAH : TANAH/3/2005

TAWARAN MEMBUAT IMBASAN (SCANNING) BUKU DAFTAR TANAH LAMA DAN MEMBUAT IMBASAN (SCANNING) DOKUMEN-DOKUMEN LAND DEALING

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen Tawaran boleh didapati dari Bahagian Pendaftaran, Tingkat Bawah (Ground Floor) Jabatan Tanah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
3. Syarikat-syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini akan dikenakan bayaran Yuran Tawaran (Tender Fee) sebanyak B\$ 100.00 bagi setiap tawaran (tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran (Tender Fee) hanya akan boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja sahaja iaitu hari Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi di Tingkat 1, Kaunter Pembayaran Pejabat Tanah, Brunei dan Muara, Jabatan Tanah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dan salinan resit tersebut hendaklah disertakan bersama tawaran berkenaan.
4. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran hendaklah menyertakan bersama perkara-perkara berikut:-
a. Salinan Sijil Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dengan menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama bilangan pendaftaran dan negeri asal kad pengenalan atau passport pemilik.
b. Pengakuan bertulis (declaration) daripada semua syarikat yang menyertai setiap tawaran bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran yang sama.
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) tanpa menunjukkan sebarang tanda pengenalan atau identiti pengirim di luar sampul surat kecuali nama tawaran dan bilangan tawaran serta tarikh tutup tawaran sahaja.
6. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat seperti berikut:-
**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL,
TINGKAT BAWAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
7. Tarikh tutup Tawaran pada hari **Selasa, 28 Februari 2006** jam 2.00 petang.
8. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak akan dilayan.
9. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen-dokumen, borang-borang dan butir-butir lanjut mengenai tawaran ini bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pendaftaran, Tingkat Bawah, Jabatan Tanah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang termurah atau seumpamanya.



**JABATAN PERTUBUHAN -
PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR
NEGERI DAN PERDAGANGAN**

JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON

BAHAGIAN	JAWATAN	KELAYAKAN	TARIKH TUTUP
Pembangunan Perundangan dan Perlembagaan, Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom	Pegawai Undang-undang, Seksyen Keadilan	1. Mempunyai Ijazah dalam bidang Undang-undang dan; 2. Mempunyai kemahiran, pengalaman sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selama 3 tahun	17 Februari 2006

Syarat-syarat Asas:-

1. Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam;
2. Sekurang-kurangnya mempunyai ijazah dan pengalaman di dalam bidang yang berkenaan.
3. Calon-calon yang berminat dikehendaki menghantar butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) berserta maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dan
4. Hanya calon-calon yang telah disenaraipendekkan akan dipanggil untuk ditemuduga dan sekiranya tiada sebarang jawapan dalam masa tiga bulan dari tarikh tutup permohonan, maka calon dianggap tidak berjaya.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:-

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwat Luar Negeri dan Perdagangan, Pusat Persidangan Antarabangsa, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon : 2383209. Nombor Faks : 2383167

... NOTIS JUALAN LELONG ...



**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ADALAH dengan ini, diberi notis bahawa jualan lelong barang-barang dan peralatan perkakas bomba pada hari/tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

Pada : Hari Khamis, 2 Februari 2006
Tempat : Ibu Pejabat Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait, Balai Bomba Seria.
Jam : 10.30 pagi

KETERANGAN BARANG

- 1) Manual Typewriter; a. Adler R/5/D/3/72/90; b. Adler F/51/3/91/90; c. Adler Universal 275 (TDK); d. Olympia, 2) Electronic Typewriter
a. Sharp XQ 345; F51/D1/224/91, 3) Conference Arm Chair, 4) Single Door Locker AEC 1110, 5) Single Pedestal Desk, 6) Rhino 4 Drawer Filling Cabinet, 7) Double Pedestal, 8) Personal Locker (Kayu).

Sehubungan itu, memorandum daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba Cawangan Operasi 'B' rujukan bilangan (02)BFS/OPB/P.HAPUSAN(BBS) bertarikh 4 Jun 2005 dan memorandum Pengerusi Lembaga Pemeriksa Tetap Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam rujukan bilangan LPT/42/2005/16 bertarikh 26 Julai 2005 serta memorandum S.U.T Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam bilangan rujukan KKW/Z/493/40 bertarikh 28 November 2005.

KETERANGAN BARANG

- 1) Chain Saw 038 V & 038E; 2) Chainsaw HOSQUARNA CD02100 & 018 XP; 3) Chainsaw STIHL O11 AV; 4) Chainsaw 0.23 (Tdk); 5) Chainsaw Professional (Tdk); 6) Floating Pump 8HP; 7) Honda Generator (Tdk); 8) David Borton Emergency Light 1781884; 9) Brimotor a/ GS 2364; b/ GS 7500 c/ GS 5000; 10) Mesin Rumput Surung; 11) Air Compressor a/ Energair 8320820; b/ Air Compressor 9220117; c/ Air Compressor SWANV21 (Tdk); 12) Battery Charger a/ 8844156 -20 b/ CRYPTON (Tdk) C/TI CRYPTON ; d/ High Rate Multiple HRC 15101; 13) YASUL Hydraulic Jack 394-070; 4) JACK BRAND BURY (Tdk); 15) Hurst Hydraulic 2380; 16) WIBER Hydraulic 3285

Sehubungan dengan itu Memorandum daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba Cawangan Operasi 'B' rujukan bilangan 493/40 bertarikh 28 November 2005 Memorandum daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba Cawangan Operasi "B" (01) BFS/OPB/P.HAPUSAN (OP'B) bertarikh 26 April 2005 dan Memorandum daripada Pengerusi Lembaga Tetap Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam rujukan bilangan LPT/42/2005 /02) bertarikh Mei 2005 serta Memorandum S.U.T. Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam rujukan bilangan KKW/493/40 bertarikh 16 November 2005.



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**MENGANTI ATAP DAN DINDING SERTA MEMBAIKI
GUDANG DUA
(JP/T16(RE)/2005)**

JABATAN Pelabuhan, kementerian Perhubungan mempelawa syarikat-syarikat tempatan untuk ikut serta tawaran seperti yang tersebut di atas.

Skop kerja dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Pelabuhan, Muara BT1728.

Dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dengan harga bayaran sebanyak \$20.00 (non-returnable) bagi setiap tawaran. Dan hanya boleh diperolehi sehingga 15 Februari 2006 semasa waktu pejabat.

Tawaran hendaklah dibuat di dalam sampul surat yang ditu-tup rapat (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama atau logo syarikat tidak lewat hari **Selasa, 21 Februari 2006** jam 2.00 Petang ke alamat:-
Pengerusi

Lembaga Tawaran kecil
Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa Jualan Lelong barang-barang akan diadakan seperti berikut:-

Pada : Hari Sabtu, 11 Februari 2006
Tempat : Bilik Persidangan Hospital P.I.H.M Temburong
Jam : 10.30 pagi

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan dikehendaki memindahkan barang-barang yang dibeli pada hari perlelongan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan pada hari perlelongan tersebut maka barang akan dirampas dan dilelong semula.

KETERANGAN BARANG

- 1) Contraves Centrifuge M50, (2) Instrument Laboratory System 501, (3) Ames Seraly 2 ER, (4) Ames Glucometer Mill, (5) Reiker Instrument CO Weighing, (6) Micro Hematocrit Centrifuge, (7) Sysmex Auto-Dilutor F 500, (8) Beckman Glucose Analyzer 2, (9) Beckman Bun Analyzer 2, (10) Sysmex Auto-Dilutor AD0260.



**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ADALAH dengan ini diberikan notis iaitu Jualan Lelong perkakas-perkakas Bomba pada tempat, masa dan tarikh yang dinyatakan di bawah dengan syarat-syarat yang telah lengkap ditetapkan.

1. Pembelian yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dengan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan tersebut dan apabila gagal berbuat demikian maka barang tersebut akan dirampas dan akan dilelong semula.
2. Pembeli yang berjaya hendaklah membayar cukai kastam jika perlu.

KETERANGAN BARANG	TEMPAT LELONG	TARIKH/ MASA
1. KATIL BESI, 2. KERUSI (ARM CHAIR) 3. MEJA 4. HOS BOMBA 64MM.	Balai Bomba Bandar Seri Begawan	2 Februari 2006 jam 9.00 pagi
1. FRAME KATIL BESI 2 TINGKAT 2. PINTU BESI BERLI- PAT, 3. SELINDAR ALAT PEMADAM API	Balai Bomba Muara	4 Februari 2006 jam 9.00 pagi



**AGENSII PELABURAN BRUNEI
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BIL.	JENIS KENDERAAN	NOMBOR PENDAFTARAN
1.	TOYOTA CROWN	BG 7701

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada orang ramai dan Syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Kereta yang ditawarkan boleh disaksikan/dilihat di letak kereta B3, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.
3. Dokumen, Borang Tawaran serta keterangan lanjut bolehah diperoleh di:-

Bahagian Pentadbiran,
Pejabat Agensi Pelaburan Brunei,
Tingkat 12, Bangunan Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam

Pada setiap hari bekerja :-

Isnin - Khamis : 9.00 pagi - 11.00 pagi
2.00 petang - 4.30 petang

Jumaat : 9.00 pagi - 11.00 pagi
3.00 petang - 4.30 petang

4. Semua tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran yang disediakan.
5. Tawaran yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dengan membubuh tajuk "LELONG KERETA BG7701" di hadapan sampul surat tanpa menunjukkan nama dan identiti pembeli dan ditujukan kepada:-
PENGARAH URUSAN,
AGENSII PELABURAN BRUNEI,
KEMENTERIAN KEWANGAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Agensi Pelaburan Brunei di Tingkat 12, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam.
6. Tarikh tutup tawaran ialah hari **Selasa, 7 Februari 2006** jam 2.00 petang.
7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup yang disebutkan tidak akan dilayan.



**BIRO MENEGAH RASUAH
JABATAN PERDANA MENTERI**

BIL.	TAJUK TAWARAN	BILANGAN TAWARAN
1.	PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN IBU PEJABAT BIRO MENEGAH RASUAH, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS.	BMR/SH/2/2005
2.	PEMELIHARAAN LANDSKAP KAWASAN BIRO MENEGAH RASUAH (BMR) CAWANGAN KUALA BELAIT, NO.3, JALAN SUNGAI PANDAN, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.	BMR/SH/3/2005

1. TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Section 16 & 17), Labour Quota dan yang berkaitan dengannya untuk kerja tersebut di atas bagi tempoh dua (2) tahun.
2. Pemborong-pemborong atau wakil-wakil pemborong adalah dipelawa untuk membuat pemeriksaan kerja yang ditawarkan dengan membuat urus-an-urusan semasa waktu pejabat.
3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan Bilangan Tawaran tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat seperti berikut:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat BS8610, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari **Selasa, 7 Februari 2006**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Borang Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan yang boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran Ibu Pejabat, Biro mencegah Rasuah, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan pada waktu bekerja dengan dikenakan bayaran sebanyak \$5.00 satu borang (tidak dikembalikan).
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH DAERAH BELAIT
BAGI BULAN JANUARI 2006**

TARIKH	HARI	PUSAT PERHENTIAN	JAM
1 Februari 2006	Rabu	Sekolah Rendah Panaga	9.45 - 10.45 pagi
2 Februari 2006	Khamis	Sekolah Rendah Rampayoh	9.45 - 10.45 pagi
2 Februari 2006	Khamis	Sekolah Rendah Labi	11.00 - 12.00 T/hari
7 Februari 2006	Selasa	Sekolah Rendah Sungai Liang	9.00 - 10.00 pagi
7 Februari 2006	Selasa	Sekolah Rendah Lumut	10.15 - 11.15 pagi
8 Februari 2006	Rabu	Sekolah Rendah Sungai Tali	9.45 - 10.45 pagi
9 Februari 2006	Khamis	Sekolah Rendah PSB Sultan Omar Ali Saifuddin	9.00 - 10.00 T/hari
9 Februari 2006	Khamis	Sekolah Rendah Teraban	10.15 - 11.15 pagi
11 Februari 2006	Sabtu	Sekolah Rendah Merangking	9.45 - 10.45 pagi
11 Februari 2006	Sabtu	Sekolah Rendah OKPB Bukit Sawat	11.00 - 12.00 T/hari
13 Februari 2006	Isnin	Sekolah Rendah Danau	9.00 - 10.00 pagi
13 Februari 2006	Isnin	Sekolah Rendah Tumpuan Telisai	10.15 - 11.15 pagi
15 Februari 2006	Rabu	Sekolah Rendah Panaga	9.45 - 10.45 pagi
16 Februari 2006	Khamis	Sekolah Rendah Rampayoh	9.45 - 10.45 pagi
16 Februari 2006	Khamis	Sekolah Rendah Labi	11.00 - 12.00 T/hari
21 Februari 2006	Selasa	Sekolah Rendah Sungai Liang	9.00 - 10.00 pagi
21 Februari 2006	Selasa	Sekolah Rendah Lumut	10.15 - 11.15 pagi
22 Februari 2006	Rabu	Sekolah Rendah Sungai Tali	9.45 - 10.45 pagi
25 Februari 2006	Sabtu	Sekolah Rendah Merangking	9.45 - 10.45 pagi
25 Februari 2006	Sabtu	Sekolah Rendah OKPB Bukit Sawat	11.00 - 12.00 T/hari
27 Februari 2006	Isnin	Sekolah Rendah Danau	9.00 - 10.00 pagi
27 Februari 2006	Isnin	Sekolah Rendah Tumpuan Telisai	10.15 - 11.15 pagi

PERINGATAN :

➤ HARI KHAMIS - 23 FEBRUARI 2006/24 MUHARRAM 1427 - CUTI SEMPENA HARI KEBANGSAAN.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN WANG CAGARAN YANG MASIH BELUM DITUNTUT SETELAH LEPAS TEMPOH LIMA TAHUN

WANG CAGARAN BAGI TAWARAN-TAWARAN TAHUN 2000

ADALAH dimaklumkan kepada penyimpan-penyimpan wang cagaran, bahawa masih terdapat wang cagaran bagi tawaran-tawaran tahun 2000 yang belum lagi dituntut. Penyimpan-penyimpan dikehendaki menuntut ke Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan BB3510, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu berkerja.

Semasa membuat tuntutan penyimpanan hendaklah membawa resit-resit asal berkenaan dalam tempoh 3 (tiga) bulan dari tarikh pemberitahuan ini. Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang telah ditetapkan akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan.

Di bawah ini disenaraikan nama pemborong, syarikat-syarikat, nombor resit, tarikh dan jumlah wang yang masih belum dituntut.

1. PERUSAHAAN HJ JOHAINUN & KELUARGA 4531088 15-1-2000 \$200.00, 2. GUVA COMPANY 4531089 15-1-2000 \$200.00, 3. HAMIM TRADING 4531090 15-1-2000 \$200.00, 4. RESTORAN HJ MUHAMMAD BIN HJ UMAR DAN ANAK 4531091 15-1-2000 \$200.00, 5. SYKT MASDAINA ZURA 4531102 15-1-2000 \$200.00, 6. HAQIRAH ENTERPRISE 4531106 17-1-2000 \$200.00, 7. SYARIKAT D.H.R 4531110 17-1-2000 \$200.00, 8. ZUN ENTERPRISE 4531112 17-1-2000 \$200.00, 9. ASMALIZAH TRADING CO 4531116 17-1-2000 \$200.00, 10. ORBIT ENTERPRISE 4530733 17-1-2000 \$200.00, 11. SYARIKAT CHANTIKA 4531314 24-4-2000 \$200.00, 12. SYARIKAT AMINAH BTE MAT NASIR & ANAK-ANAK 4531316 24-4-2000 \$200.00, 13. KASMAWATI 4531318 24-4-2000 \$200.00, 14. SYARIKAT USAHA SALIHAN 4531320 25-4-2000 \$200.00, 15. SYARIKAT USAHA WAFIAH 4531322 25-4-2000 \$200.00, 16. SYARIKAT USAHA WAFIAH 4531323 25-4-2000 \$200.00, 17. SYARIKAT HAJAH AJIAH BTE TAMBAH & ANAK-ANAK 4531224 26-4-2000 \$200.00, 18. SRI MADU RESTAURANT & CATERING SERVICES 4531338 27-4-2000 \$200.00, 19. SYKT HAJI MUSTAPA BIN HJ AJI 4531345 29-4-2000 \$200.00, 20. SYKT AL-BANNA 4531346 29-4-2000 \$200.00, 21. SURIA ENTERPRISE 4531370 2/5/2000 \$200.00, 22. SYKT HJH DAYANG BTE HJ JAPAR & ANAK-ANAK 4531382 2/5/2000 \$200.00, 23. AIMIMI ENTERPRISE 4531381 2/5/2000 \$200.00, 24. BUKTI HASIL USAHA 4531387 3/5/2000 \$200.00, 25. SYKT HAJI TAMIN BIN BAKAR DAN ANAK-ANAK 4531399 3/5/2000 \$200.00, 26. ROSLE BIN HJ BOLHASSAN GENERAL CONTRACTOR 4531520 6/5/2000 \$200.00, 27. SYARIKAT USAHA WAFIAH & ANAK-ANAK 4531524 6/5/2000 \$200.00, 28. NORHALIPAH ENTERPRISE 4531525 6/5/2000 \$200.00, 29. PERUSAHAAN DOUBLE U 4531526 8/5/2000 \$200.00, 30. SYKT AL-HAJ DIN & SONS 4531527 8/5/2000 \$200.00, 31. LAZIM BIN HJ NAYAN 4531528 8/5/2000 \$200.00, 32. SYARIKAT TARISMAN 4531529 8/5/2000 \$200.00, 33. PERUSAHAAN ZAINS 4531531 8/5/2000 \$200.00, 34. SYARIKAT HAGA ENTERPRISE 4531546 9/5/2000 \$200.00, 35. SYARIKAT HAGA ENTERPRISE 4531547 9/5/2000 \$200.00, 36. H MATUSUIN H MAT SERUDIN ENTERPRISE 4531559 9/5/2000 \$200.00, 37. SYKT PG HJ SALIM PG HASIHM & ANAK-ANAK 4531560 9/5/2000 \$200.00, 38. MAJID KHAN ENTERPRISE 4531714 19-8-2000 \$200.00, 39. REZLAN RESTAURANT 4531715 19-8-2000 \$200.00, 40. SYKT HAJAH MASRIPAH OMAR DAN KELUARGA 4531716 19-8-2000 \$200.00, 41. SYARIKAT SARIZA 4531734 30-8-2000 \$200.00, 42. PEMBORONG H.M.SAJI 4531735 30-8-2000 \$200.00, 43. HAMIM TRADING 4531764 31-8-2000 \$200.00, 44. HAMIM TRADING 4531765 31-8-2000 \$200.00, 45. SYARIKAT NUR AMANINA SAKINAH 4531768 2/9/2000 \$200.00, 46. SYARIKAT NUR AMANINA SAKINAH 4531769 2/9/2000 \$200.00, 47. SYKT AL-HAJ & ANAK-ANAK 4531775 2/9/2000 \$200.00, 48. DK JALIA & ANAK-ANAK 4531776 2/9/2000 \$200.00, 49. DK JALIA & ANAK-ANAK 4531777 2/9/2000 \$200.00, 50. REZIAN RESTAURANT 4531795 4/9/2000 \$200.00, 51. FRIANTY ROTI ISLAMIC 4531796 4/9/2000 \$200.00, 52. SYKT MAZNAH MOMIN & ANAK-ANAK 4531799 5/9/2000 \$200.00, 53. SYKT MAZNAH MOMIN & ANAK-ANAK 4531800 5/9/2000 \$200.00, 54. SYKT MAZNAH MOMIN & ANAK-ANAK 4531801 5/9/2000 \$200.00, 55. SYKT MAZNAH MOMIN & ANAK-ANAK 4531802 5/9/2000 \$200.00, 56. SYKT PG HJH ZAUAYAH BTE PG HJ ZAINAL 4531803 5/9/2000 \$200.00, 57. SYKT PG HJH ZAUAYAH BTE PG HJ ZAINAL 4531804 5/9/2000 \$200.00, 58. SYKT PG HJH ZAUAYAH BTE PG HJ ZAINAL 4531805 5/9/2000 \$200.00, 59. SYKT PG HJH ZAUAYAH BTE PG HJ ZAINAL 4531806 5/9/2000 \$200.00, 60. PEE ZIT SERVICES 4531807 5/9/2000 \$200.00, 61. PEE ZIT SERVICES 4531808 5/9/2000 \$200.00, 62. PEE ZIT SERVICES 4531809 5/9/2000 \$200.00, 63. PEE ZIT SERVICES 4531810 5/9/2000 \$200.00, 64. PERUSAHAAN ACAIKU 4531816 5/9/2000 \$200.00, 65. PERUSAHAAN ACAIKU 4531817 5/9/2000 \$200.00, 66. PERUSAHAAN ACAIKU 4531818 5/9/2000 \$200.00, 67. BONI ENTERPRISE 4531819 5/9/2000 \$200.00, 68. DELCO HARRIS SERVICES 4531830 5/9/2000 \$200.00, 69. SYKT ZULHANA BERSAUDARA 4531831 6/9/2000 \$200.00, 70. SYKT SAPNI DAN ANAK-ANAK 4531833 6/9/2000 \$200.00, 71. SYKT YAKUB HJ JUMAT 4531838 6/9/2000 \$200.00, 72. SYKT BUDI UTAMA 4531841 6/9/2000 \$200.00, 73. ZUN ENTERPRISE 4531842 6/9/2000 \$200.00, 74. ZUN ENTERPRISE 4531843 6/9/2000 \$200.00, 75. ZUN ENTERPRISE 4531844 6/9/2000 \$200.00, 76. ZUN ENTERPRISE 4531845 6/9/2000 \$200.00, 77. SYKT D.H.R 4531846 6/9/2000 \$200.00, 78. SYKT D.H.R 4531847 6/9/2000 \$200.00, 79. SYKT D.H.R 4531848 6/9/2000 \$200.00, 80. SYKT D.H.R 4531849 6/9/2000 \$200.00, 81. ALAI AMIRAH ENTERPRISE 4531852 7/9/2000 \$200.00, 82. ABANG AZIM ENTERPRISE 4531853 7/9/2000 \$200.00, 83. SYKT PG HJ TAUJUDIN BIN PG DAMIT DAN ANAK-ANAK 4531855 7/9/2000 \$200.00, 84. SYARIKAT MA'SUNAH 4531857 7/9/2000 \$200.00, 85. SYKT HJH DAYANG BTE HJ JAPAR & ANAK-ANAK 4531858 7/9/2000 \$200.00, 86. AIMIMI ENTERPRISE 4531859 7/9/2000 \$200.00, 87. AZRI BIN HJ ISMAIL CONTRACTOR 4531860 7/9/2000 \$200.00, 88. SRI BUANA ENTERPRISE 4531862 7/9/2000 \$200.00, 89. SYKT FITRIAH BERSAUDARA 4531871 7/9/2000 \$200.00, 90. DIN AND SONS TRADING COMPANY 4531898 7/9/2000 \$200.00, 91. DIN AND SONS TRADING COMPANY 4531899 7/9/2000 \$200.00, 92. IDY INDUSTRIES AND CATERING SERVICES 4531900 7/9/2000 \$200.00, 93. IDY INDUSTRIES AND CATERING SERVICES 4532001 7/9/2000 \$200.00, 94. SYARIKAT NORFEAH 4532002 7/9/2000 \$200.00, 95. SYARIKAT NORFEAH 4532003 7/9/2000 \$200.00, 96. AZAMAH ENTERPRISE 4532004 7/9/2000 \$200.00, 97. AZAMAH ENTERPRISE 4532005

"Adalah diharapkan bahawa melalui projek ini nanti akan dapat mengurangkan serba sedikit kesukasan yang dialami oleh sebilangan sektor warga emas terutamanya mereka yang tidak menerima layanan dari pihak keluarga sendiri," jelasnya.

Beliau juga merayu kepada masyarakat termasuk persatuan-persatuan, badan-badan sukarela dan sektor swasta untuk memberikan sokongan dan kasih sayang yang sewajarnya kepada warga emas agar mereka tidak tersisih

dari masyarakat.

Seminar itu juga memperkenalkan projek kepada sukarelawan; berkongsi pengetahuan di kalangan komiti dan sukarelawan; membiasakan sukarelawan dengan konsep projek serta bersuasi kenal di antara komiti dan sukarelawan sambil bertukar-tukar fikiran.

Di antara NGO yang terlibat termasuk Persatuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pandu Puteri, Majlis Wanita, Majlis Belia Brunei, Badan Perniagaan Melayu Brunei, Badan Perniagaan Cina, KAMAS, PEKIRA, PERTIWI, Persatuan Jururawat, Persatuan Kaunseling (PERKAB); Persatuan Mahasiswa-Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam; Institut Teknologi Brunei, Persatuan Warga Prihatin serta beberapa buah kampung yang telah dikenal pasti.

Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan oleh beberapa orang pegawai kerajaan melalui pelbagai agensi termasuk Jabatan Pembangunan Masyarakat, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pusat Da'wah Islamiyah.



PARA peserta semasa mengikuti ceramah yang disampaikan semasa seminar berkenaan (kiri). - Foto: Ramli Tengah.

S
i
B
u
d
i
m
a
n



PENYAKIT SELESEMA BURUNG (AVIAN INFLUENZA)



Penyakit avian boleh menjejaskan kesihatan serta mendatangkan kematian pada ternakan ayam dan berbagai jenis burung peliharaan termasuk angsa, itik dan lain-lain.

TANDA-TANDA KLINIKAL

- Kematian mengejut.
- Murung atau lemah.
- Batuk dan bersin.
- Hidung atau mata berair atau kedua-duanya.
- Kepala membengkak.
- Kebiruan pada jambul dan gulambir.
- Cirit-birit (berwarna hijau).
- Tanda-tanda sistem saraf terjejas seperti lumpuh dan cara berjalan/bergerak tidak seimbang.
- Kurang selera makan.

Sebarang tanda-tanda penyakit dan masalah berkaitan dengan haiwan peliharaan, hendaklah melaporkan terus kepada Jabatan Pertanian di talian berikut:

Daerah Brunei/Muara:

2380144/2380340

Daerah Belait:

3331535/3230283 (Sg Liang)

Daerah Tutong:

4221253

Daerah Temburong:

5222139



JABATAN PERTANIAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KG. PENGIRAN KERMA INDERA LAMA/ PENGIRAN TAJUDDIN HITAM, MUKIM TAMOI

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Pengiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, Mukim Tamoi bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Bagi Calon Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, Mukim Tamoi akan diadakan pada hari Ahad 27 Muharam 1427 bersamaan 26 Februari 2006 bertempat di Dewan Sekolah Pengiran Bendahara Lama, Mukim Tamoi bermula jam 8.00 hingga 11.00 pagi.

Jabatan Daerah Brunei dan Muara memohon kerjasama para penduduk Kampung Pengiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas serta tinggal bermastautin di

kampung berkenaan dan nama-nama mereka yang terdapat dalam senarai Daftar Pengundi Penduduk adalah diminta hadir di Majlis Pengundian dan Pemilihan tersebut dengan membawa Kad Pengenal Pintar masing-masing.

Bagi para penduduk kampung yang tiada terdapat nama mereka di dalam senarai Daftar Pengundi Penduduk, Kampung Pengiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama-nama mereka kepada Pemangku Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, Awang Haji Abdul Mumin bin Haji Bini, atau ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara mulai tarikh pendaftaran dibuka.

Pendaftaran bagi Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pe-

ngiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam adalah dibuka mulai 26 Januari hingga 25 Februari 2006. Pendaftaran juga boleh diterima selewat-lewatnya sehari sebelum majlis pengundian dijalankan pada hari Sabtu, 25 Februari 2006.

Pendaftaran berkenaan adalah amat penting kerana para penduduk kampung yang tidak tersenarai nama-nama mereka dalam Senarai Daftar Pengundi semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, tidak akan dibenarkan untuk mengundi pada hari pengundian tersebut.

Kehadiran dan kerjasama penduduk Kampung Pengiran Kerma Indera Lama/Kampung Pengiran Tajuddin Hitam Mukim Tamoi adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

اخبار BRUNEI BRUNEI

BILANGAN 5

RABU 1 FEBRUARI 2006

1426 رابو 2 محرم

PERCUMA



JABATAN PERDANA MENTERI

PENDAFTARAN UNTUK MENYEWAKAN KERETA KEPADA JABATAN PERDANA MENTERI

SUKACITA dimaklumkan bahawa Jabatan Perdana Menteri akan membuka tawaran pendaftaran baru bagi kereta jenis (Mercedes Benz) E200 ke atas dan kereta jenis (Chrysler Grand Voyager) yang berwarna (hitam atau grey) sahaja, untuk disewakan ke Jabatan ini dengan syarat-syarat seperti berikut:-

1. Pemeriksaan dan pengakuan akan dibuat terlebih dahulu-



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/01/2006 :
THE DESIGN, SUPPLY, INSTALLATION, TESTING, VERIFICATION, COMMISSIONING, IMPLEMENTATION AND MAINTENANCE OF TWO (2) NETWORKED COMPUTER LABS FOR UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.
Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 50.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 14 Februari 2006**.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak, permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1,
Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510,
Negara Brunei Darussalam
6. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai.
Waktu menerima tawaran adalah seperti berikut:-
Isnin-Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi
: 1.30 petang hingga 2.30 petang
Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
11. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>

lu oleh Bahagian Pool Transport, Jabatan Perdana Menteri Sebelum Kereta berkenaan layak untuk didaftarkan.

2. Kereta yang disewakan hendaklah dilindungi oleh Insuran "Comprehensive Policy With Endorsement To Cover Hire And Reward: (Sewa dan Upah)" dan didaftarkan sedemikian di Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan.
3. Pemilik kereta berkenaan tidak akan menuntut sebarang ganti rugi kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jika kereta tersebut terlibat dalam apa jua jenis kemalangan, kecurian, kebakaran, kecelakaan dan seumpunya.
4. Bayaran sewa kereta adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa tanpa perlu pemberitahuan awal.
5. Keutamaan akan diberikan kepada kereta yang berumur di bawah 7 tahun daripada tarikh pendaftaran kereta berkenaan.
6. Syarat-syarat ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa tanpa perlu pemberitahuan awal.

Syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang berhajat untuk menyewakan kereta-kereta kepada Jabatan Perdana Menteri bolehlah mendapatkan keterangan lanjut dan seterusnya memperoleh borang pendaftaran di Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Borang permohonan hendaklah dikembalikan ke Jabatan ini tidak lewat pada **8 Februari 2006**.



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN : T / 03 / PHQ / 2005 - R

TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLS, TRAINING AND COMMISSIONING OF AIRCONDITIONERS / UP GRADING ELECTRICAL WIRING AND ACCESSORIES AT HASSANAL BOLKIAH POLICE STADIUM POLICE HEADQUARTERS GADONG.

YURAN TAWARAN : \$ 50.00 (tidak di kembalikan)

1. Dokumen - dokumen tawaran, Borang Tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Unit Kewangan, Ibu Pejabat, Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran - tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam hendaklah tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari **Selasa 14 Februari 2006**.
3. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Yuran Tawaran (Tender Fee) adalah berjumlah \$ 50.00 dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang iaitu Hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja di Unit Kewangan, Tingkat II Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di Pertuan Negara Brunei Darussalam Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah dan lain - lain tawaran.
6. Bagi pemborong - pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut dibawah ini hendaklah mempunyai kelayakan Sijil Perniagaan yang masih sah laku dan hendaklah disertakan bersama.

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

PERATURAN PENGIKLAMAN DALAM EDISI IKLAN PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenainya boleh dihantar dalam 'hard copy'.
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itupun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari **Sabtu sebelum jam 10.00 pagi** bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari **Khamis 11.30 pagi** iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.

MAKLUMAN

LEBIH BANYAK IKLAN DI RUANGAN ANEKA
MUKA SURAT 9, 10, 11, 12 DAN 13.

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan
<http://www.brunet.bn/news/pelita/1feb/ikerja.htm>

Iklan-iklan tawaran

<http://www.brunet.bn/news/pelita/1feb/iiklan.htm>

iklan-iklan kursus

<http://www.brunet.bn/news/pelita/1feb/ikursus.htm>



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DAN MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 212/2005

UNITED OVERSEAS BANK LIMITED

.....Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**MOHD ALI JUFRI BIN HAJI ISMAIL
(BYIC NO. 00-077828)**

.....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Januari 2006.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MOHD ALI JUFRI BIN HAJI ISMAIL,
No. 7, Simpang 561, Kampong Lambak, Jalan Pasir Berakas,
BB1414, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 13 Oktober 2005.

Bertarikh : 16 Januari 2006.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 Januari 2006. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 22 Februari 2006 jam 2.20 petang.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Februari 2006 jam 2.20 petang.

Bertarikh : 16 Januari 2006.

DK HJH NORISMAYANTI PG HJ ISMAIL
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 187/2005

HSBC FINANCE (B) BERHAD

.....Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**JOINIDI BIN HAJI SULAIMAN
(BYIC NO. 00-033806)**

.....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 Januari 2006.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

JOINIDI BIN HAJI SULAIMAN,
No. 24, Simpang 159, Jalan 3, Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas, Bandar Seri Begawan, BC2515, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 8 Oktober 2005.

Bertarikh : 16 Januari 2006.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Januari 2006. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 22 Februari 2006 jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Februari 2006 jam 2.00 petang.

Bertarikh : 16 Januari 2006.

DK HJH NORISMAYANTI PG HJ ISMAIL
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO 174/2003

STANDARD CHARTERED BANK

.....Penghutang/Pemetisyen

LAWAN

**MAHADHIR BIN HAJI MD ARSHAD
[K. P. BRUNEI NO. 00-266069 - KUNING]**

.....Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada 5 Januari 2006.

Nama dan alamat Bankrap : **MAHADHIR BIN HAJI MD ARSHAD,**
Lot 96881, Simpang 671, Kampong Salambigar,
Jalan Muara BC 1515, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan : 11 Oktober 2005.

Bertarikh : 10 Januari 2006.

DK HJH NORISMAYANTI PG HJ ISMAIL
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 175 TAHUN 2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD

.....Pemiutang/Pemetisyen

LAWAN

**1. ELLEN BINTI HAJI DRAHMAN
2. MAZALAN BIN HAJI HASSAN**

.....Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 Januari 2006.

Nama dan alamat Bankrap :

**1. ELLEN BINTI HAJI DRAHMAN
2. MAZALAN BIN HAJI HASSAN,**
No. 8, Simpang 38-4, RPN Kampong Pandan,
Kuala Belait KA2131, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan : 10 Oktober 2005.

Bertarikh : 10 Januari 2006.

Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan dide-ngarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 11 Februari 2006 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 14 Januari 2005.

NO. T/LA/38/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Md Jali bin Haji Shahbudin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Rakhiah binti Daud yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan dide-ngarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 11 Februari 2006 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 14 Januari 2005.

NO. T/LA/37/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Zainal Abidin bin Haji Abu Bakar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Abu Bakar bin Daud yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan dide-ngarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 11 Februari 2006 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 14 Januari 2005.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.

LIM SIEW YEN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

b) Semua si Piutang-piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

- 1) DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam
- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan Tawaran Biasa hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa, 21 Februari 2006.
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.
- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 7) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku

TAWARAN BIASA

BILANGAN TAWARAN : KK / 04 / 2006 :
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICAL RECORD FORMS FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS. Yuran Tawaran \$200.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / 05 / 2006 :
SUPPLY AND DELIVERY OF ORAL AND MAXILLO FACIAL SURGICAL INSTRUMENTS FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS. Yuran Tawaran \$200.00.

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 01 / 2006 :
SUPPLY , DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING THREE (3) UNITS OF ANAESTHETIC MACHINE WITH VENTILATOR AND MULTIPARAMETER MONITOR FOR OPERATING THEATRE, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 02 / 2006 :
SUPPLY , DELIVERY, TESTING AND COMMISSIONING THREE (3) UNITS MULTIPARAMETER WALL MOUNTED BEDSIDE COLOUR MONITOR AND ONE (1) UNIT OF CENTRAL MONITORING SYSTEM FOR OPERATING THEATRE, RIPAS HOSPITAL. Yuran Tawaran \$200.00.



**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
TUTONG**

NO. T/LA/35/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Sibok binti Abu Bakar @ Siti Aishah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hanifah bin Morsilin yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan dide-ngarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 11 Februari 2006 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 14 Januari 2005.

NO. T/LA/40/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Ali Ahmad bin Haji Md. Said kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hjh Jawiah binti Jais yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan dide-ngarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 11 Februari 2006 pada jam 9.00 pagi. Bertarikh 14 Januari 2005.

NO. T/LA/41/2005

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hjh Zabaidah binti Ibrahim kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Ibrahim bin Mohammad yang telah meninggal dunia di Negara Brunei



KURSUS SIJIL KEJURURAWATAN BAGI SESI 2006 - 2008 MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-PEMOHON yang terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkecenderungan bagi mengikuti Kursus Sijil Kejururawatan di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah selama 2 tahun, iaitu bagi sesi 2006 - 2008 adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing. Penduduk-penduduk Tetap adalah dibolehkan untuk memohon.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja yang akan dimumuduga untuk dipertimbangkan:-

- Bujang
- Memiliki sekurang-kurang empat (4) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa sama ada diperolehi dalam sekali atau berkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (G.C.E. 'O' level) atau peperiksaan yang sebanding dengannya.
- Mata-mata pelajaran peringkat biasa hendaklah mengandungi Bahasa Melayu dan salah satu daripada mata pelajaran berikut; Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains dan mempunyai dua mata-mata pelajaran yang lain.
- Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun pada 1 Ogos 2006.
- Lulus ujian kelayakan Bahasa Inggeris yang dibuat oleh pihak Maktab Jururawat jika perlu.
- Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui oleh Kerajaan.
- Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan ataupun pihak Swasta hendaklah menghadapkan permohonan mereka melalui Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan atau Ketua Jabatan masing-masing.

PERJANJIAN

Calon-calon yang terpilih di bawah biasiswa Kerajaan dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini:-

- Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada Kerajaan dengan sepenuhnya semua perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak Kerajaan.
- Pelajar akan jika dikehendaki, oleh Kerajaan, memasuki perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Jururawat Terlatih, selama tempoh yang tidak kurang dari lima tahun setelah kursus Diploma Kejururawatan tamat, dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana hospital dan klinik-klinik di Negara Brunei Darussalam di bawah Kementerian Kesihatan.

PERHATIAN

Borang permohonan bolehlah didapati daripada Bahagian Kemasukan dan Pendaftaran Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah. Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada 6 Mac 2006.

Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, tidak akan dilayan.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BPB/003/2006

"ELECTRICAL AND FIRE PROTECTION SERVICES FOR PROPOSED ALTERATION & EXTENSION TO HISTORICAL CENTRE, BANDAR SERI BEGAWAN".

Tarikh tutup : 14 Februari 2006, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen dan Lukisan : B\$86.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas III, IV, V & VI (Kategori 7a & 7b) sahaja.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua (2), di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET KUALA BELAIT

SAMAN BIL : 108 TAHUN 2004

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAMPlaintif

DAN

CHOON SIEW LIANDefendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

Kepada : CHOON SIEW LIAN

Alamat yang terakhir diketahui ialah di
No. 36, Jalan Bolkiah,
Seria KB4333,
Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, plaintif di mana tuntutan Plaintiff ialah yang berkaitan dengan bayaran telefon sebanyak \$2,067.62 faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh dan kos;

DAN bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di "PELITA BRUNEI" dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

TINDAKAN tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Kuala Belait pada 16 Februari 2006 jam 9.00 pagi, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang tersebut di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

DK MASNI PG HAJI BAHAR
Majistret

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini difailkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguamcara dan Peguambela bagi Plaintiff yang alamat penyampaiannya ialah Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA1910, Negara Brunei Darussalam.



PENGAMBILAN REKRUT LELAKI DAN WANITA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

PASUKAN Polis Diraja Brunei ingin mempelawa pemohon lelaki dan perempuan yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berkhidmat dengan Pasukan ini sebagai Mata-Mata.

PENGAMBILAN REKRUT LELAKI

TANGGAGAJI : PD.3 \$625.00 + \$186.00 (Elaun Catuan)
Selepas sembilan bulan \$640.00 + elaun-elaun tertentu

Syarat-syarat Kelayakan

- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran peringkat 'Ordinary' Level General Certificate of Education,
- Berumur di antara 18 hingga 28 tahun,
- Mestilah masih bujang;
- 5 kaki 6 inci dan berat badan tidak melebihi 65 kg
- Tidak memakai kaca mata dan tidak buta warna,
- Mestilah lulus pemeriksaan kesihatan.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

Perkhidmatan Mata-Mata adalah secara lantikan tetap.

KURSUS/LATIHAN

Pemohon-pemohon yang berjaya akan menjalani latihan asa selama sembilan (9) bulan di Pusat Latihan Polis.

Penempatan

Setelah menamatkan tempoh latihan, mereka akan ditempatkan di pelbagai cawangan di semua Daerah Polis Diraja Brunei.

PENGAMBILAN REKRUT WANITA

TANGGAGAJI: PD.3 \$625.00 + \$186.00 (Elaun Catuan)
Selepas sembilan bulan \$640.00 + elaun-elaun tertentu

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran peringkat 'Ordinary' Level General Certificate of Education,
- Berumur di antara 18 hingga 25 tahun,
- Mestilah masih bujang;
- Ukuran tinggi 5 kaki 4 inci dan berat badan tidak melebihi 55 kg;
- Tidak memakai kaca mata dan tidak buta warna,
- Mestilah lulus pemeriksaan kesihatan.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

Perkhidmatan Mata-Mata adalah secara lantikan tetap.

KURSUS/LATIHAN

Pemohon-pemohon yang berjaya akan menjalani latihan asa selama sembilan (9) bulan di Pusat Latihan Polis.

PENEMPATAN

Setelah menamatkan tempoh latihan, mereka akan ditempatkan di pelbagai cawangan di semua Daerah Polis Diraja Brunei.

PENGAMBILAN ANGGOTA POLIS TAMBAHAN

PASUKAN Polis Diraja Brunei ingin mempelawa pemohon lelaki dan perempuan yang terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berkhidmat dengan Pasukan ini sebagai anggota Polis Tambahan (APO).

TANGGAGAJI: PD.3 \$625.00 + \$186.00 (Elaun Catuan)
Selepas sembilan bulan \$640.00 + elaun-elaun tertentu

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran peringkat 'Ordinary' Level General Certificate of Education,
- Berumur di antara 18 hingga 35 tahun,
- Ukuran tinggi dan berat badan
- Lelaki - 5 kaki 6 inci/ tidak melebihi 65 kg
- Perempuan - 5 kaki 4 inci/ tidak melebihi 55 kg
- Tidak memakai kaca mata dan tidak buta warna,
- Mestilah lulus pemeriksaan kesihatan.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

Perkhidmatan Mata-Mata adalah secara lantikan tetap.

KURSUS/LATIHAN

Pemohon-pemohon yang berjaya akan menjalani latihan asas selama sembilan (9) bulan di Pusat Latihan Polis.

PENEMPATAN

Setelah menamatkan tempoh latihan, mereka akan ditempatkan di pelbagai cawangan di semua Daerah Polis Diraja Brunei.

TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- Borang-borang permohonan boleh didapati dari Bahagian Pengambilan, Pusat Latihan Polis, Ibu Pejabat Polis, Gadong pada waktu-waktu pejabat.
- Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke Pusat Latihan Polis, Ibu Pejabat Polis, Gadong tidak lewat dari 14 Februari 2006.
- Pemohon-pemohon yang berkhidmat di jabatan-jabatan Kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Pengambilan, pusat Latihan Polis di talian 2459500 sambungan 356.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG LEMBAGA KAKITANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (TARIKH TUTUP : 22 FEBRUARI 2006)

TEMPAT PENGHANTARAN BORANG

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN MASING-MASING**

SYARAT-SYARAT AM :

- PEMOHON terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan keramian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

1. PENOLONG KETUA PEGAWAI PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG JABATAN PEGUAM NEGARA TANGGAGAJI : C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) bidang Perpustakaan atau bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dalam tanggagaji C.2 tidak kurang 3 tahun ATAU dalam tanggagaji C.1 tidak kurang 5 tahun.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

TEMPAT MENDAPATKAN DAN MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN :

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN PERDANA
MENTERI BANGUNAN SEKRETARIAT
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. BIDAN (STAFF) KEMENTERIAN PERTAHANAN TANGGAGAJI : M.7-8 EB.9 (\$1,310 - \$2,315 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- Sijil Perbidanan Bahagian II dan mestilah yang berdaftar dengan Lembaga Kejururawatan Brunei (BNB).
- Telah dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Bidan Tingkat Khas atau jawatan-jawatan sebanding dengannya tidak kurang 10 tahun.
- Pengalaman luas di semua Bahagian Perbidanan.

2. BIDAN KEMENTERIAN PERTAHANAN TANGGAGAJI : M.4 EB.5 (\$930 - \$1,490 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- Sijil Perbidanan Bahagian II dan mestilah yang berdaftar dengan Lembaga Kejururawatan Brunei (BNB).
- Telah mengikuti kursus Sijil Perbidanan di Bahagian II di Pusat Latihan Jururawat, Kementerian Kesihatan tidak kurang 2 tahun.

3. MEKANIK (KENDERAAN) KEMENTERIAN PERTAHANAN TANGGAGAJI : E.3 EB.4 (\$660 - \$875 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- BTVEC NTC3 Motor Vehicle Mechanic atau sebanding. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan atau swasta dalam bidang kerja mekanik membaiki kenderaan tidak kurang 5 tahun.
- Boleh membuat laporan kerosakan dan mendapatkan alat ganti.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1, 2 DAN 3

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
K19 IBU PEJABAT JABATANARAH PENTADBIRAN DAN
TENAGA MANUSIA BOLKIAH GARISSEN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. PENOLONG SETIAUSAHA BANDARAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA TANGGAGAJI : C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) bidang Pengurusan / Pentadbiran Perniagaan atau bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang 5 tahun.
- Mengetahui Undang-Undang Bandaran dan yang berkaitan dengannya merupakan kelebihan.

2. PENGAWAS BENKEL LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA TANGGAGAJI : D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dalam tanggagaji D.3 tidak kurang 3 tahun
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam memperbaiki kerosakan jentera berat dan ringan.
- Pengalaman yang luas menjaga pekerja-pekerja mengatur sesebuah bengkel serta berkemahiran dalam mencari alat-alat ganti akan diutamakan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1 DAN 2 :

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. MERINYU METER KANAN JABATAN KERJA RAYA TANGGAGAJI : C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan [HNC] dalam bidang bersesuaian atau sebanding. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Merinyu Meter dalam tanggagaji D.3 EB.4 5 tidak kurang 4 tahun.
- Dapat menunjukkan kecekapan atau pengalaman dalam tugas di Bahagian Meter Air.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN :

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. PENJUAL BUKU / MAJALAH JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa atau sebanding. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dan berpengalaman dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan kewangan dan stor dalam tanggagaji E.1 tidak kurang 5 tahun.

2. GURU TUKANG TENUN TINGKAT KHAS JABATAN MUZIUM-MUZIUM TANGGAGAJI : G.5 (\$1,485 - \$2,155 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) pertukangan atau sebanding yang bersesuaian. ATAU
- Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- Telah berkhidmat sebagai Guru Tukang Tenun di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei atau jawatan bersesuaian dalam Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.

3. PEGAWAI REPROGRAFI JABATAN MUZIUM-MUZIUM TANGGAGAJI : C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang 3 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang 5 tahun.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Berkebolehan membaca tulisan jawi merupakan kelebihan.

4. PEMBANTU PENGAWAS BENKEL JABATAN MUZIUM-MUZIUM TANGGAGAJI : D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) BTVEC Sijil Kebangsaan (NC) dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang 3 tahun.
- Boleh bercakap dan menulis Bahasa Melayu dan Inggeris. Boleh membaca tulisan jawi adalah kelebihan.

5. TUKANG KAYU SENI HALUS JABATAN MUZIUM-MUZIUM TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa. ATAU
- BDTVEC NTC2 Carpentry atau sebanding. ATAU
- Sijil Pertukangan dari Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dengan kepujian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 selama tidak kurang dari 5 tahun.
- Pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan seni halus seperti mengukir dan melorek dari bahan-bahan kayu, tanduk dan gading, mengukir dan membuat hulu dan sarong keris, membuat sampak daripada logam seperti emas, perak dan tembaga bagi hulu dan sarong keris dan lain-lain bahan yang ada hubungan dengan kerja-kerja ini merupakan kelebihan.

6. PEMBANTU PENGAWET DAN TAKAPAN JABATAN MUZIUM-MUZIUM TANGGAGAJI : D.1-2 EB.3-4 (\$ 530 - \$1,465 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam tanggagaji E.1 tidak kurang 5 tahun dalam kerja-kerja mengawet dan membentuk binatang.
- Mempunyai kecenderungan dan tidak mengira kotor dan berbau.
- Seorang yang rajin, jujur dan amanah dalam menjalankan kerja-kerja yang diarahkan.

7. ATENDAN DEWAN JABATAN MUZIUM-MUZIUM TANGGAGAJI : F.1-2-3-4-5 EB.6 (\$445 - \$790 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB] atau sebanding. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1 HINGGA 7 :

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
SIMPANG 336-17 JALAN KEBANGSAAN, BA1210
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. KERANI BAHASA ARAB UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Kelulusan Sijil Pelajaran Ugama (SPU). Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa
- Boleh menaip dan mahir membaca dan menulis jawi dan arab.
- Boleh menaip rumi dan menguasai sistem ejaan baru serta mengetahui Bahasa Arab dan Inggeris adalah merupakan kelebihan.

2. PEMBANTU MAKMAL/BILIK KULIAH DEMONSTRAS UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM TANGGAGAJI : D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Peringkat Biasa. ATAU
- BDTVEC NTC 2 Elektrikal dan Elektronik. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.
- Boleh menguasai Bahasa Inggeris dan pengalaman dalam kerjaya makmal adalah kelebihan.

3. PEMBERSIH ASRAMA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM TANGGAGAJI : F.1-2-3 EB.4 (\$445 - \$650 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- Berbadan sihat dan berpengalaman dalam kerja-kerja pember-
sihan.
- Hendaklah tahu membaca dan menulis.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1, 2 DAN 3 :

**PENDAFTAR DAN SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
UP: BAHAGIAN PERJAWATAN, JALAN TUNGKU LINK
GADONG BS1410 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. PEMBANTU ALAT PANDANG DENGAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA TANGGAGAJI : D.1-2 EB.3-4 (\$ 530 - \$1,465 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- i) Lulus dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa. ATAU
- BDTVEC NTC2 bidang Elektrikal dan Elektronik atau bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan.
- Boleh bertutur dan menulis serta mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mengetahui asas dalam bidang yang berkaitan dengan media adalah keutamaan.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN :

**URUSETIA LEMBAGA KAKITANGAN
TINGKAT 1
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
JALAN MENTERI BESAR BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBERITAHUAN

- Mengisikan (1) satu salinan sahaja BORANG SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan bersama-sama dengan salinan siji-siji, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah. Bagi jawatan di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah menggunakan borang dari Jabatan Perdana Menteri.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan; dimana Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memberikan atau menyertakan lampiran-lampiran seperti berikut :-
a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
b. Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu di-sertakan).
c. Rekod Perkhidmatan
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan kepujian/kredit 4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.
- Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.
- Tugas dan Tanggungjawab: Maklumat boleh diperolehi dari pihak Kementerian/Jabatan masing-masing atau melayari laman web Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti di bawah.

TARIKH TUTUP IKLAN : 22 FEBRUARI 2006

Website : www.spa.gov.bn
Tel. No. 2381961 ext 543 (Unit Iklan)
BILANGAN IKLAN : 5/1/06 (SPA/BM/LK)



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (TARIKH TUTUP : 22 FEBRUARI 2006)

TEMPAT PENGHANTARAN BORANG

PEJABAT SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM**Syarat-syarat Am :**

- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan keramian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bagi jawatan B.3 ke atas, pemohon yang masih berkhidmat dalam Perkhidmatan awam hendaklah LULUS peperiksaan-peperiksaan berikut:-
 - Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
 - Peraturan-Peraturan Kewangan
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

1. PEGAWAI SEKURITI PENERBANGAN KANAN JABATAN PENERBANGAN AWAM TANGGAGAJI : B.3 (\$ 3,880 - \$4,240 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM:

